

"KITA juga terus meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat dan penduduk, melalui bidang-bidang pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan." - Titah sempena sambutan perayaan Hari Kebangsaan Ke-15 pada 23 Februari, 1999.



"KETAHUILAH! Dengan zikrullah (mengingati Allah) itu tenang tenteram hati manusia." - Surah Ar-Ra'ad ayat 27.

Presiden Republik Filipina lawat Brunei :

Oleh Samle Haji Jait dan Abdullah Asgar

BRUNEI - FILIPINA PERLU TEROKA USAHA SAMA BARU

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina seharusnya berterusan menerokai bidang yang lain bagi bekerja lebih rapat.

Kedua negara seharusnya meneroka kemungkinan-kemungkinan perniagaan baru dan mencipta synergi baru melalui Kawasan Pertumbuhan Asia Timur, Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Republik Filipina dan Malaysia (BIMP-EAGA).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian di Majlis Santap Negara bagi meraikan lawatan negara Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo di Istana Nurul Iman di sini.

"BIMP-EAGA adalah satu platform berguna bagi perniagaan kecil dan sederhana bagi kedua negara untuk berinteraksi dan meneroka usaha sama yang baru," titah baginda.

Pelancongan juga titah baginda boleh mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua negara.

"Terdapat banyak perkara yang boleh dibuat bagi mencipta kepekaan bersama yang lebih besar dalam memperkayakan kebudayaan masing-masing," titah baginda.

Baginda bertitah, rakyat Negara Brunei Darussalam sangat mengalu-alukan rakan dari Republik Filipina terutamanya di masa Tahun Melawat Brunei 2001.

"Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina keduanya terikat rapat pada kepentingan ASEAN. Ia telah memberikan rantau ini kedamaian dan kestabilan," titah baginda.

Menurut baginda lagi, negara-negara ASEAN belum pulih sepenuhnya dari krisis kewangan serantau, dan kini berdepan pula dengan prospek satu ekonomi global yang menurun. Seakan, perpaduan ASEAN telah menjadi lebih kritikal.

"Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam seharusnya bekerjasama dengan ahli-ahli ASEAN yang lain bagi mengukuhkan kerjasama dan ketahanan serantau," titah baginda lagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah mengenai usaha Presiden Republik Filipina yang sering menekankan kepentingan di mana kedua buah negara memerlukan persediaan bagi generasi baru di abad ke-21.

Baginda bertitah, sebagai ahli ekonomi, Puan Yang Terutama telah dapat mengenal pasti perlunya bagi meningkatkan bidang-bidang dalam perniagaan dan ekonomi.

Titah baginda, bila Puan Yang Terutama menekankan pentingnya menggalakkan semangat berusaha sama di kalangan masyarakatnya, Puan Yang Terutama menyuarakan satu 'kemestian' bagi semua orang di Asia Tenggara.

Baginda bertitah, kedua negara haruslah mendalami perbincangan mengenai isu-isu ini di Sidang Kemuncak ASEAN di Bandar Seri Begawan lewat tahun ini. Dalam bubungan itu, baginda mengharap penglibatan aktif dan sumbangan yang signifikan Presiden Republik Filipina semasa persidangan itu nanti.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo di Majlis Santap Negara yang berlangsung di Istana Nurul Iman. (Lagi cerita dan gambar-gambar muka 3, 8, 9, 10 dan 17).

Kebawah DYMM, Presiden Megawati adakan rundingan

Oleh
Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri di Istana Nurul Iman di sini.

Puan Yang Terutama tiba ke negara ini dalam rangka lawatan kerja dua hari dan disertai oleh soami Puan Yang Terutama, Bapak Taufiq Kiemas dan rombongan.

Turut berangkat di Majlis Mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Ben-

dahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Baginda dan Presiden Republik Indonesia bered di ruang lain istana bagi sesi rundingan empat mata. Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin telah membincangkan perkara-perkara dua hala dan kerjasama ekonomi.

Selepas rundingan, baginda dan Puan Yang Terutama berangkat bagi Majlis Santap Negara sem-

pena lawatan kerja dua hari Presiden Republik Indonesia dan rombongan, di mana Negara Brunei Darussalam adalah negara ketujuh dalam persinggahan lawatan ke negara-negara ASEAN.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Umat Islam perlu bangkit capai tamadun yang hilang

- Muka 2

Senyum Budiman :

Pastikan awda tidak makan barang-barang yang subahat atau haram

- Muka 3

Lawatan Rasmi
Presiden Republik
Filipina

- Muka 8 dan 9

Brunei disaran jadi
pemimpin
BIMP-EAGA

- Muka 10

Bahasa dan Budaya :

Fokus isu yang praktikal, relevan

- Muka 2 ANEKA

Seruan Suci :

Berzikir memantapkan ketakwaan

- Muka 3 ANEKA

Menjana Kesihatan
Biskita :

Merokok wujudkan pelbagai penyakit

- Muka 9 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PERPUSTAKAAN Islam Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan dan dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan. Penubuhannya mempunyai agenda ilmu meliputi tiga program utama - mengumpul segala ilmu dan maklumat semua mazhab dalam pelbagai bahasa di samping mengembang dan menyebarkan.

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita_1.htm

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا
قُمْوَرُهُ دَانْ مَا فَيَاغْ

Dari Sidang Pengarang

29 OGOS, 2001 BERSAMAAN 1422 10 جمادى الآخرة

MEMPERKUKUKKAN PERSAHABATAN, MENINGKATKAN KERJASAMA

NEGARA Brunei Darussalam terus mendapat perhatian dari negara-negara luar sama ada dekat mahupun jauh. Sempena Tahun Melawat Brunei 2001, banyak negara luar berkunjung ke negara ini bagi menjalin dan meneroka peluang pelaburan dan perdagangan. Iklim seumpama itu merupakan petanda yang amat baik dalam usaha negara kita mempelbagaikan ekonomi.

Sememangnya Negara Brunei Darussalam telah pun menjalin perhubungan yang baik dan akrab dengan negara-negara sahabat, sama ada dalam konteks serantau mahupun antarabangsa. Hari demi hari, ramai pemimpin dan pembesar-pembesar luar mengadakan lawatan baik secara rasmi mahupun lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam.

Baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam telah menerima lawatan tiga pemimpin ASEAN secara bergilir-gilir. Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Letenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra telah mengadakan lawatan rasmi dua hari pada 16 dan 17 Ogos. Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo membuat lawatan negara selama tiga hari, pada 22 hingga 24 Ogos. Kemudian diikuti dengan lawatan kerja dua hari pada 25 dan 26 Ogos oleh Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri.

Sesungguhnya lawatan ketiga-tiga pemimpin ASEAN itu mencerminkan keakraban ASEAN yang telah ditubuhkan sejak tahun 1967. Lawatan itu juga tidak syak lagi akan terus dapat menjalin, mengeratkan dan memperkukuhkan lagi persahabatan dan meningkatkan hubungan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang terutama sekali ekonomi, pelaburan dan perdagangan. Inilah cara ASEAN, yang lebih mengutamakan permufakatan, permuzakarah dan perundingan dalam semua tindak-tanduk yang akan dilaksanakan. Formula seperti inilah yang telah menjadikan ASEAN terus digalati dan dihormati oleh pemimpin dunia yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan perundingan empat mata bersama ketiga-tiga pemimpin itu. Perundingan yang berjalan dalam suasana kemesraan dan keakraban itu sudah barang tentu membuahkan hasil yang amat berharga dalam meningkatkan lagi kerjasama baru yang lebih menjurus kepada pelaburan, perdagangan dan ekonomi.

Ketika bertitah di Majlis Persantapan Negara bagi meraikan Puan Yang Terutama Presiden Republik Filipina di Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan harapan agar Brunei dan Filipina berterusan meneroka kerjasama perniagaan, pelancongan dan pelaburan dan mencipta synergi baru melalui Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Menurut baginda, negara-negara ASEAN belum pulih sepenuhnya dari krisis kewangan serantau dan kini berdepan pula dengan prospek ekonomi global yang menurun. Baginda bertitah, perpaduan ASEAN menjadi lebih kritikal dan penting dalam menangannya. Ke arah itu baginda mahu Republik Filipina dan Negara Brunei Darussalam bekerjasama dengan ahli-ahli ASEAN yang lain bagi mengukuhkan kerjasama dan ketahanan serantau.

Sementara itu, dalam titah baginda semasa meraikan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand di Majlis Santap Rasmi di Istana Nurul Izzah pula, baginda bertitah agar Negara Brunei Darussalam dan Thailand melihat ke arah cara baru bagi meningkatkan kerjasama di antara kedua negara yang meliputi banyak bidang umpamanya perdagangan dan pelaburan, pendidikan, pertahanan dan perhubungan.

Negara Brunei Darussalam dan Thailand, titah baginda lagi, juga harus bekerja rapat di dalam ASEAN dan forum-forum pelbagai hala bagi mempromosikan perpaduan serantau dan kerjasama.

Hasil daripada lawatan itu, tiga Memorandum Persefahaman (MOU) telah ditandatangani. Negara Brunei Darussalam telah menandatangani MOU dengan Thailand di bidang penyiaran dan penerangan. Sementara dengan Republik Filipina dua MOU ditandatangani iaitu di bidang pertahanan dan perhubungan. Sesungguhnya penandatanganan itu telah membuka lembaran baru bagi mengukuhkan lagi kerjasama di masa akan datang.

Lawatan pemimpin-pemimpin berkenaan ke negara ini, jelas menunjukkan betapa ASEAN terus mengamalkan formula permuzakarah dan perundingan dalam mencari kata sepakat bagi menentukan hala tuju rantau ini ke arah yang lebih dinamik dan progresif. Pemimpin rantau ini penuh percaya bahawa cara sedemikian yang telah diamalkan sejak 34 tahun lalu merupakan satu instrumen yang berkesan dalam mengekalkan kestabilan dan keselamatan rantau ASEAN.

HALUAN ...

UMAT ISLAM PERLU BANGKIT CAPAI TAMADUN YANG HILANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'een 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen. Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Ajma'een Waba'du.

Dunia telah mengakui bahawa pada suatu masa dahulu, kegemilangan dan keagungan tamadun Islam telah merintis jalan ke arah ketinggian peradaban umat manusia dan dunia.

Sejarah adalah benar-benar menyaksikan, bahawa beberapa buah kota Islam pernah menjadi pusat dan tumpuan untuk mempelajari kemahiran dan tamadun yang dibanggakan pada ketika itu.

Tetapi sayang scribu kali sayang, tamadun yang dibina dengan pengorbanan dan susah payah itu, kini hanya tinggal sebagai ristaan saja.

Dalam masa yang sama, tamadun yang tadinya menjadi milik umat Islam, telah diubahsuai oleh orang lain sehingga mencetuskan kecemerlangan zaman sains dan teknologi serta dunia IT yang perkasa.

Inilah dia tamadun mutakhir, yang sebenarnya pada peringkat awal, bukanlah ia dari siapa-siapa, melainkan dari Islam dan umatnya jua.

Apa pun juga yang terjadi, yang penting bagi kita umat Islam sekarang ialah adanya kesedaran tulen untuk bangkit semula mencapai tamadun yang telah hilang itu. Dan kesedaran ini pula mestilah bersifat kolektif dan menyeluruh, yang diikuti dengan usaha-usaha ikhlas secara bersepadu.

Pada hari ini kita sedang menyaksikan satu usaha dibuat, iaitu melalui Ekspo Islam Antarabangsa Pertama. Beta percaya, kelangsungannya sedikit sebanyak akan dapat membuka minda kita untuk terus meneroka jalan-jalan yang lebih luas lagi ke arah memartabatkan Islam dan umatnya.

Jabatan Mufti Kerajaan yang beta perintahkan

penubuhannya enam tahun yang lalu, adalah juga dihasratkan untuk sama-sama turut berperanan dalam menjana kemajuan ummah di bidang yang bersesuaian dengannya. Di samping mengeluarkan fatwa, ia juga perlu komited untuk mewujudkan pusat rujukan ilmu Islam

memperkenalkan namanya sebagai Perpustakaan Islam Brunei Darussalam.

Berbalik lagi tentang Ekspo Islam Antarabangsa Pertama, beta secara peribadi amatlah mengalu-alukan langkah yang dibuat oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ini, sebagai suatu



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pelancaran Ekspo Islam Antarabangsa Pertama pada 28 Jamadilakhir, 1422/18 Ogos, 2001.

DALAM masa yang sama, tamadun yang tadinya menjadi milik umat Islam, telah diubahsuai oleh orang lain sehingga mencetuskan kecemerlangan zaman sains dan teknologi serta dunia IT yang perkasa.

yang lengkap, sebagai syarat atau langkah bagi mencapai tamadun yang diinginkan.

Maka ke arah inilah, beta berhasrat supaya ditubuhkan sebuah Perpustakaan Islam yang mempunyai agenda ilmu yang meliputi tiga program utama: Satu, untuk mengumpul secara sistematik segala ilmu dan maklumat Islam, yang meliputi semua mazhab dan di dalam apa saja bahasa.

Kedua, untuk mengembangkannya dan yang ketiga untuk menyebarkan sekali.

Alhamdulillah, di dalam kompleks bangunan ini, perpustakaan yang disebutkan itu telah pun teras dan beta sudah pun

usaha ke depan yang berani dan berwawasan.

Beta turut menyedari, bahawa untuk mengumpul penyertaan umat Islam dari pelbagai negara di dunia, bukanlah suatu kerja yang mudah. Ia memerlukan usaha gigih dan kesabaran.

Kemudian, ditambah lagi dengan usaha mendatangkan artifak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, adalah juga satu inisiatif lain yang juga memerlukan keyakinan. Kerana bukanlah senang untuk mendapatkannya, kecuali dengan rundingan-rundingan yang bersungguh-sungguh lagi telus, sehingga pihak-pihak yang memiliki artifak-artifak tersebut mempercayai kita.

Alhamdulillah, berkat niat baik serta persefahaman dengan pemilik-pemilik itu, maka akhirnya, Allah telah mengizinkan kita untuk dapat melihat sendiri artifak-artifak yang mulia itu. Kita perlu merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada pihak-pihak yang sudi meminjamkan artifak-artifak tersebut, semoga Allah jua yang akan membalas mereka dengan ganjaran kemakmuran dan kebahagiaan. Beta yakin, dengan sumbangan kerjasama yang diberikan oleh negara sahabat serta juga oleh orang-orang perseorangan dalam perkara ini, akan lebih merapatkan lagi jalinan persahabatan kita yang telah sedia kukuh itu.

Akhirnya, beta juga turut mengalu-alukan semua peserta ekspo yang terdiri daripada para ulama, para pakar dan cendekiawan, ahli-ahli perniagaan dan pertubuhan-pertubuhan Islam dari pelbagai arah di pelusuk dunia ini. Mudah-mudahan dengan pertemuan yang singkat itu, sekurang-kurangnya akan menjadi titik awal berputiknya persefahaman dan semangat sejagat bagi membina semula tamadun Islam di persada antarabangsa.

Maka dengan lafaz Bismillah, Masya-Allah, Lailahaillallah, Allahu Akbar, Walahaula Quwwata Illallah, beta rasmi-kan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama berserta dengan acara-acara utamanya yang terdiri dari Pameran Warisan Islam, Pesta Perdagangan, Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara dan Forum Antarabangsa.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PRESIDEN FILIPINA MELAWAT TIGA HARI KE SINI

BERAKAS, 22 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Gloria Macapagal Arroyo yang mengadakan lawatan negara tiga hari ke negara ini.

Oleh Haji Ahat HI

Berangkat sama bagi mengalu-alukan Puan Yang Terutama Presiden Republik Filipina ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Juga berada di lapangan terbang bagi mengalu-alukan Presiden Re-

publik Filipina dan rombongan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku menteri pengiring.

Lawatan Negara Puan Yang Terutama diiringi oleh suami, Attorney Jose Miguel T. Arroyo serta lebih dari 70 delegasi terdiri dari pegawai-pegawai tinggi, ahli-ahli perniagaan dan wakil-wakil media.

Lawatan negara Puan Yang Terutama termasuklah Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menghadiri Majlis Persantapan Negara, melawat ke Freedom Textiles Sendirian Berhad, menghadiri Forum BIMPEAGA, menghadiri Forum Tenaga, menghadiri taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, lawatan ke Kampong Ayer, lawatan ke Ekspo Islam Antarabangsa Pertama dan mengadakan perjumpaan dengan masyarakat Filipina yang bekerja di negara ini.

Kerjasama Brunei - Filipina

Kebawah DYMM, Presiden Filipina lahirkan rasa puas hati

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo menyatakan rasa puas hati terhadap kerjasama di antara kedua buah negara di bidang politik, ekonomi dan sosial budaya.

Kenyataan bersama itu dibuat dalam pertemuan empat mata antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Puan Yang Terutama di Istana Nurul Iman di sini.

Dalam pertemuan itu, kedua-dua pemimpin juga telah bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan serantau dan isu-isu antarabangsa.

Terdahulu dari itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Oleh Haji Ahmad HS

Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengalu-alukan ketibaan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo di perkarangan Istana Nurul Iman yang membuat lawatan negara selama tiga hari ke negara ini.

Sejurus ketibaan, lagu kebangsaan kedua negara dimainkan dengan diiringi 21 tembakan meriam dan kemudian Presiden Republik Filipina memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan diiringi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Selepas itu Puan Yang Terutama diperkenalkan kepada kerabat diraja, pembesar negara, menteri kabinet dan diplomat asing ke negara ini dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pula diperkenalkan kepada rombongan rasmi Puan Yang Terutama.

Selepas itu, kedua-dua pemimpin beredar ke ruang lain bagi Majlis Mengadap.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap itu ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang

Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Juga berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan kerabat diraja yang lain.

Perkampungan Sivik Mahasiswa Seberang Laut 2 - 6 September

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Negara Brunei Darussalam Seberang Laut Tahun 2001 bermula pada 2 hingga 6 September, 2001, bertempat di Rumah Persinggahan Kerajaan di ibu negara.

Perasmiaannya akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama pada 3 September bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara, Jabatan Penerangan, Berakas bermula jam 8.30 pagi.

Perkampungan Sivik bertemakan 'Mahasiswa/Mahasiswi Pewaris Kepimpinan Negara' anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Polis Diraja Brunei dan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad itu akan disertai oleh lebih kurang 120 orang mahasiswa.

Sepanjang perkampungan, para peserta akan berpeluang mengikuti lima ceramah masing-masing berkisar mengenai hal-ehwal kenegaraan, adat istiadat, aspek aspek bial haram khusus mengenai pemakanan, ekonomi, ajaran sesat dan pendidikan selain menghadiri forum mengenai keperluan sektor awam dan swasta.


Mereka juga akan menghadiri Kuliah Subuh dan perbincangan serta penempatan bersama Pasukan Polis Diraja Brunei, di samping menghadiri majlis ramah mesra bersama para pemimpin kerajaan di majlis-majlis jamuan makan malam.

Antara objektif ialah untuk memberikan kefahaman hal-ehwal semasa dalam kerajaan bagi membentuk minda dan iltizam pelajar ke arah melahirkan semangat keprihatinan cintakan bangsa, agama dan negara yang berteraskan falsafah negara 'Melayu Islam Beraja'.

Ia juga bertujuan bagi memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai hal-ehwal negara dan kerajaan serta sektor swasta serta meluaskan minda dan iltizam penuntut ke arah melahirkan semangat cintakan raja, bangsa, agama dan negara.

Selain dari itu ia juga dihasratkan untuk mendekatkan penuntut ke arah menghormati dan mengamalkan nilai-nilai luhur falsafah negara 'Melayu Islam Beraja' di samping memberikan kefahaman mengenai keperluan semasa negara di bidang kemajuan sosial, ekonomi dan keselamatan.

SENYUM BUDIMAN



KUNJUNGAN PERPISAHAN PRESIDEN FILIPINA

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap kunjungan perpisahan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan suaminya, Jose Miguel T. Arroyo di Istana Nurul Iman di sini.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Selepas majlis mengadap itu, Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama bersalam-salaman dengan Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, ahli-ahli majlis mesyuarat dan timbalan-timbalan menteri.

Selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta Puan Terutama Datin Laila Utama beredar ke pentas diraja untuk menerima hormat diraja dan seterusnya lagu kebangsaan kedua-dua

Oleh Aliddin HM
Gambar-gambar
oleh Halim HS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berangkat bersama Presiden Republik Filipina dan suami sejurus menerima mengadap perpisahan (atas). Sementara gambar bawah, Presiden Republik Filipina dan suami bersalaman bersama para pembesar negara.



buah negara dimainkan.

Sebelum meninggalkan Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri mengucapkan selamat berpisah kepada Presiden Republik Filipina dan rombongan.

Sementara itu, di Lapangan Terbang An-



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap perpisahan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo.

Presiden Filipina dikurniakan Bintang Kebesaran Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) yang membawa gelaran Datin Laila Utama Yang Amat Dihormati kepada Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Gloria Macapagal Arroyo di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurni-

kan gelaran itu sempena lawatan negara Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama selama tiga hari di negara ini, setelah dilantik menjadi Presiden Republik Filipina tahun ini.

Oleh
Haji Ahmad HS



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (D.K.) kepada Presiden Republik Filipina.

Mengalu-alukan pemain Kejohanan Bola Sepak Piala Liga Juara-juara

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat ke Majlis Jamuan Tengah Hari bagi mengalu-alukan pasukan-pasukan dan pemain-pemain yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Pasukan Piala Liga Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001 (gambar bawah). - Gambar oleh Halim HS.



SEMPENA LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI THAILAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah di Majlis Santap Rasmi sempena lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra ke negara ini. Majlis berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong (atas). Sementara gambar kiri, baginda besalaman mesra bersama Perdana Menteri Thailand seurus tiba di majlis itu.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, TYT Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra yang membuat lawatan rasmi selama dua hari ke negara ini. Berangkat sama di majlis mengadap itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah. Di majlis

mengadap itu baginda dan Tuan Yang Terutama telah mengadakan perbincangan mengenai isu-isu dua hala, terutama usaha untuk meningkatkan kerjasama di antara kedua-dua buah negara di samping membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa (gambar atas). Sementara gambar kanan, baginda berbual mesra bersama Tuan Yang Terutama iaitu ketika baginda menerima mengadap TYT sebelum Majlis Santap Rasmi berlangsung di Istana Nurul Izzah, Jerudong.

Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO, Harun HR,
Haji Masmaleh HMA,
Pengiran Rafee PDPHM dan
Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand ke negara ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi melakukan lawatan ke negara ini (kiri). Sementara gambar kanan, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra memeriksa perbincangan kehormatan yang terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei seurus tiba di negara ini.



Kebawah DYMM kurniakan Koleksi Mushaf, Tongkat dan Tasbih

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Koleksi Mushaf, Tongkat dan Tasbih untuk dipamerkan di Ekspo Islam Antarabangsa Pertama.

Menurut Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, pengurniaan itu adalah suatu sumbangan unik lagi istimewa yang jarang-jarang terfikir oleh seseorang.

Mufti Kerajaan juga menjelaskan bahawa ratusan 'Manuskrip Tua' yang berumur beratus-ratus tahun bahkan ada yang menjangkau seribu tahun, merupakan suatu kesempatan yang sukar dijumpai.

Mufti Kerajaan berkata demikian ketika menyebarkan ucapan alu-aluan sebelum perasmian Ekspo Islam Antarabangsa Pertama di bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Babu Raja di sini.

Menurut Yang Dimuliakan, manuskrip-manuskrip itu bukanlah berupa kepingan-kepingan naskhah yang bercera-cera daripada Mushaf atau kitab, tetapi adalah sebuah-sebuah, penuh dan lengkap dan juga bukan daripada salinan-salinan yang bergambar, tetapi ianya yang asli yang ditulis dengan tangan.

"Ertinya tiap-tiap naskhah itu adalah merupakan yang satu-satunya di dunia ini. Kerana adalah tidak mungkin atau payah untuk berlaku, satu jenis Mushaf atau buku itu ditulis oleh seorang penulis sehingga berbilang-bilang naskhah.

Yakni bukanlah satu kerja mudah untuk menulis dua naskhah Mushaf atau

Oleh Abdullah Asgar,
Abu Bakar HAR
dan Sahari Akim

kitab oleh seorang penulis yang sama," jelas Mufti Kerajaan.

Yang Dimuliakan Mufti Kerajaan menjelaskan, sejak awal-awal lagi ekspo tersebut dirancang dengan niat untuk menjelaskan imej dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sebenarnya.

"Bahawa baginda adalah sangat-sangat mengambil berat mengenai Islam dan benar-benar menjadikan Islam itu berfungsi dalam kehidupan, bukan setakat disebut-sebut, tetapi adalah dipakai," kata Mufti Kerajaan.

Tambahnya, memakai Islam memanglah cantik, tetapi bukan semua orang yang nampak kecantikan Islam, kerana itu tidak hairan amat susah untuk memperjuangkan Islam itu.

"Kerja-kerja Islam biasanya banyak rintangan dan cubaan, ada-ada saja halangan dan risikonya, namun jika orang mengerti akan rahsia atau hikmahnya, orang tidak akan lari dari Islam, tidak mahu lari sekalipun tinggi risikonya," jelas beliau lagi.

Kata Yang Dimuliakan, sejarah telah dan sedang menyaksikan bahawa baginda adalah raja yang berani kerana Islam, yang istiqamah di hadapan Allah, baginda telah memimpin dan mentadbir negara dengan hati singa, sedang orang lain tidak mampu berbuat demikian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, me-

nurut Mufti Kerajaan, telah mengharamkan arak, sedang orang lain ragu-ragu untuk berbuat demikian, baginda telah banyak menyempurnakan fardu kifayah, menubuhkan institusi kewangan Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah untuk rakyat, Institut Tahfiz Al-Quran, memperkenankan undang-undang supaya disesuaikan dengan kehendak Islam dan banyak lagi.

Semua itu, jelas Mufti Kerajaan, men-

jadi moto penggerak kepada semua untuk berlumba ke arah menyokong dan mendukung wawasan-wawasan serta kepimpinan baginda.

MUFTI Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz (gambar kanan) berpendapat, pengurniaan koleksi itu merupakan suatu yang unik lagi istimewa.



PERJANJIAN Persefahaman bagi mencetak Buku Koleksi Mushaf, Tongkat dan Tasbih : Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ditandatangani antara Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dan Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (YSHHB). - Gambar oleh Hamadi HM.

Penerbitan Buku Koleksi Mushaf, Tongkat dan Tasbih ditandatangani

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Orang ramai sedikit masa lagi akan boleh mendapatkan Buku Koleksi Mushaf, Tongkat dan Tasbih : Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang telah dilancarkan pada Sabtu, 18 Ogos sempena Pelancaran Ekspo Islam Antarabangsa Pertama.

Perjanjian persefahaman bagi mencetak buku tersebut telah termeterai di antara Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah sebagai pembiaya dan Jabatan

Oleh
Abdullah Asgar

Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai penerbit untuk menghasilkan buku tersebut.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah di ibu negara disaksikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang juga selaku

Pengerusi Sementara Lembaga Pengarah Yayasan berkenaan.

Menandatangani bagi pihak yayasan ialah dua orang ahli lembaga pengarahnya iaitu Pengarah Urusan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar dan Pengarah Eksekutif, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Sura Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas, sementara Jabatan Mufti Kerajaan pula diwakili oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz dan Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Haji Ahmad Bukhari.

Penerbitan buku koleksi itu adalah bertujuan sebagai merakamkan sebahagian daripada corak kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai ketua agama.

Di samping itu, penerbitannya juga dihasratkan bagi mendokumentasikan koleksi artifak baginda secara bersistematik di mana

Jabatan Percetakan Kerajaan akan bertanggungjawab bagi mencetak buku itu sepenuhnya.

Antara perkara yang terkandung dalam buku koleksi itu ialah hanya 81 artifak koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia termasuk 27 buah Mushaf, 27 utas tasbih dan 27 batang tongkat kerana kesuntukan masa.

Ia juga memuatkan mengenai catatan bagaimana baginda diasuh dengan asuhan agama dan adat oleh pengasuh-pengasuh baginda.

Selain itu, buku tersebut juga merakamkan baginda sebagai ketua agama di mana Al-Quran (Mushaf), Tasbih dan Tongkat sebagai wadah ibadah dan gaya kepimpinan baginda yang antaranya memuatkan catatan bagaimana Mushaf, tasbih dan tongkat telah mempengaruhi cara hidup baginda sehingga ia menjadi wadah ibadah dan kepimpinan.

Buku itu juga antara lain memuatkan gambar-gambar koleksi artifak Mushaf, tasbih dan tongkat yang disertakan dengan catatan pentingnya.

Ia akan dicetak dalam tiga bahasa iaitu Melayu, Arab dan Inggeris.

Kaedah KKC berkesan selesai masalah

RIMBA, 8 Ogos. - Membudayakan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) dalam pengurusan jabatan perlu ada dorongan dan sokongan padu semua pihak.

Kaedah KKC dikatakan ternyata berkesan bagi negara-negara maju seperti Jepun, Republik Singapura dan lain-lain negara.

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah berucap demikian ketika merasmikan Pelancaran dan Pertandingan Kumpulan Kerja Cemerlang antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan bagi tahun 2001 yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Dato Paduka Awang Haji Abdullah menjelaskan bahawa Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) adalah satu kaedah pengurusan yang amat berguna dan berkesan dalam penyelesaian masalah ataupun memperbaiki tahap mutu perkhidmatan dalam unit, bahagian jabatan dan kementerian.

Terdahulu dari itu, Pengarah Pelabuhan-Pelabuhan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Ali dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan me-

Oleh
Aliddin HM

perlihatkan ketangkasan pengurusan untuk menangani pelbagai masalah yang timbul dalam jabatan masing-masing.

Enam pasukan tersebut yang mewakili jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan menampilkan kriteria masalah yang diatasi untuk melicinkan kerjaya dengan mengatasinya secara sistematik.

Pertandingan KKC diteruskan di sebelah petang untuk diakhiri.



AWANG Haji Diris bin Haji Belaman dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mulai 25 Ogos, 2001.

Dilantik jadi Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Ogos. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa baginda telah memperkenankan bagi Awang Haji Diris bin Haji Be-

laman, Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri tersebut, lantikan Awang Haji Diris sebagai Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkuatkuasa mulai 6 Jamadilakhir, 1422 bersamaan 25 Ogos, 2001.

Menerima mengadap Duta Besar Laos

BANDAR SERI BEGA-WAN, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah

Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam berkenan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Bounthong Vongsaly. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

PM Thailand lawat Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Ogos. - Kampong Ayer yang masih wujud sejak ratusan tahun lalu merupakan salah satu buah destinasi yang menarik bagi kunjungan pelancong tidak kira pelancong dalam mahupun luar negara.

Kampong Ayer kini semakin terserlah apabila negara mempromosikan Tahun Melawat Brunei (TMB) 2001 yang menjadi salah sebuah destinasi yang sering mengambil tempat untuk dipromosikan.

Bagi pelawat atau pelancong asing yang datang ke negara ini tidak akan lengkap lawatannya apabila tidak berkunjung ke Kampong Ayer dan begitulah halnya dengan lawatan rasmi Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra tidak mahu melepaskan peluang atau mendengar cerita saja mengenai keunikan

Oleh Abu Bakar HAR

serta keindahanannya.

Ketibaan Tuan Yang Terutama di Dermaga Kastam Diraja dialu-alukan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin berserta pegawai-pegawai kanan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Semasa mensyusuri Kampong Ayer jelas terbayang kegembiraan Perdana Menteri Thailand. Mereka telah menyaksikan keaslian dan keindahan Kampong Ayer dalam meniti arus zaman dengan penampilan dua perumahan yang berbeza iaitu perkampungan air yang sebenar dan penempatan perumahan yang baru secara teratur.

menerima mengadap Tuan Yang Terutama Tuan Bounthong Vongsaly, Duta Besar Republik Demokratik Rakyat Lao yang baru ke Negara Brunei Darussalam. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan di sini.

Menurut siaran akbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, semasa perjumpaan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Tuan Yang Terutama dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

TYT Tuan Bounthong Vongsaly menyampaikan watakah perantikkannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 10 Julai, 2001.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN BURUH

BIL.	JENIS PERKHIDMATAN	TEMPOH MASA
1.	Lesen Pengambilan Pekerja Asing bagi syarikat : a) Permohonan baru : (i) Bagi permohonan-permohonan yang beroperasi di kawasan-kawasan komersil, perniagaan ataupun perusahaan yang dikawal oleh Lesen Rampaian (ii) Permohonan-permohonan lain (iii) Tempoh masa bagi membuat rayuan untuk permohonan yang tidak berjaya b) Permohonan membarui c) Permohonan tambahan	14 hari bekerja 30 hari bekerja 14 hari selepas keputusan diterima 14 - 30 hari bekerja 14 hari bekerja
2.	Lesen Pengambilan Pekerja Asing untuk Persendirian (Amah) : a) Permohonan Baru b) Permohonan Membarui c) Permohonan Tambahan	12 hari bekerja 3 hari bekerja 12 hari bekerja
3.	Pertukaran kontrak (transfer) bagi syarikat dan amah	7 hari bekerja



PERDANA Menteri Thailand, TYT Leftenan Kolonel Polis Thaksin Shinawatra ketika berada di negara ini tidak melepaskan peluang melihat keindahan Kampong Ayer. Mengiringi Tuan Yang Terutama dalam lawatan itu ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. - Gambar oleh Hamadi HM.

UJIAN PERLU DIBUAT KE ATAS PROJEK KIUB KONRIT

BERAKAS, 11 Ogos. - Dalam usaha untuk memberikan kefahaman mengenai Pelaksanaan Pertubuhan Piawaian Antarabangsa dan Suruhanjaya Elektro-Teknik Antarabangsa ISO/IEC 17025, Kementerian Pembangunan telah mengadakan seminar sehari mengenainya.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji

Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin dalam ucapan utamanya di awal seminar ISO berkenaan berkata dalam 'voluntary sector' terdapat banyak cawangan industri sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang menubuhkan sistem persijilan dan pengiktirafan.

Sistem-sistem seperti itu, tambahnya, adalah bertujuan untuk mencapai kualiti

yang lebih konsisten dan juga memastikan semua saingan di taraf yang sama.

Bagaimanapun, tambahnya, dalam perkembangan yang menjurus kepada ekonomi yang lebih terbuka dan global, sistem tersebut agak kurang sesuai, katanya.

Bagi perdagangan yang bertujuan sama rata bolehlah diertikan bahawa produk atau perkhidmatan diedarkan secara sah oleh sesebuah negara mestilah juga bebas diedarkan di negara lainnya tanpa memerlukan pengujian, pemeriksaan dan persijilan semula.

Oleh yang demikian, pengiktirafan adalah merupakan sistem berdasarkan kepada peraturan seragam yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Piawaian Antarabangsa seperti ISO, bagi penilaian yang berterusan ke atas makmal-makmal, badan-badan pemeriksaan dan badan-badan persijilan yang aktif dalam pasaran terbuka, jelasnya lagi.

Sistem itu, katanya, adalah berdasarkan kepada sistem kebangsaan yang diakui oleh badan pengiktirafan dan organisasi kerjasama sama ada serantau atau antarabangsa.

Dalam hubungan itu beliau menyarankan supaya semua jurutera yang terlibat dalam sektor pembinaan terutama dalam Kementerian Pembangunan supaya memastikan ujian hendaklah dibuat ke atas projek-projek umpamanya konkrit kiub batu-bata dan sebagainya di

Oleh Siti Muslihat HS

makmal-makmal yang diiktiraf.

Seminar sehari yang diadakan di Kementerian Pembangunan itu antaranya bertujuan untuk memberikan kefahaman mengenai Piawaian Antarabangsa melalui program jangka pendek dan sederhana.

ISO/IEC 17025 ini adalah merupakan piawai antarabangsa yang menerangkan kehendak am mengenai kelayakan ujian dan kalibrasi makmal.

Ianya menggantikan Piawaian ISO/IEC Guide 25: 1991, yang diguna pakai oleh Negara Brunei Darussalam pada tahun 1994 sebagai GD 2 keluaran 2:1994. Menganalisis perkembangan yang terdapat dalam piawaian antarabangsa, Jawatankuasa Teknikal Kementerian Pembangunan telah mengambil ISO/IEC 17025 sebagai Piawai Brunei Darussalam bagi menggantikan ISPO/IEC Guide 25:1991/GD 2 keluaran 2:1994.

Perlaksanaan piawaian yang baru diperkenalkan itu akan membolehkan sesebuah makmal menepati kriteria antarabangsa yang diakui dan diiktiraf ke atas penilaian ujian dan kalibrasi makmal oleh organisasi pengiktirafan makmal.

Lebih 30 pengamal makmal dari sektor kerajaan dan swasta menghadiri seminar berkenaan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Zakaria ketika memberikan ucapan utama di Seminar ISO/IEC 17025 yang berlangsung di Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Harun HR.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri meraihan Presiden Republik Filipina di Majlis Persantapan Negara.



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo diperkenalkan kepada pembesar negara sejurus tiba di Istana Nurul Iman (atas). Sementara gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri, Presiden Republik Filipina dan suami berdiri tegak ketika lagu kebangsaan kedua buah negara dimainkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Presiden Republik Filipina memeriksa perbarisan kehormatan sejurus tiba di Istana Nurul Iman (kiri). Sementara gambar atas, Presiden Republik Filipina menerima cenderamata dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



BERANGKAT sama di Majlis Persantapan Negara ialah DYT Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, DYT Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Hajah Zariah, DYT Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufrin Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

LAWA PRESI

Oleh Samie HJ
dan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Harun HR, Haji
Masmaiah HMA
dan Hamadi HM

BANDAR Seri
Paduka Seri
daulah Sultan
Duli Yang Ma
Hajah Saleha
meraihan Pres
Utama Gloria
Majlis Persant

Keberangkatan
Iman dialu-alu
Yang Maha Mu
Mulia Pengiran

Berangkat
Muda Mahkota
Teramat Mulia
Waqar Pengin
Pengiran Anak
Mulia Paduka
Pengiran Muda
Pengiran Muda
Pengiran Muda
Anak Puteri
Anak Puteri

Sebelum Na
Duli Yang Ma
Teramat Mu
Terutama di

Kemudian
Baginda Raja
Yang Teram
Diraja

Doa selam
Yang Di-Pert
Pehin Datin
Paduka Seri
Abdul Aziz
jaan Negara

Kemudian
mengumumkan
Yang Teram
ucapan ba

Puan Yang
sini selamat
lawatan na
Darussalam
dilantik me
Filipina

Sepanjang
Yang Teram
lah mengah
menarik ter
hubungan ip
selain men
meningkatkan
pelbagai id
Brunei Dar
Filipina

BAGINDA dan
Sementara or
hadir sebelum

TAN RASMI DEN FILIPINA

BEKAWAN, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadudillah, Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam, Puan Yang Terutama Datin Laila Macapagal Arroyo dan Attorney Jose Miguel T. Arroyo di Negara sempena lawatan ke Negara Brunei Darussalam.

Puan Yang Terutama dan rombongan di Istana Nurul Jihrah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Walid bin Mohamad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Hajah Hafizah Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pengiran Mawana dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Pengiran Noor Ehsani.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri berkenan menerima menghadap Puan Yang Terutama berkenan mengadakan pertukaran cenderamata.

Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri serta Puan Yang Terutama berkenan bergambar kenangan bersama di Dewan Persantapan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri berkenan menerima menghadap Puan Yang Terutama berkenan mengadakan pertukaran cenderamata.

Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri serta Puan Yang Terutama berkenan bergambar kenangan bersama di Dewan Persantapan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri berkenan menerima menghadap Puan Yang Terutama berkenan mengadakan pertukaran cenderamata.

Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri serta Puan Yang Terutama berkenan bergambar kenangan bersama di Dewan Persantapan.



PERTEMUAN empat mata antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Macapagal Arroyo (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan mengurniakan titah di Majlis Persantapan Negara.



BAGINDA, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Isteri dan DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan bergambar kenangan bersama Presiden Republik Filipina dan suami.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diperkenalkan kepada rombongan Presiden Republik Filipina (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menyaksikan cenderamata yang disampaikan ke hadapan majlis baginda oleh Presiden Republik Filipina.



Presiden Republik Filipina berangkat meninggalkan Majlis Persantapan Negara (atas). Sementara gambar kanan, kerabat-kerabat diraja dan rombongan Presiden Republik Filipina berangkat dan meninggalkan Majlis Persantapan Negara berlangsung.



SEMPENA LAWATAN RASMI PRESIDEN FILIPINA

BRUNEI - FILIPINA TANDATANGANI 7 PERJANJIAN

JERUDONG, 23 Ogos. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina telah sepakat menandatangani tujuh Perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU) bagi menggalakkan kemajuan ekonomi sektor swasta di antara kedua negara.

Menyaksikan penandatanganan semua perjanjian itu ialah Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman.

Tujuh perjanjian memorandum persefahaman yang telah ditandatangani itu ialah Philippine National Oil Company (PNOC)-Exploration Corporation bersama Mashor General Contractors Sendirian Berhad.

Menandatangani bagi pihak Mashor ialah Pengerusi Kumpulan Kompeni Mashor, Malai Haji Abdul Hamid bin Haji Malai Mashor manakala PNOC pula ialah pengurusinya, Awang Thelmo Y. Cunanan.

Di bawah perjanjian tersebut kedua pihak telah bersetuju bagi PNOC mungkin memerlukan khidmat Mashor General Contractors sebagai salah sebuah kontraktornya dalam beberapa aspek bagi meneroka dan pembangunan.

Selain itu, kedua pihak juga bersetuju bagi menjalankan kegiatan-ke-



PERJANJIAN latihan di antara Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dengan Inkoperasi Cebu Air (CA) ditandatangani oleh Presiden Koperasi Logistik Udara Cebu, Joseph Macagaga dan Pengurus Pemeliharaan RBA, Awang Hassan bin Tengah

Liputan Abdullah Asgar
dan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Haji Masmaleh HMA



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyaksikan Majlis Penandatanganan MOU antara Philipinas Shell Petroleum Corporation dan Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad.

giatan yang membolehkan pelaburan ekuiti oleh Mashor General Contractors di sektor petroleum Filipina sebagai satu usaha sama bersama PNOC.

Manakala dua MOU di antara Shell Philippines Exploration B.V. (SPEX) Philipinas Shell Petroleum (PSPC) bersama Brunei Shell Petroleum (BSP) bagi meneroka pembangunan perdagangan dan peluang-peluang pekerjaan dalam industri minyak dan gas kedua belah pihak.

Pertama ialah di antara Pengerusi Philipinas Shell Petroleum Corporation

dan Pengarah Urusan, Shell Philipinas, Awang Oscar Reyes dan Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad, Awang Chris Finlayson.

Perjanjian ia akan meliputi pinjaman penenang boya yang akan digunakan untuk mengangkat kondensat dari Malampaya, menjalankan kajian sama pada berkemungkinan memasuki dalam perjanjian pembekal untuk minyak mentah Brunei bagi digunakan oleh penapis PSPC di Bantangan, Filipina, program pertukaran latihan dan lawatan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan teknikal kedua belah pihak.

Sementara MOU kedua ialah di antara Pengerusi Philipinas Shell Petroleum Corporation dan Pengarah Urusan Shell Philipinas, Awang Oscar Reyes bersama Pengarah Urusan Brunei LNG Sendirian Berhad, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab.

Di bawah perjanjian itu, SPEX akan meneroka berkemungkinan membina teknikal dan komersil pada LNG kemudahan 'peak-

shaving' untuk penyediaan berterusan bekalan gas pada pengguna.

MOU seterusnya ialah di antara Dewan Perniagaan dan Industri Filipina (PCCI) bersama Dewan Kebangsaan Perniagaan dan Industri Brunei di mana menandatangani bagi pihak PCCI ialah presidennya, Awang Miguel B. Varela, manakala Brunei diwakili oleh Presiden DKPIB, Sheikh Abas Sheikh Mohamad.

Perjanjian tersebut bertujuan mengukuhkan perdagangan, ekonomi, kerjasama teknologi dan lain-lain perhubungan perniagaan di antara kedua negara melalui peningkatan kegiatan-kegiatan promosi.

Di samping itu, MOU itu juga menyediakan pertukaran maklumat, bagi industri perniagaan dan ekonomi keseluruhannya. Kedua belah pihak juga bersetuju mengukuhkan kontrak perniagaan dengan menambah bantuan kepada ahli-ahli dan sidang organisasi, seminar dan lawatan pelajaran.

Lihat muka 11



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo ketika menghadiri Forum BIMP-EAGA antara perwakilan Brunei Darussalam dan Filipina-Majlis Mindanao. Majlis berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Brunei disaran jadi pemimpin BIMP-EAGA

JERUDONG, 23 Ogos. - Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo menyarankan Negara Brunei Darussalam bagi menjadi pemimpin dalam Kawasan Pertumbuhan

Asia Timur, BIMP-EAGA.

Ini kerana Negara Brunei Darussalam merupakan satu-satu negara dalam BIMP-EAGA manakala yang lain hanyalah merupakan kawasan wilayah atau daerah di dalam BIMP-EAGA.

Presiden Republik Filipina melahirkan saranan itu ketika menghadiri Forum BIMP-EAGA di antara perwakilan Negara Brunei Darussalam dan Filipina - Majlis Mindanao di Empire Hotel and Country Club di sini.

Sementara itu dalam temu bual PELITA BRUNEI bersama Pengerusi Majlis Perniagaan Asia Timur-

EABC, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abas menjelaskan, tujuan utama forum itu ialah bagi mencari kepentingan atau faedah dalam pemulihan inisiatif-inisiatif penubuhan BIMP-EAGA sejak penubuhannya lebih lima tahun lalu.

Katanya, forum itu juga merupakan satu peluang keemasan kepada semua yang berminat di dalam kawasan BIMP-EAGA bagi pemulihan semua komitmen dan mengekalkan momentum yang selama ini diharapkan.

Selain itu, katanya, forum itu juga sangat penting bagi mengimbangi perkembangan perdagangan di Lembah Mekong dan meningkatkan inisiatif-inisiatif ekonomi yang lain.

Katanya, dengan komitmen penuh dari Presiden Republik Filipina dan sokongan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, beliau yakin dan optimis terhadap kejayaan pemulihan segala komitmen bagi kemajuan BIMP-EAGA.



PENGERUSI Majlis Perniagaan Asia Timur-EABC, Pengiran Haji Abdul Rahman yakin kejayaan pemulihan segala komitmen bagi kemajuan BIMP-EAGA.

Kerjasama perniagaan Brunei - Filipina dijalin

JERUDONG, 23 Ogos. - Dua forum perdagangan yang dihadiri oleh Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo membuka lagi lembaran baru ke arah merealisasikan persefahaman dan jalinan kerjasama perniagaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina.

Penyertaan Puan Yang Terutama dalam forum itu merupakan salah satu atur cara sempena lawatan negara ke sini.

Forum BIMP-EAGA telah membincang empat isu yang memberi faedah dan membuka peluang baru yang meliputi dalam bidang-bidang maritim, hubungan udara, perdagangan dan pelaburan.

Forum berkenaan telah dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, beberapa buah perusahaan Negara Brunei Darussalam dan Filipina serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Kemudian, Puan Yang Terutama diberi taklimat bagi Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab yang juga Ketua Pengarah Perancangan Ekonomi dan Pembangunan.

Semasa menghadiri jamuan tengah hari, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo

menggalakkan penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan di Republik Filipina.

Puan Yang Terutama turut melahirkan kegembiraan di atas usaha-usaha gigih kedua buah negara dalam saling bekerjasama bagi meningkatkan kerjasama di bidang perniagaan dan ingin melihat usaha itu akan diteruskan.

Sebelum itu, perdagangan kedua belah pihak termasuk pemakanan, peralatan, pengangkutan dan jentera.

Jamuan tengah hari berkenaan telah diberikan oleh Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Brunei di The Empire Hotel and Country Club di sini.

SEMPENA LAWATAN RASMI PRESIDEN FILIPINA

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo melahirkan kegembiraan di atas hasrat Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang bercadang bagi membuat pelaburan di Konsortium Petrokimia Filipina.

Dengan cadangan pelaburan itu, Puan Yang Terutama berkeyakinan ia boleh memajukan dalam pentadbiran Republik Filipina.

Presiden Republik Filipina berkata terdapat cadangan perjanjian bagi mengelakkan cukai berganda dan pengurangan dari mengelak fiskal pendapatan.

"Usaha dan kerjasama ini boleh dilanjutkan dalam kerjasama dua hala di antara Republik Filipina dan

Negara Brunei Darussalam yang keempat, yang mana akan dilaksanakan tahun depan. Satu lagi hubungan dua hala ialah mengenai latihan dari Penerbangan Diraja Brunei di Cebu Pasifik, penerbangan Antarabangsa Filipina yang baru," jelasnya dalam ucapan balasnya di Majlis Persantapan Negara, di Istana Nurul Iman.

Tambahnya, satu lagi perjanjian penerbangan udara akan dimeterai di antara Penerbangan Filipina dan Negara Brunei Darussalam yang berbentuk pesawat sewa khas

Liputan Abdullah Asgar dan Samie HJ

bagi destinasi Brunei-Filipina yang dijangka boleh meningkatkan bidang pelancongan di antara kedua negara.

Selain itu, PYT menjelaskan perjanjian pengangkutan maritim yang bakal ditandatangani di antara kedua negara yang akan membolehkan pelaut untuk berkhidmat di perkapalan Brunei setelah sijil mereka diiktiraf oleh

Negara Brunei Darussalam juga merupakan satu petanda kerjasama yang berterusan.

Dengan termeterai semua perjanjian ini, PYT melahirkan keyakinan dan kegembiraan bahawa kerjasama dua hala di antara kedua negara akan mencapai faedah dan kepentingan bersama dan akan berterusan di masa akan datang.

Presiden Filipina lahir kegembiraan hasrat Brunei buat pelaburan petrokimia



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan suaminya, Jose Miguel T. Arroyo ketika membuat lawatan ke kilang pembuatan pakaian, Jati Freedom Textiles di Serasa, Muara. - Gambar oleh Masri Osman.

Melawat kilang Jati Freedom Textiles

MUARA, 22 Ogos. - Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo dan suaminya Jose Miguel T. Arroyo telah melawat kilang pembuatan pakaian di Serasa.

Ketibaan Puan Yang Terutama di Jati Freedom Textiles dialu-alukan oleh Pengurus Kilang berkenaan, Pengiran Anak Haji Jaafar dan ahli-ahli Lembaga Pengarah kilang tersebut dan seterusnya diberikan taklimat ringkas mengenai kilang berkenaan.

Rombongan Republik Filipina itu kemudiannya dibawa meninjau lebih dekat lagi kerja-kerja pembuatan pakaian tersebut.

Kilang tersebut mula ditubuhkan 1991 di bawah perjanjian persefahaman dengan sebuah syarikat dari Republik Singapura.

Oleh Aliddin HM

Kilang itu berupaya menghasilkan pakaian yang berkualiti tinggi dan ketika ini kilang berkenaan menghasilkan lebih 700 ribu helai pakaian bagi orang dewasa dan kanak-kanak dalam sebulan untuk dieksport ke luar negara, dan sejumlah besarnya ke Amerika Syarikat.

Penghantaran pakaian ke luar negara dilakukan dua kali dalam seminggu iaitu setiap hari Isnin dan Jumaat.

Kilang berkenaan ketika ini mempunyai hampir 2,000 orang pekerja yang jumlah besarnya terdiri daripada rakyat Republik Filipina, Thailand, Bangladesh, Malaysia, Republik Singapura dan penduduk tempatan.

Kagumi kebudayaan Brunei

Oleh Haji Ahmad HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Persembahan kebudayaan dan kraf tangan seperti berdundang, permainan guling tangan, membuat tudung dulang atau tudung saji dan pelbagai pertunjukan pembuatan makanan tradisi seperti kuih jala dan penyaram berjaya menarik perhatian Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo ketika melakukan lawatan ke Kampong Tamoi.

Lawatan ke rumah Ketua Kampong Tamoi Ujong adalah merupakan susunan acara lawatan Presiden Republik Filipina ke negara ini dengan menyusur Sungai Brunei menggunakan kapal khas Tanjung Bekarang.

Ketibaan Puan Yang Terutama di Dermaga Kastam

Diraja dan rombongan dialu-alukan oleh Setiausaha Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Yusof dan Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman.

Selepas itu, Puan Yang Terutama dan rombongan menyusuri Sungai Brunei untuk melihat lebih dekat kehidupan, kebudayaan dan sosial penduduk Kampong Ayer dengan persinggahan pertama ke Rumah Ketua Kampong Tamoi Ujong.

Ketibaan pelawat negara itu dialu-alukan oleh Ketua Kampong Tamoi Ujong, Pengarah Haji Mokti bersama keluarga beliau dengan menghadiahkan seimbak bunga kepada Presiden Republik Filipina.

Di samping itu, para pelawat negara itu juga dialu-alukan dengan pukulan hadrž dan pelbagai muzik tradisi dan persembahan kebudayaan yang sering dipersembahkan kepada pelawat negara yang bertandang ke kampong berkenaan.

Kampong Ayer merupakan kampung yang unik bagi Negara Brunei Darussalam dan merupakan mercu tanda bagi pelancongan negara ini yang mempunyai sejarah dan keunikannya tersendiri. Setiap pelancong yang datang ke negara ini akan merasa kerugian jika tidak mengunjungi Kampong Ayer yang merupakan kawasan perkampungan yang terapung-apung di air dan yang terbesar di Asia Tenggara serta menjadi tarikan utama para pelancong.

Dari muka 10

Kedua pihak juga bersetuju bagi menganjurkan Majlis Perniagaan Brunei-Filipina dan Majlis Perniagaan Filipina-Brunei yang akan bertemu setiap tahun mengikut giliran.

Sementara itu, MOU lain ialah latihan di antara Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dengan Inkoperasi Cebu Air (CA). Perjanjian itu ditandatangani oleh Naib Presiden Koperasi Logistik Udara Cebu, Awang Joseph Macagga dan Pengurus Pemeliharaan RBA, Awang Hassan bin Tengah.

Perjanjian itu akan menyediakan program yang dinamakan B757 kakitangan kabin latihan SEP yang akan dijalankan oleh RBA bagi anak buah kapal Cebu Air yang sama.

Manakala, pengarah urusan Zura Travel Services Sendirian Berhad, Awang Haji Abdul Aziz bersama pengerusi Air Philippines Corporation pula menan-

datangani perjanjian memorandum persefahaman Air Philippines Corporation dan Zura Travel Services Sendirian Berhad.

Ia adalah bagi kedua belah pihak menerokai peluang-peluang dengan cadangan bagi mengadakan hubungan terus udara di antara Brunei Darussalam dan Filipina.

MOU terakhir ditandatangani ialah di antara Dewan Perniagaan Tiong Hwa Brunei bersama Dewan Industri Perniagaan Filipina-China Incorporated.

Perjanjian itu menyediakan promosi perdagangan dan pelaburan mengukuhkan persahabatan di antara kedua-dua dewan perniagaan tersebut. Ia juga menyediakan maklumat pertukaran perniagaan dan bantuan konsultasi yang kurang di kalangan kedua dewan ini.

Menandatangani perjanjian itu Presiden Dewan Perniagaan Tiong Hwa Brunei, Awang Robert Koh dan Presiden Persekutuan Dewan Industri dan Perniagaan Filipina-China, Awang Benjamin G. Chua, Jr.



PRESIDEN Republik Filipina, Puan Yang Terutama Datin Laila Utama Gloria Macapagal Arroyo beramah mesra bersama rakyat Republik Filipina yang bekerja di Jati Freedom Textiles. - Gambar oleh Masri Osman.

BERANGKAT KE EKSPLO ISLAM ANTARABANGSA

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar
oleh Pengiran Haji
Bahar PHO dan
Pengiran Rafee
PDPHM

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang berlangsung di Kompleks Bangunan Jabatan Mufti Kerajaan yang baru di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia ke ekspo tersebut dijunjung oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi

Dihormati Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Ekspo Islam Antarabangsa Pertama beserta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi ekspo berkenaan.

Berangkat sama ke ekspo tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri mula-mula berkenan menyaksikan artifak-artifak yang dimansubkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat-sahabat Baginda yang dihasratkan merintis ke arah meningkatkan kecermerlangan ummah melalui ilmu dan maklumat yang berkualiti.

Kemudian baginda dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyaksikan koleksi mushaf, tasbeih dan tongkat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diikuti pula dengan menyaksikan Balai Pameran Baitulhikmah yang baru dilancarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta pameran tentang perkembangan institusi fatwa.

Juga dipamerkan sempena dengan ekspo antarabangsa ini, pelbagai artifak-artifak Islam termasuk kain pintu Kaabah serta pelbagai artifak yang berbentuk bahan Melayu Islam Nusantara.

Juga menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri ialah Ekspo Perdagangan Antarabangsa yang mengetengahkan pelbagai produk barangan serta perkhidmatan yang disertai kira-kira 25 buah negara dengan menyediakan lebih kurang 200 petak pameran.

Sebelum berangkat balik, baginda, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi ekspo berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menyaksikan surah-surah yang diukir di batu mar-mar di Bangunan Darululitah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri menyaksikan artifak yang dimansubkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri yang berkenan mencuba perubahan masa kini yang turut dipamerkan di Ekspo Islam Antarabangsa Pertama (kiri).

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan mushaf Al-Quran (bawah).



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia tertarik melihat pameran bahan artifak iaitu pedang yang dimansubkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



KOLEKSI Al-Quran lama yang bersaiz besar turut dipamerkan di ekspo itu. Gambar atas, baginda dan Duli Yang Teramat Mulia menerima penerangan ringkas mengenai Al-Quran itu dari Mufti Kerajaan.



TONGKAT-TONGKAT koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri (atas).

Kebawah DYMM penggerak perkembangan dunia Islam

BERAKAS, 16 Ogos - Pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang bertujuan untuk mengiktiraf dan menggalakkan kecemerlangan akademik dalam apa jua bidang sastera, sains sosial dan kemasyarakatan yang berkaitan dengan tamadun Islam merupakan inisiatif dan sokongan baginda yang amat bermanfaat terhadap perkembangan dunia Islam.

Dr. Farhan Ahmad Nazmi, Pengarah Pusat Oxford Bagi Pengajian Islam menyatakan perkara tersebut dalam sembah alu-aluannya di Majlis Pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2000 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Anugerah itu adalah merupakan sebahagian dari program utama bagi Pengajian Tamadun Islam di Pusat Oxford (bagi pengajian Islam) yang telah diasaskan dan ditahap oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa keberangkatan lawatan baginda ke United Kingdom pada tahun 1992.

Menurut Dr. Farhan, sokongan baginda kepada pusat tersebut adalah sangat bermakna dan menjadi perangsang kepada semua yang terlibat sambil menyifatkan kerabat baginda telah banyak memberikan bantuan terhadap pengajian Islam, di samping berjaya menempatkan Negara Brunei Darussalam ke hadapan bersama negara-negara dunia yang prihatin kepada perkembangan syiar Islam.

Di majlis itu, beliau juga menekankan bahawa teknologi komunikasi dan perdagangan menjadikan masyarakat yang berlatam budaya bertambah rapat. Maka adalah sangat penting ia diselaraskan dan dipertingkatkan dengan kebijaksanaan dan toleransi, setia kawan dan persefahaman berasaskan semangat saling hormat-menghormati.

Katanya, persefahaman dan semangat hormat-menghormati tidak akan terlaksana tanpa adanya pengetahuan serta pengertian dan pada masa yang sama berpegang kepada nilai-nilai tradisi murni di samping mempunyai sikap keterbukaan.

Terdahulu beliau berkata, pengajian 'Sirah Nabi', adalah sangat penting yang menjurus ke arah asas kepercayaan umat Islam terhadap pegangan kepada ajaran agama Islam.

Menyentuh pemilihan kali ini, Dr. Farhan berkata, disebabkan tahap pencalonan yang begitu tinggi bagi anugerah 'Sirah Nabi' adalah sangat wajar bagi komite pemilihan memilih ketiga pemenang untuk berkongsi anugerah tersebut.

Penerima anugerah kali ini ialah Dr. Akram Dhiya Al-Umari, seorang pensyarah di Universiti Qatar, Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghadban, seorang pengkaji pendidikan di Universiti Umm Al-Qura Mekah Al-Mukaramah dan Ustazah Samera Husni Al-Zayed, Pengajar Bahasa Arab di Damascus, Syria.

Liputan Sahari Akim

Gambar-gambar oleh

Haji Haranadi HB dan Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi tahun 2000 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menadah tangan bersama lain-lain jemputan ketika doa dibacakan bagi memberkati Majlis Pengurniaan Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BERAKAS, 16 Ogos - Para penerima Anugerah Antarabangsa Sultan Haji Hassanal Bolkiah Tahun 2000 menyifatkan anugerah tersebut sebagai bukti kecamatan dan ketepatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sekali gus mengiktiraf dan menggalakkan kecemerlangan akademik mengenai bidang-bidang yang berkaitan dengan pengajian Tamadun Islam.

Tiga penerima yang ter-

Mencemerlangkan akademik tamadun Islam

pilih bagi kecemerlangan akademik dalam pengajian 'Sirah Nabi' terdiri dari Dr. Akram Dhiya Al-Umari, Pensyarah dalam bidang Hadis di Universiti Qatar, Dr. Munir Mohammad Najib Al-Ghadban, Pengkaji Pendidikan di Universiti Umm Al-Qura di Mekah Al-Mukaramah dan Ustazah Samera Husni Al-Zayed, Pengajar Bahasa Arab di Damascus.

Penerima pertama Dr. Akram Dhiya Al-Umari dalam ucapannya antara lain menyatakan sesungguhnyanya sejarah hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak mengajar umat manusia ke arah pembentukan insan yang salih walau dalam keadaan berlainan keturunan, warna kulit dan bahasa dengan mewujudkan satu bahasa persefahaman yang dikongsi bersama iaitu bahasa wahyu yang membentuk nilai-nilai toleransi, tolong-menolong, hormat-menghormati serta kasih sayang.

Katanya, masyarakat hari ini lebih memerlukan kepada nilai-nilai yang dibawa oleh Rasulullah dalam membentuk kehidupan yang bertamadun menjurus ke arah meningkatkan pengetahuan, ilmu dan teknologi di samping menjaga keaslian, nilai-nilai dan identiti yang dapat memberikan dorongan terhadap perubahan tamadun ke tahap yang universal berasaskan kebaikan, kebenaran dan kedamaian.

"Kita perlu memudahkan pengajian Islam kepada generasi akan datang dengan mengabadikan semula pembentukan bahasa yang asal dan menerjemahkannya ke dalam bahasa lain serta mengaitkannya dengan kehidupan intelektual dan sosial, mengelakkan dari cerita-cerita yang tidak benar dan

pemikiran-pemikiran yang salah," jelasnya.

Sementara itu, penerima kedua Dr. Munir Mohammad Ghadban pula dalam ucapan penerimaannya antara lain menyatakan bahawa beliau telah berkecimpung dalam bidang 'Sirah Nabawiyah' sejak hampir 30 tahun dan dalam tempoh itu merasakan berada di samping Baginda siang dan malam.

Menurutnya, beliau mengkaji sejarah Baginda dan mengikuti cabaya ajarannya dengan harapan agar dapat membuka minda kesedaran manusia sejagat terhadap kebesaran Nabi Muhammad yang sehingga kini 'hakikat sebenar' mengenai kisah Baginda itu belum lagi dapat dicapai sepenuhnya oleh beliau.

Menyentuh pengurniaan anugerah tersebut beliau berkata, "Bagi mana-mana insan merasakan bahawa dalam hidupnya di dunia ini, detik dan ketika menerima anugerah dari salah seorang Raja yang juga pemimpin besar dunia sebagai tanda pengiktirafan di atas sumbangan ilmunya, adalah merupakan impian yang paling besar dan indah."

Ustazah Samera Husni Al-Zayed dalam ucapan penerimaannya pula menyatakan, apa yang mendorong beliau menulis Sirah Nabawiyah (himpunan lengkap) adalah disebabkan beliau melihat sesetengah penulis sebelum ini hanya memaparkan sejarah Nabi dari satu sudut sahaja.

Kedua itu membuatkan beliau terfikir untuk menghimpunkan semua fakta-fakta dari sumber asli yang menitikberatkan kesahihan dengan menyertakan sanad-sanadnya sekali.

Apa yang mengembirakannya ialah, beliau merupakan muslimah pertama yang mengarang kitab tentang Sirah Nabawiyah dengan menggunakannya kaedah tersebut.

Beliau menegaskan, penglibatannya membuktikan kesucian dan relevannya Agama Islam dengan memberikan kebebasan kepada para muslimah untuk bergerak seiring dengan kaum musliminnya untuk menceburi apa sahaja bidang yang memberi manfaat kepada ummah dengan menjaga keibaratannya sebagaimana yang digariskan oleh syarak.



DR. Munir Mohammad Najib Al-Ghadban, Pengkaji Pendidikan di Universiti Umm Al-Qura berkecimpung dalam bidang 'Sirah Nabawiyah' sejak hampir 30 tahun.



DR. Akram Dhiya Al-Umari, Pensyarah dalam bidang Hadis di Universiti Qatar menjelaskan sejarah hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam banyak mengajar umat manusia ke arah pembentukan insan yang salih.



USTAZAH Samera Husni Al-Zayed, Pengajar Bahasa Arab di Damascus, muslimah pertama mengarang kitab tentang 'Sirah Nabawiyah'.

ARENA SUKAN



SELAMAT DATANG... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diperkenalkan kepada sebuah pasukan yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Jemputan Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001. - Gambar oleh Ramli Tengah.

B'sepak Jemputan Piala Liga Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001

Lahirkan pemain berbakat

Oleh Haji Ahat HI

GADONG, 23 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Makan Tengah Hari bagi mengalu-alukan pasukan-pasukan dan pemain-pemain yang menyertai Kejohanan Bola Sepak Jemputan Piala Liga Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001 di Hotel Centrepont di sini.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Kejohanan bersempena Tahun Melawat Brunei 2001 ini disertai oleh pasukan juara bertahan dari Republik Indonesia, Persija, naib juara Happy Valley A.A. dari Hong Kong, Pahang F.A. dan Selangor F.A. dari Malaysia, pendatang baru Bec-Taro Sasana dari Thailand, Song Lam Nghe An dari Viet Nam dan dua buah dari pasukan negara tuan rumah

BAFA XI dan PDMM F.C.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain dalam ucapan ringkas di majlis tersebut menyatakan bahawa melalui kejohanan tersebut akan memberi peluang kepada peminat-peminat bola sepak tempatan menyaksikan bintang-bintang bola sepak antarabangsa beraksi di negara ini.

Dalam masa yang sama tambah Yang Berhormat akan dapat meningkatkan mutu permainan bola sepak di negara ini di samping melahirkan pemain-pemain yang berbakat di masa depan.

Yang Berhormat, selaku Presiden Persatuan Bola Sepak Darussalam (BAFA) selanjutnya berkata, kejohanan sempena Tahun Melawat Brunei 2001 juga akan memberi peluang kepada para pemain dari pasukan-pasukan undangan untuk mengunjungi tempat-tempat tarikan pelancong di negara ini.

Persija, Pahang, Selangor & Bec-Taro Sasana

MENCATAT KEMENANGAN

Oleh Haji Ahat HI

BAFA XI dan Song Lam Nghe An masing-masing tewas dalam perlawanan pembukaan Kumpulan 'A', Kejohanan Bola Sepak Jemputan Piala Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, pada 24 Ogos lepas.

Tuan rumah BAFA XI, hanya bermain cemerlang dalam separuh masa pertama dengan kedua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol dan diseparah masa kedua Pahang F.A. dari Malaysia berjaya menjaringkan 3-0 gol.

Song Lam Nghe An dari Viet Nam pula tewas kepada juara bertahan dari Indonesia PERSIJA 2-1. Mohamdu Bako menjaringkan kedua-dua jaringan PERSIJA sementara jaringan tunggal Song Lam Nghe An dijaringkan oleh Van Si Son.

Terdahulu dari upacara pembukaan didahului dengan perbarisan dari lapan pasukan yang menyertai kejohanan itu dan selepas itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah diperkenalkan kepada pasukan-pasukan.

Kejohanan sempena Tahun Melawat Brunei 2001 yang ditaja oleh Sektor Kerajaan dan swasta itu antaranya bertujuan untuk memperkenalkan Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan selain untuk meningkatkan mutu permainan bola sepak di negara ini.

Pada perlawanan dalam Kumpulan 'B' Bec Taro Sasana dari Thailand menumpaskan naib juara tahun Happy Valley A.A. dari Hong Kong 1-0 melalui jaringan Jatupong Thongkush manakala DPMM F.C. tewas kepada Selangor F.A. dari Malaysia 2-7.



GOL... Penjaga gol Selangor F.A. Abdul Hadi Mohd Tahir gagal menyelamatkan sepaak bebas Oluseye Ajayi dan bola bergolek masuk ke gawang pintu (kanan). - Gambar oleh Ramli Tengah.



BAFA XI GAGAL KE SEPARUH AKHIR

LALUAN BAFA XI untuk mara ke perlawanan separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Jemputan Piala Juara-juara Tahun Melawat Brunei 2001 hancur berkecai apabila menerima kekalahan kedua 2 - 0 kepada Song Lam Nghe An di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 26 Ogos lepas.

Meskipun bermain dengan baik, berbanding dengan permainan ketika menentang Pahang F.A.

skuad bimbingan jurulatih Rosanan Samak, itu gagal memanfaatkan beberapa kesempatan yang terhidang.

Justeru dengan kemenangan itu peluang Song Lam Nghe An untuk mara ke perlawanan separuh akhir masih terbuka manakala BAFA XI yang masih mempunyai satu lagi permainan bertemu Persija terpaksa melupakan hasrat tersebut.

Pada pertemuan dengan

pasukan dari Viet Nam itu pasukan tuan rumah bermain cukup kemas dengan menguasai gerakan tengah melalui gandingan Muhd. Sufian Shamsubari, Johan Gouttefangeas dan Molenda Shaun David untuk memberi ruang kepada penyerang Abang Norsilmy Abang Taha bersama Muhd. Salihin Abdullah Gampar untuk melakukan jaringan.

Namun kebanyakan kesempatan yang terhidang itu

gagal dilaksanakan oleh kedua penyerang itu sehingga Muhd. Sufian dan Molenda Shaun sekali sekala bertindak membantu penyerang.

Song Lam Nghe An yang sering menerima asakan, sekali-sekala melakukan serangan mengejut yang kemudian membuahkan jaringan melalui gerakan solo dari Iddi Batabuze yang merembat masuk menewaskan penjaga gol, Jefry Mohammad.

Ketinggalan 1 - 0, pasukan tuan rumah terus memamerkan permainan yang bersemangat dan hampir pasti memperoleh dua jaringan percubaan Awangk Muhd. Shahrin dan Alias Haji Bakir tersasar keluar.

Selepas itu pasukan pelawat pula menguasai permainan dengan melancarkan serangan bertalu-talu yang kemudiannya, berjaya menambah jaringan kedua selepas sepaak pemain pertahanan tuan rumah terkena belakang Ho Thanh Thuong dan masuk menjadikan 2 - 0 hingga tamat permainan.

Sementara itu juara bertahan Persija mara ke perlawanan separuh akhir selepas menumpaskan Pahang F.A. 1 - 0.

DPMM F.C. tewas 7-2

CORAK pengadilan yang kurang bermutu dalam perlawanan antara DPMM F.C dan Selangor F.A pada perlawanan kedua Kumpulan 'B' Kejohanan Bola Sepak Liga Juara-juara Jemputan Tahun Melawat Brunei 2001, pada 25 Ogos lepas telah mengakibatkan kelab dari negara tuan rumah kecundang 7 - 2 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Dalam pertemuan itu pengadil perlawanan dari Republik Filipina, Aruta Danilo, begitu gemar melayangkan kad kuning kepada pemain-pemain DPMM F.C tanpa terlebih dahulu memberikan kata-kata amaran.

Lebih daripada itu pula pengadil tersebut tidak teragak-agak melayangkan kad merah kepada Ketua Pasukan DPMM F.C, Mohd. Ali Momin yang sekali gus mengarahkan

nya keluar padang, ketika DPMM F.C sudah ketinggalan 2 - 1.

Terdahulu pada awal permainan itu DPMM F.C mendahului 1 - 0 melalui sepaak bebas Antonov Vitalie dan Selangor F.A menyamakan 1 - 1 melalui Mohd. Amri Yahya manakala jaringan kedua pasukan pelawat melalui sepaak penalti oleh Mohd. Rizal Hassan.

Dengan hanya bermain 10 orang, Selangor F.A memanfaatkan kepincangan DPMM F.C itu dengan menambahkan dua jaringan berturut-turut sebaik saja permainan separuh masa kedua melalui Tengku Hazman Raja Hassan dan Mohd. Amri Yahya menjadikan 4 - 1. Beberapa minit selepas itu DPMM F.C kemudian merapatkan kedudukan 4 - 2 melalui jaringan Saizan Haji Kula.

Meskipun masih ketinggalan,

DPMM F.C yang dibarisi oleh empat pemain import yang terdiri dari Antonov Vitalie, Nicholas Wayne Wai Terhyde, Vantuir Carmon De Moura Junior dan Oluseye Ajayi masih berupaya memberikan cabaran dengan melancarkan serangan sekali sekala.

Dalam keghairahan untuk mendapatkan jaringan itu, pengadil perlawanan sekali lagi bertindak memberikan kad merah kedua kepada Oluseye Ajayi yang dilihatnya mengasari penjaga gol Selangor F.A, Abdul Hadi Mohd. Tahir.

Ketiadaan Mohd. Ali Momin dan Oluseye Ajayi, DPMM F.C yang bermain 9 orang terus menerima asakan dan dibolosi lagi tiga jaringan melalui Mohd. Rizal Hassan, Amir Shahreen manakala jaringan terakhir pula adalah jaringan sendiri kesilapan pertahanan DPMM F.C.



TERSUNGKUR...Seorang pemain BAFA XI terjatuh selepas gagal merebut bola daripada pemain Pahang F.A di perlawanan sulung yang berkesudahan BAFA XI tumpas 3-0. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ARENA SUKAN



BRUNEI YAKIN Pengurus, jurulatih dan pemain-pemain skuad bola sepak Sukan SEA melungkan semangat Brunei Yakin semasa sesi latihan di Padang Mengalit, Gadong. - Gambar oleh Hamadi HM.

Menjelang Sukan SEA Ke-XXI BOLA SEPAK BERHASRAT LAKUKAN KEJUTAN



MESKIPUN diletakkan dalam Kumpulan Maut bersama pasukan pilihan Malaysia dan Vietnam, pemenang Pingat Perak Sukan SEA 1999 lalu, serta Indonesia, skuad bola sepak negara tetap menaruh harapan yang tinggi untuk melakukan kejutan di temasya Sukan SEA Ke-XXI Kuala Lumpur bulan depan.

Bola sepak yang belum pernah merangkul sebarang pingat untuk negara sepanjang penyertaan Sukan SEA sejak 1977, buat pertama kalinya menampilkan skuad pemain-pemain berumur bawah 23 tahun sebagaimana yang dipersyaratkan, membawa misi besar untuk mencatatkan kejayaan.

Pengurus Pasukan, Haji Abdul Razak Haji Ibrahim, ketika ditemui menyatakan barisan pemain yang akan beraksi di Sukan SEA dipilih dari pemain-pemain yang menyertai Sukan ARAFURA di Darwin, Australia, skuad saringan Piala Dunia 2002 dan pemain kebangsaan.

Menurutnya, dari tiga skuad itu mereka dipilih dengan melihat kepada kemahiran, kebolehan serta umur kerana acara bola sepak Sukan SEA kali ini tidak menampilkan barisan kebangsaan.

"Jadi pemain-pemain ini telah dikenal pasti dan digabungkan bagi menjalani latihan pusat bersama-sama bermula bulan Mei lepas di bawah bimbingan

Oleh Haji Ahat HI

jurulatih dari Korea, Young Joon Choi dan dibantu oleh Zainuddin Kassim," katanya.

Dari latihan yang sudah menjangkau empat bulan ini, katanya lagi, para pemain sudah dapat menyesuaikan diri antara satu sama lain dan masing-masing bersemangat untuk menyalungi jersi negara.

Menyentuh mengenai perkembangan terakhir persiapan skuad berkenaan, beliau menjelaskan para pemain berjaya memperlihatkan kombinasi permainan yang mantap dengan menumpaskan pilihan kesebelasan BAFA 1-0 dan seri dengan DPMM F.C.

Dari ujian-ujian perlawanan dengan dua pasukan tempatan itu tambahannya, akan dapat menilai kemampuan sebenar para pemain dan memperbaiki mana-mana kelemahan yang terdapat.

"Memandangkan semua pasukan sama-sama baru menubuhkan pemain-pemain berumur 23 tahun (kecuali Malaysia) jadi kita berharaplah pada skuad Sukan SEA di Kuala Lumpur ini akan dapat memperoleh pingat melalui barisan pemain bawah 23 tahun ini," terangnya.

SKUAD pesilat tidak menjanjikan beberapa pingat akan diperolehi namun mereka bertekad untuk meraih kejayaan yang lebih baik lagi pada temasya Sukan SEA Ke- XXI Kuala Lumpur September depan.

Pengurus pasukan, Haji Musa Pengarah Haji Juir ketika ditemui semasa sesi latihan menyatakan bahawa para pesilat yang akan mewakili negara terdiri dari beberapa orang muka lama, berpengalaman dan mereka yang pernah menjuarai Kejuaraan Silat Sedunia 2000 di Jakarta.

Pemilihan mereka katanya, melalui banyak proses dan seterusnya menjalani latihan yang cukup, termasuk latihan-latihan dengan perguruan-perguruan di luar negeri bagi meningkatkan dan meluaskan lagi pengalaman mereka.

Selain daripada menjalani latihan biasa, beliau

PESILAT bertekad ulangi kejayaan

Oleh Haji Ahat HI

menjelaskan, persiapan kali ini juga meliputi program latihan rohani, jasmani serta ketahanan berfikir di mana aspek-aspek inilah akan mengemudi pesilat negara untuk mencapai kejayaan.

"Sebelum ini kita tidak menekankan aspek berfikir dan sekarang latihan meliputi ketahanan berfikir dan di sinilah peluang pesilat-pesilat kita untuk mencapai kejayaan," terangnya.

Bersandarkan kepada persiapan, latihan-latihan dalam dan luar negeri yang dijalankan sekarang

serta semangat tinggi para pesilat, matlamat untuk mencapai kejayaan tersebut akan dapat dicapai.

"Insya-Allah dengan adanya usaha-usaha sedemikian serta bekalan semangat yang gigih, para pesilat berpeluang untuk mencapai kejayaan sebagaimana yang sudah-sudah," jelasnya.

Di temasya Sukan SEA Ke-XX lalu pesilat menyumbang tiga pingat emas, enam perak dan lima gangsa manakala edisi di Kuala Lumpur ini pula 18 pesilat akan membawa cabaran negara dalam acara wiralaga, solo wiralaga, wiraloka jurus wajib lelaki, wiraloka berpasangan, wiraloka solo lelaki dan wiraloka wanita.



"KITA tidak menjanjikan beberapa banyak pingat untuk diraih di SEA Games ini..." Pengurus Skuat Silat, Haji Musa Pengarah Haji Juir. - Gambar oleh Hamadi HM.

KUMPULAN 'A'

Thailand
Kemboja
Laos
Singapura
Myanmar

KUMPULAN 'B'

Malaysia
Brunei Darussalam
Indonesia
Viet Nam

TAEKWANDO berazam pamer aksi cemerlang

DENGAN hanya membariskan lima peserta lama dan baru, skuad Taekwondo Sukan SEA Ke-XXI Kuala Lumpur berazam untuk memperlihatkan aksi cemerlang di temasya dwi tahunan itu.

Menurut Setiausaha Agung Persatuan Taekwondo, Haji Tajuddin bin Haji Salleh, lima peserta itu dipilih melalui beberapa kejohanan dan kemudian dinilai semasa Pesta Sukan Kebangsaan yang lalu di mana 16 orang peserta telah dikenal pasti dan pada pemilihan terakhir persatuan memilih lapan peserta.

Lapan peserta itu katanya, dipilih menyertai kejohanan di Thailand dan daripada penyertaan di Thailand itu lima peserta telah memperlihatkan prestasi cemerlang sepanjang kejohanan.

Oleh Haji Ahat HI

"Jadinya lima peserta inilah termasuk muka lama, telah dicalonkan oleh persatuan membaris skuad taekwondo untuk menyertai Sukan SEA Ke-XXI Kuala Lumpur," katanya.

Kita yakin dengan pengalaman dan pendedahan yang ada pada diri mereka masing-masing itu akan dapat memenuhi matlamat memperoleh pingat untuk negara, jelasnya.

Di Sukan SEA Ke-XX yang lalu di negara ini, barisan Taekwondo berjaya merangkul empat pingat gangsa melalui Kwa Boon Aik, Md. Rafie bin Abdul Latif, Jos Ghani dan Siti Fadilah binti Ismail.



SEBAHAGIAN daripada peserta silat olah raga dan seni menjalani latihan intensif di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah Berakas. - Gambar oleh Hamadi HM.



BERAKSI lagi Pemenang Pingat Gangsa Sukan SEA 1999, Kwa Boon Aik menyertai empat lagi rakannya di temasya Sukan SEA di Kuala Lumpur.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri semasa mengadakan rundingan empat mata di Istana Nurul Iman. (Cerita lanjut muka 1).

Presiden Indonesia lawat Brunei

BERAKAS, 25 Ogos. - Puan Yang Terutama Puan Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia dan Bapak Taufiq Kiemas tiba ke Negara Brunei Darussalam dalam rangka lawatan kerja selama dua hari.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berkenan berangkat bagi mengalu-alukan ketibaan Puan Yang Terutama di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Ini merupakan lawatan kerja pertama Puan Yang Terutama sejak dilantik menjadi Presiden Republik Indonesia.

Oleh Samle HJ

Turut menyertai rombongan dari Republik Indonesia itu termasuk Menteri Hal Ehwal Luar, TYT Dr. N. Hassan Wirajuda; Menteri bagi Setiausaha Negara Kabinet, TYT Bambang Kesowo dan beberapa ahli parlimen.

Hubungan baik Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia telah lama wujud dan terus ditingkatkan dengan adanya jalinan kerjasama dalam pelbagai bidang serta hubungan dua hala yang banyak memberi faedah dan keuntungan kedua buah negara.

Berangkat hadiri Forum Islam Sedunia

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Ogos. - Menghadiri majlis ilmu merupakan salah satu tuntutan yang perlu sering dilakukan oleh setiap umat Islam di muka bumi ini, sama ada ia berbentuk ilmu dunia atau ilmu akhirat kerana pepatah ada mengatakan "Tuntutlah Ilmu Walau Ke Negeri China".

China".

Sejajar dengan keperluan untuk terus menuntut ilmu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berserta beberapa

Oleh Siti Muslihat HS

ahli kerabat diraja yang lain telah berangkat menghadiri salah satu sesi Forum Islam Sedunia yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana

Menteri sebagai salah satu aktiviti Ekspo Islam Antarabangsa Pertama 2001 yang bermula dari 18 hingga 31 Ogos.

Sesi forum yang menjadi perhatian dari kerabat diraja ini ialah forum yang disampaikan oleh seorang tokoh agama yang memeluk agama Islam pada tahun 1977 iaitu Yusuf Islam yang sebelumnya dikenali sebagai seorang penyanyi terkenal, Cat Steven.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat menghadiri Forum Islam Sedunia yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Kebawah DYMM menerima mengadap rombongan S'pura

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima mengadap Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Tetap Republik Singapura yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Rombongan tersebut diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Singapura, TYT Profesor S. Jayakumar.

Turut serta di Majlis Mengadap itu ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Tuan Wong Kan Seng; Menteri Pembangunan Masyarakat dan Sukan Singapura dan Menteri yang bertanggungjawab Hal Ehwal Muslimin Singapura, TYT Tuan Abdullah Tarmugi; Pemangku Menteri Alam Sekitar, TYT Tuan Lim Swee Say; Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Tuan Tee Tua Ba; Tuan Zainal Abidin Rasheed

dan Mayor of Ang Mo Kio-Cheng San, Community Development Centre dan Setiausaha Parlimen Kanan (Hal Ehwal Luar Negeri), Ketua Perkhidmatan Awam dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Tuan Lim Siong Guan; Pesuruhjaya Hasil Dalam Negeri, Tuan Koh Cher Siang dan Pesuruhjaya Polis, Tuan Khoo Boon Hui.

Rombongan yang terdiri dari pegawai kanan kerajaan dan swasta berada di negara ini bagi mengadakan program pertukaran lawatan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Hadir sama ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha-setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan DULY Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Tetap Republik Singapura. Rombongan itu diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Menteri Undang-Undang Republik Singapura TYT Profesor S. Jayakumar.

Lawatan Kerja ke Beijing

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, telah berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi lawatan kerja lima hari yang bermula pada 28 Ogos hingga 1 September, 2001.

Berangkat bagi mengiringi Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Semasa di Beijing nanti, Yang Teramat Mulia akan menyampaikan sabda di se-

minar yang dianjurkan bersama oleh Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Pengajian Luar Beijing.

Seminar bertajuk "Brunei-China: Jalinan Sepanjang Zaman" adalah sebahagian acara bagi memperingati 10 tahun penubuhan hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China menjalin hubungan diplomatik pada 30 September, 1991.



MAHASISWA PEWARIS KEPIMPINAN NEGARA

دربینکن اوله جباتن قرائن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

'Bangunan Darulifta'

INSTITUT FATWA DAN ILMU YANG TINGGI

K

EBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan merasmikan bangunan baru Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dengan menamakannya 'Bangunan Darulifta'.

Majlis itu berlangsung ketika baginda berkenan merasmikan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang juga diadakan di bangunan baru itu.

Jabatan Mufti Kerajaan pada awalnya di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta berpejabat di bangunan lama KHEU di ibu negara, manakala Mufti Kerajaan Pertama ialah Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz yang dilantik pada April 1962.

Tetapi atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 7 November, 1994, Jabatan Mufti Kerajaan harus mempunyai bangunannya sendiri di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab terus kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyembahkan apa jua perkara berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai Mufti Kerajaan tanpa melalui sesiapa jua pun.

Jabatan Mufti Kerajaan dibina di atas tapak seluas 40 ekar di atas bukit Jalan Pengiran Babu Raja yang reka bentuknya dilukis oleh pegawai-pegawai teknikal Perkhidmatan Projek Istana yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Wahab bin Haji Tuah.

Kerja-kerja tanah telah bermula pada Disember, 1995 dan siap setahun kemudian, manakala kerja-kerja cerucuk dimulakan pada Februari, 1997 dan siap Julai di tahun yang sama.

Pembinaan bangunan Jabatan Mufti Kerajaan bermula pada Jun 1998 oleh syarikat yang dilantik, Galfar Pembinaan dan Perusahaan (B) Sendirian Berhad.

Sementara pada Ogos 1998, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan berangkat ke Majlis Meletakkan Batu Asas Jabatan Mufti Kerajaan.

Jabatan Mufti Kerajaan mula berpindah ke

bangunan baru itu pada Julai, 2001 dan boleh menampung keperluan 10 tahun dari tarikh siap pembinaannya.

Jabatan Mufti Kerajaan juga mempunyai wawasannya sendiri, iaitu 'Menjadi Institut Fatwa dan Ilmu Yang Tinggi, Wibawa dan Mutu'.

Manakala matlamat penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan ialah sebagai institusi fatwa yang mengeluarkan hukum-hukum sesuai dengan kehendak syarak, memberikan bimbingan hukum-hukum kepada umat Islam untuk menjadikannya sebagai institusi penyebaran dan rujukan ilmu pengetahuan Islam.

Bahagian Tasyrie pula menjalankan kerja-kerja perundangan antaranya seperti menggubal undang-undang dan seumpamanya

mengenai perkara yang diputuskan oleh Mufti Kerajaan untuk dijadikan undang-undang atau peraturan.

Manakala Bahagian Urusetia Fatwa antaranya menjalankan kerja urusetia melalui Unit Khidmat Ifta dan Unit Khidmat Bu-huth, Irsyad dan Tasyrie yang pula bertanggungjawab bagi arkib dan dokumentasi, katalog dan failing serta tugas-tugas yang bersangkutan.

Sementara itu, Bahagian Penerbitan dan Penerangan pula antaranya bertanggungjawab bagi menerbitkan fatwa, irsyad hukum, perundangan Islam, kitab-kitab terjemahan dan maklumat-maklumat Islam yang berkaitan, mengendalikan perhubungan awam, perhubungan dengan pihak-pihak kerajaan, swasta dan antarabangsa.

Manakala Bahagian Qismulhikmah, Perancangan dan Kewangan antaranya menguruskan kutubkhanah Islam, mengadakan program mendapatkan khazanah kitab-kitab, manuskrip, jurnal dan sebagainya.

Di samping itu, bahagian tersebut juga bertugas bagi memberikan kemudahan dan perkhidmatan kajian serta rujukan, menguruskan projek penterjemahan kitab-kitab agama yang muktabar dan seumpamanya, mentadbir sistem maklumat Islam, merancang dan mengurus projek-projek tahunan dan kemajuan dan kerja-kerja yang lain.

MANAKALA matlamat penubuhan Jabatan Mufti Kerajaan ialah sebagai institusi fatwa yang mengeluarkan hukum-hukum sesuai dengan kehendak syarak, memberikan bimbingan hukum-hukum kepada umat Islam dan untuk menjadikannya sebagai institusi penyebaran dan rujukan ilmu pengetahuan Islam.



JABATAN Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang kini dikenali dengan nama 'Bangunan Darulifta' dihasratkan sebagai institusi fatwa yang mengeluarkan hukum-hukum sesuai dengan kehendak syarak.

Bahasa & Budaya

Fokus isu yang praktikal, relevan

BERAKAS, 11 Ogos. - Pembentang-pembentang kertas kerja perlu lebih memfokuskan perbincangan kepada isu-isu yang praktikal dan relevan untuk memperkukuhkan keupayaan bahasa dan sastra Melayu.

"Perbincangan yang bersifat abstrak yang tidak dapat diangkat menjadi pelan tindakan yang bermakna cuma akan mengurangkan semarak pertemuan itu kepada suatu ritual tahunan," ujar Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika merasmikan Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-XI di Kementerian Berke-

Oleh
Samle HJ

naan di sini.

Menurut Yang Berhormat, pertemuan itu perlu dipertahankan sebagai wadah pertemuan minda yang berwawasan tinggi dan dapat membentuk parameter pemikiran yang dinamik dan 'forward-looking'.

Menteri Kebudayaan, Belia, dan Sukan itu mencadangkan supaya semua kertas kerja yang disampaikan dalam pertemuan-pertemuan yang lalu dapat diterbitkan dalam bentuk buku sebagai rujukan.

Ketika dunia terus pesat dengan teknologi

tinggi ini, Yang Berhormat menyarankan agar kita mengambil sebagai suatu cabaran untuk memperkasa diri selain memberi ruang untuk memperkayakan pengetahuan termasuk masalah perkembangan bahasa dan sastra Melayu.

Pertemuan kali ini adalah kendalian Persatuan ASTERAWANI Negara Brunei Darussalam dan kali ketiga negara ini menjadi tuan rumah. Kali pertama negara ini menjadi tuan rumah, pada tahun 1985 dan kali kedua pada tahun 1994.

Pertemuan Sasterawan Nusantara antara lain dihasratkan untuk memartabatkan bahasa Melayu kerana ia merupakan alat

pengucapan utama kesuasasteraan Melayu.

Pertemuan yang berlangsung selama empat hari itu bertemakan 'Islam: Kesusasteraan dan Sasterawan Nusantara' mempunyai signifikan dan relevan dalam Nusantara kerana kebangkitan dan tamadun bangsa Melayu pada abad ke-14 dan 15, di mana Islam memainkan peranan penting dalam penulisan sastra Melayu pada zaman itu.

Antara tokoh penulis atau sasterawan Islam yang terkenal dan menjadi kenangan ialah Hamka, Hamzah Fansuri, Raja Ali Haji, Pengiran Shahbandar dan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin.

Selain peserta tuan rumah, peserta dari Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura di samping sasterawan dari Thailand juga menyertai pertemuan tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain merasmikan Pertemuan Sasterawan Nusantara Ke-XI. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyampaikan sijil kepada peserta.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman menyaksikan seorang penulis menandatangani memorandum perjanjian. - Gambar oleh Ramli Tengah.

DBP terbitkan lapan buah buku

BERAKAS, 11 Ogos. - Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian bagi lapan buah tajuk buku karya lapan orang penulis tempatan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) diadakan di Dewan Patih Berbai di sini.

Menandatangani perjanjian ialah Dato Paduka Awang Haji Alidin bin Haji Othman, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dan para penulis dengan disaksikan oleh Awang Haji Shawal bin Rejab, Ketua Bahagian Perancangan Buku DBP serta saksi-saksi bagi pihak penulis.

Buku-buku yang akan diterbitkan masing-masing bertajuk 'Sang Singa Dengan Sang Arnab' karya Dayang Hajah Nortjah binti Haji Mohd. Hassan, 'Hitam dan Belang' karya Awang Haji Haris bin Bidin, 'Si Bibik' karya Dayang Hajah Shaharah binti Dato Paduka Haji Wahab dan 'Budi Yang Baik Dibalas Baik' karya Dayang Nisbah binti Haji Salleh.

Empat lagi tajuk lain ialah 'Sang Buntal dan Sang Langut' karya Dayang Hajah Siti Zainab binti Haji Hitam, 'Buku Baharu Dengan Buku Lama' karya Dayang Faridah binti Haji Abdul Hamid,

Oleh Sahari Akim

'Dicakar Kucing' karya Awang Yahya bin Haji Alwi dan 'Sumpah Ikan Jerung' karya Dayang Rogayah binti Abdullah.

Buku bacaan kanak-kanak yang akan dicetak sebanyak 2,000 naskah setiap tajuk itu adalah hasil daripada Bengkel Satera Kanak-Kanak yang diadakan pada bulan Jun 1994 dan juga Bengkel Penulisan Buku Cerita Bergambar yang diadakan pada bulan April 1995.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka dalam ucapan ringkasnya antara lain berharap dengan terbitnya buku-buku itu nanti akan menambahkan lagi buku-buku bacaan kanak-kanak.

Beliau juga berharap agar lebih banyak lagi penulis-penulis tempatan akan tampil menerbitkan karya-karya mereka untuk memperkayakan lagi buku-buku karya sastra dan ilmiah di negara ini.

Selain dari buku-buku itu, DBP juga akan menerbitkan sebanyak sembilan buah tajuk buku istilah.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos. - Kemahiran dan bakat dalam bidang seni lukis di negara ini juga tidak kurang pentingnya untuk ditonjolkan di mata masyarakat agar kemahiran yang dimiliki tidak hanya terabai dan hilang ditelan masa.

Begitulah keistimewaan yang diperolehi oleh Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim yang sudah mengangkau usia 50 tahun, telah berkecimpung dalam seni lukis lebih tiga dekad lalu, dan ternyata kini mula mengembangkan kemahirannya dengan berusaha mempromosi lukisan batik.

Hasil lukisan beliau sendiri yang menegenahkan lebih 40 seni lukisan batik dan seni khat yang beraneka corak menggambarkan kecintaan terhadap alam semulajadi di negara ini yang masih kekal dengan flora dan fauna yang beraneka warna telah dipromosikan di Pameran Batik Solo di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Pameran itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali.

Ketika ditemui di majlis

Oleh
Siti Muslihat HS

itu, Awang Zainal Abidin menjelaskan selain salah satu usaha untuk mendedahkan perusahaannya di bidang seni lukis khususnya di bidang lukisan batik ini, pameran juga dihasratkan untuk memberikan kesedaran kepada generasi baru untuk berkecimpung dalam bidang ini dan mencintai keindahan alam semulajadi.

Pameran pertama seumpamanya pernah diadakan di Kelab Rekreasi Seria. Selain pameran setempat, hasil lukisan dan kaligrafi batik itu juga pernah dipamerkan di Yogyakarta dan Tokyo.

Menyentuh mengenai kegiatan dan perusahaan yang dilaksanakan, ketika ini beliau sedang giat mempromosi dan menghasilkan tekstil bercorak batik bagi tempahan melalui perusahaan yang dialankannya di No. 100, Kampong Orang Kaya Besar Imas, Berakas.

"Ketika ini saya juga sedang melaksanakan dua tempahan masing-masing dari Syarikat Mitsubishi Jepun dan BINA, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,"

jelas beliau.

Sebelum itu beliau pernah menghasilkan ratusan helai tudung sutera yang telah digunakan sempena Mesyuarat Rangkaian Pemimpin-pemimpin Wanita APEC (APEC-WLN) pada pertengahan tahun 2000.

Beliau yang pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai Pelukis Tingkatan Khas sehingga tahun 1984, telah berkecimpung dalam bidang seni lukis selama lebih tiga dekad.

Lukisan batik yang beliau hasilkan itu diadun dengan seni khat kalimah-kalimah, dihiasi dengan objek-objek flora dan fauna yang beraneka warna mengikut kesesuaian yang melambangkan keceriaan hidup orang-orang Brunei.

Koleksi hasil lukisan ini dijual dengan harga antara \$300 hingga \$3,000.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud menyaksikan sebahagian dari koleksi lukisan batik Awang Zainal Abidin. - Gambar oleh Masri Osman.

BERZIKIR MEMANTAPKAN KETAKWAAN

MARILAH kita sama-sama meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya, kerana dengan cara ini sahaja manusia dapat mengekalkan kebahagiaan, keselamatan dan kemuliaan sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan kaum muslimin dan muslimat untuk sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wataala kerana Allah Subhanahu Wataala tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepada-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Adz-D-Zaariyat ayat 56 yang tafsirnya:

"Dan ingatlah Aku (Allah) tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wataala, kita haruslah sentiasa melazimkan diri kita ingat kepada-Nya kerana dengan sentiasa mengingati kepada-Nya maka hati nurani akan menjadi bersih dan perasaan akan menjadi aman dan tenteram sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 27 yang tafsirnya:

"Ketahuilah! Dengan Zikrullah (mengingati Allah) itu tenang tenteramlah hati manusia."

Apakah yang penting ketika berzikir atau mengingati Allah Subhanahu Wataala ialah dengan menghayati akan kelebihan berzikir yang ditegaskan di dalam Al-Quran dan Al-Hadis iaitu di waktu pagi, petang, siang dan malam serta melazimkannya dari masa ke semasa, bukan hanya di waktu ketika kita menghadapi musibah bahkan

juga ketika kita di dalam keadaan senang sebagaimana yang biasa dilakukan oleh sesetengah kita apabila berlaku sesuatu cubaan atau musibah barulah ingat akan Allah Subhanahu Wataala.

Di dalam Al-Quran dan Al-Hadis telah banyak memperkatakan tentang kelebihan berzikir dan balasan-balasan bagi mereka yang sentiasa berzikir ingatkan Allah Subhanahu Wataala dan juga perintah untuk kita melakukan zikir.

Firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Thaaha ayat 130 yang tafsirnya:

"Dan bertasbihlah kamu dengan memuji Tuhanmu sebelum matahari terbit dan sebelum terbenamnya."

Firman-Nya lagi dalam Surah Al-Mu'minuun ayat 55 yang tafsirnya:

"Dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu pada waktu pagi dan petang."

Dalam kandungan ayat di atas, Allah Subhanahu

Wataala telah memerintahkan supaya kita sentiasa melakukan zikir tidak kira siang atau malam, pagi atau petang. Jika kita melakukan demikian dan menjadikan ianya sebagai amalan seharian maka ketakwaan kita kepada-Nya akan bertambah mantap dan kukuh. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala ada menegaskan di dalam Al-Quran bahawa orang yang paling mulia di sisi-Nya ialah orang yang paling bertakwa kepada-Nya sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Al-Hujurat ayat 13 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu."


Kalau kita lihat dan renung segala nikmat yang telah diberi oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kita termasuklah nikmat pada diri kita seperti mata, hidung, telinga, mulut, tangan, kaki dan banyak lagi nikmat-nikmat yang telah diberikan-Nya termasuklah nikmat yang ada di sekeliling kita iaitu nikmat udara, makanan, minuman,

tanam-tanaman, kesihatan dan banyak lagi kerana kita tidak akan dapat membalas semua nikmat yang telah diberikannya itu.

Maka selayaknyalah kita sentiasa bersyukur dan sentiasa berzikir ingatkan kepada-Nya. Sesungguhnya memang tidak ada yang layak disembah dengan sepenuh hati selain daripada Allah Subhanahu Wataala yang Maha Esa.

Kita hendaklah sentiasa memperkatakan dan memuji atas segala nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wataala yang tidak terhingga banyaknya, yang telah diterima seperti Alhamdulillah dan Assyukrullillah serta mengaku bahawa tidak ada daya upaya untuk mencapai nikmat-nikmat itu kecuali dengan kudrat dan iradat dan kekuasaan Allah Subhanahu Wataala jua.

Di samping itu kita haruslah mengakui bahawa segala bentuk nikmat-nikmat yang telah diterima itu adalah datang daripada Allah Azza Wajalla semata-mata. Oleh kerana itu maka segala nikmat hendaklah selalu



dan terus dihubungkan kepada Allah Subhanahu Wataala dan merasa takut kepada Allah Subhanahu Wataala serta takut kepada seksaan-Nya.

Di antara faedah berzikir itu sangat banyak sebagaimana yang telah diperkatakan oleh ulama Islam. Di antaranya ianya dapat menghalau syaitan daripada menghampiri atau menggoda manusia. Maka cukup dengan satu zikir untuk menghalau syaitan kerana syaitan tidak boleh hampir kepada seseorang kecuali mereka yang lalai daripada berzikir mengingati Allah Subhanahu Wataala.

Di samping itu zikir juga boleh menghilangkan

dukacita dan sugul di hati serta menjernihkan perasaan di hati. Kurang zikir atau langsung tidak berzikir akan menyebabkan hati kita bertegar dan menyebabkan hati gelap dan sukar untuk menerima perkara-perkara yang baik. Apabila tebal kegelapan hati maka jadilah benda yang salah dikatakan betul dan yang betul pula dikatakan salah dan hati akan menjadi gelap dan pudar dari hari ke hari.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 8 yang tafsirnya:

"(Mereka berdoa dengan berkata): Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau memesongkan hati kami sesudah Engkau memberi petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu, sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya."

Beri kelonggaran pekerja Islam Sembahyang Jumaat

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Ogos. - Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak pernah membuat peraturan atau mengarahkan untuk menutup mana-mana restoran pada hari Jumaat sepertimana yang disiarkan dalam artikel bertajuk "Muslim restaurants must close for prayers" yang disiarkan dalam akhbar Borneo Bulletin keluaran hari Selasa, 7 Ogos, 2001.

Pada masa ini, umat Islam di negara ini alhamdulillah begitu menyedari dengan mendalamnya akan kewajipan mereka terhadap Allah Subhanahu Wataala khususnya dalam menunaikan ibadah sembahyang, didapati masjid-masjid ramai jemaah yang menunaikan sembahyang fardu Jumaat, sehingga terdapat beberapa buah masjid tidak muat untuk menampung keramaian jemaah, dan keadaan ini memerlukan perancangan bagi menambahkan bilangan masjid di kawasan-kawasan tertentu.

Menurut siaran akhbar kementerian tersebut, tuan-tuan punya restoran dan syarikat-syarikat persendirian adalah diseru supaya memberi kelonggaran dan kemudahan kepada pekerja-pekerja mereka yang beragama Islam supaya dapat pergi ke masjid bagi menunaikan sembahyang fardu Jumaat.

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دايرو بروني دان موارا مولاي دي هاري رايو، 10 جمادي الاخير، 1422 برسان 29 اوگوس، 2001 هيفك كهاري ثلاث، 16 جمادي الاخير، 1422 برسان 4 سبهيخ، 2001 اداله سمرت دباوه اين -

هجري	تلهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
جمادي الاخير									لوگوس
10	12:23	3:32	6:28	7:38	4:47	4:57	6:14	6:38	29
11	12:23	3:31	6:28	7:38	4:47	4:57	6:14	6:37	30
12	12:22	3:30	6:28	7:37	4:47	4:57	6:14	6:37	31
13	12:22	3:29	6:27	7:36	4:46	4:56	6:14	6:37	1 سبهيخ
14	12:22	3:28	6:27	7:36	4:46	4:56	6:13	6:37	2
15	12:21	3:27	6:26	7:36	4:46	4:56	6:13	6:37	3
16	12:21	3:26	6:26	7:35	4:46	4:56	6:13	6:36	4

وقت 2 سبهيخ باكي دايرو توتونغ دايرو سانو مينيت دان دايرو بلايت دايرو تيك مينيت، سبهيخ فرض جمعة سلوروو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دي فوكل 12.45 تهايري.

TAWASSUL SALAH SATU DARIPADA AJARAN ISLAM

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'Alaa Aalihihi Wasabbihie Waman Walah.

BERTAWASSUL DENGAN PERIBADI NABI

BERTAWASSUL dengan peribadi Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak diriwayatkan dalam hadis-hadis Baginda, di antaranya disebut dalam kitab Al-Majma' Az-Zawaid (9/414-415), riwayat daripada Anas bin Malik, bahawa Fatimah binti Asad bin Hasyim iaitu ibunda kepada Ali bin Abi Talib Radiallahuanhu telah meninggal dunia. Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam masuk ke tempatnya lalu duduk di sisi kepalanya dan bersabda yang maksudnya:

"Semoga Allah merahmatimu, wahai ibu setelah ibuku. Engkau berlapar tetapi engkau berikan aku kenyang, engkau kurang pakaian, tetapi engkau mencukupkan pakaianku, dan engkau tidak memakai wangian, tetapi engkau memberikan aku makanan. Kesemuanya ini engkau lakukan semata-mata kerana mencari keredaan Allah dan balasan akhirat." Kemudian Baginda menyuruh memandikannya tiga kali. Manakala hendak memandikannya dengan air yang bercampur dengan kapur (pewangi), maka Baginda sendiri menuangkan airnya dengan tangan Baginda. Kemudian Baginda menanggalkan baju luar Baginda dan memakainya kepada ibu 'Ali dan mengfakannya dengan kain lain di atasnya. Kemudian Baginda memanggil Usamah bin Zaid, Abu Ayyub dan Umar bin Al-Khattab serta seorang budak hitam untuk menggali tanah bagi maknanya. Ketika mereka menggali sampai pada batas lahannya, Rasulullah pun turut menggali, dan Baginda mengeluarkan tanah dengan tangannya sendiri, lalu Baginda berbaring padanya dan berdoa: "Allah yang menghidupkan dan mematikan, dan Dia sendiri hidup tiada akan mati. Ya Allah, ampunilah ibuku, Fatimah binti Asad, arkan hujahnya dan luaskanlah tempatnya demi hak Nabi-Mu dan Nabi-nabi sebelum aku. Sesungguhnya Engkau-lah Yang Maha Mengasihani dari segala yang pengasih. Baginda pun bertakbir empat kali dan mereka (ialitu) Baginda sendiri, Al-Abbas dan Abu Bakar, memasukkan mayat itu." (Hadis riwayat At-Thabrani - dalam Kitab Al-Kabir & Al-Awsat).

(Al-Haitsami, Majma' Az-Zawaid: 9/414-415)

Dalam hadis yang lain, At-Thabrani dalam Mu'jam Ash-Shaghir, Al-Hakim, Abu Nu'aim dan Al-Baihaqi dalam Ad-Dala'il, Ibnu 'Asakir dalam Tarikhnya, dan As-Suyuthi dalam Ad-Durr Mantur daripada Umar bin Al-Khattab, menuliskan bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Ketika Adam melaku-

kan dosa, dia mengangkat kepalanya ke arah langit dan berkata: "(Wahai Tuhan), aku memohon kepada-Mu dengan hak Muhammad agar Engkau mengampuni-ku." Allah mewahyukan kepadanya: "Siapaakah Muhammad?" Adam menjawab: "Ketika Engkau menciptakan aku, aku mengangkat kepalaku ke arah 'Arasy-Mu, dan aku melihat di sana tertulis: 'Tiada Tuhan yang berhak disembah kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan Allah'. Aku pun berkata kepada diriku, bahawa tiada seorang pun yang lebih agung daripada seorang yang namanya Engkau tuliskan di samping nama-Mu. Ketika itu Allah mewahyukan kepadanya: 'Dialah Nabi yang terakhir dari keturunanmu, dan jika tidak kerana dia, nescaya Aku tak akan menciptakannya.' (As-Suyuthi, Ad-Durr, Al-Mantur Fi Tafsir Al-Ma'tsur, 1:42)

BOLEHKAH BERTAWASSUL DENGAN SELAIN DARIPADA NABI SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM?

Bertawassul selain daripada Nabi Sallallahu Alaihi

Bilangan 129 Bahagian Akhir

Wasallam tidak dihalang oleh Islam berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dalam sahihnya, daripada Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu katanya yang maksudnya:

"Bahawasanya aku telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: 'Sesungguhnya orang yang paling baik daripada kalangan Tabi'ien ialah seorang lelaki dipanggil Uwais, dia mempunyai seorang ibu, dan dengannya ada tanda keputihan (sopak), maka kamu suruhlah dia (Uwais itu) untuk memintakan ampun bagi kamu.' (Hadis riwayat Muslim).

Di dalam riwayat lain pula menyebutkan yang maksudnya:

"Dia mempunyai seorang ibu yang dia (Uwais) berbuat baik kepadanya, jika dia bersumpah (memohon) kepada Allah, nescaya Allah akan memakbulkannya. Oleh kerana itu jika engkau berupaya (mendapatkan Uwais) untuk memohonkan ampun bagimu, maka lakukanlah."

Sayidina Umar Radiallahuanhu telah meminta Uwais mendoakannya supaya beliau diampunkan. Ini adalah dalil menunjukkan, bahawa bertawassul dengan doa orang-orang Islam itu adalah sesuatu yang harus

yang diharuskan oleh syarak, sekalipun sekiranya orang yang berdoa itu lebih rendah kedudukannya daripada orang yang didoakan.

Selain itu juga berlaku tawassul dengan hamba-hamba Allah dan malaikat yang tidak dilihat di dalam keadaan-keadaan tertentu sebagaimana hadis berikut ini:

Daripada 'Utbah bin Ghazwan daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Apabila seorang daripada kamu kehilangan sesuatu atau memerlukan pertolongan sedangkan dia berada di suatu tempat yang tiada orang dapat menolongnya, maka hendaklah dia berseru: 'Wahai hamba-hamba Allah, kamu tolonglah aku,' sesungguhnya bagi Allah itu ialah hamba-hamba yang kita tidak nampak. Dan perkara ini telah dicuba." (Hadis riwayat At-Thabrani)

Daripada Ibnu 'Abbas, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya bagi Allah itu ialah malaikat-malaikat di bumi selain Malaikat Hafazah, mereka itu bertugas menulis setiap helai daun pokok yang jatuh,



IRSYAD HUKUM
DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Website: WWW.brunet.bn.gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

maka apabila salah seorang daripada kamu sesat di bumi yang lapang (sahara) maka hendaklah dia berseru: 'Kamu tolonglah aku wahai hamba-hamba Allah' (Hadis riwayat At-Thabrani).

Terdapat sebuah hadis, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa selepas Baginda itu menunaikan dua rakaat sunat fajar yang maksudnya:

"Ya Allah, Ya Tuhan (yang menciptakan) Jibril, Israfil, Mikail dan Muhammad Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, aku berunding kepada-Mu dari seksa neraka."

Berkata An-Nawawi dalam kitab Al-Azkar: Hadis ini riwayat Ibnu As-Sunni. Dan berkata Al-Hafiz selepas mentakhrirkannya, ia adalah hadis hasan. (Syarah Al-Azkar karangan Ibnu 'Allan juz 2 m/s 139)

Adapun disebut secara khusus mereka itu (Jibril, Israfil, Mikail dan Nabi Muhammad) ialah dalam

makna bertawassul dengan mereka. Seolah-olah dia berkata: Ya Allah, aku bermohon kepada-Mu dan aku bertawassul kepada-Mu dengan Malaikat Jibril, Israfil, Mikail dan Muhammad Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Aku berunding kepada-Mu daripada seksa neraka.

Berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran, hadis dan amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, serta amalan para sahabat sebagaimana yang telah dihuraikan di atas, maka tawassul itu adalah suatu yang memang wujud. Walau bagaimanapun hendaklah kita beriktikad bahawa pengantara itu bukanlah ia yang memberi manfaat atau mudarat, kerana jika berkeyakinan bahawa pengantara itu boleh memberi manfaat atau mudarat; maka keyakinan sedemikian itu adalah salah kerana menyamai seperti Allah dan iktikad tersebut boleh membawa kepada syirik (menyekutukan Allah).

Definisi umpat, akibat dan cara mengatasinya

DEFINISI umpat itu bila bendak dikatakan memanglah banyak. Bagaimanapun supaya mudah, ada baiknya diketahui dahulu punca-punca yang menimbulkan kejadian umpat itu antaranya: adalah lahir dari rasa iri hati dan dengki yang bukan-bukan bersarang di hati seseorang terhadap seseorang lain yang terasa rendah dirinya bila dibanding dengan orang yang hendak diumpatnya.

Selain itu tersebut dari timbulnya kemungkinan memandang hina atau mencari kelemahan orang lain langsung dijadikan bahan senda gurau dan ejekan bagi menyeronokkan hati sesama sendiri kerana mereka telah lupa diri bahawa yang diumpat juga mempunyai perasaan sama seperti mereka. Bahkan, hal umpat-mengumpat boleh juga terjadi di kalangan mereka yang gemar dan suka bercakap yang sia-sia dengan sebab ingin mengisi kekosongan waktu

sehingga orang lain menjadi mangsa bahan umpatan.

Mencerusi pendedahan di atas, ternyata bila sesuatu yang diceritakan menyentuh peribadi maupun bukan peribadi yang boleh menimbulkan rasa tidak senang kepada seseorang atau sesuatu kumpulan yang diperkatakan, semua itu adalah umpat. Dalam hal ini, kejelasan tentang makna umpat telah ditegaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda seperti mana yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

"Apakah kamu tahu, apa ertinya umpat itu? Jawab para sahabat: 'Allah dan Rasul-Nya terlebih mengetahui.' Sabda Baginda: 'Kamu membicarakan sesuatu terhadap saudara kamu tanpa pengetahuannya, sesuatu yang dibencinya dijadikan bahan perbicaraan'. Ditanyakan kepada Baginda: 'Apa pendapat tuan, sekiranya ada yang demikian itu pada saudaraku, wahai Rasulullah?' Sabda

Baginda: 'Sekiranya ada padanya maka sesungguhnya kamu mengumpatnya dan sekiranya tidak ada padanya maka sesungguhnya kamu telah menfitnahkannya terhadapnya.'

Dengan definisi umpat yang telah dijelaskan itu dapatlah disimpulkan bahawa apa sahaja bentuk perbicaraan/percakapan yang menyentuh orang lain yang boleh menimbulkan rasa marah bila dia mengetahui maka itu bererti umpat. Memang tidak mustahil ada juga berlaku kejadian sesetengah orang yang tidak marah bila mendengar dirinya dikatakan itu dan ini. Tetapi dalam satu segi mungkin perkara yang dibicarakan mengenai tersebut menimbulkan sesuatu rasa, seperti cuma tidak senang hati dalam dirinya atau cuma tersinggung sedikit. Sebagai misal, orang yang kena umpat tersebut akan merasa malu dan bila timbul rasa kecil hati kerana rahsianya diketahui orang dengan sebab tersebut melalui percakapan yang bukan-bukan sehingga

apa yang diceritakan boleh menghilangkan maruahnyanya, maka perbuatan menganiya orang sedemikian itu adalah dikira juga sebagai umpat.

Perbuatan mengumpat serupa juga dengan perbuatan-perbuatan jahat yang lain yang boleh mengakibatkan keburukan kepada diri dan keadaan seseorang. Kesan kepada orang yang diumpat hanyalah mungkin ketika hidup di dunia; sebaliknya pula kepada si pengumpat akan menerima kesan yang lebih pedih iaitu kehidupannya tidak berkat di dunia dan berterusan hingga ke akhirat dengan berdosanya selama kehidupannya dan akan tetap menerima balasan hasil daripada kejahatan mulotnya sendiri di akhirat kelak. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran Surah Al-Hujurat ayat 12 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya seba-

hagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan kealiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani."

Mencerusi firman tersebut amatlah jelas Allah Subhanahu Wataala melarang setiap hamba-Nya melakukan perbuatan mengumpat, mencari-cari kesalahan-kesalahan orang lain dan memburuk sangka terhadap sesiapa jua. Buruk sangka yang dilarang itu ialah sangkaan yang membahayakan atau yang menyusahkan. Adapun sangkaan yang bertujuan beringat dan berjaga-jaga yang tidak membahayakan atau menyusahkan



Menuju Keredaan Allah
Kerajaan

orang lain, maka itu tidaklah dilarang. Setiap perbuatan yang bertujuan baik, berusaha dan bertawakal kepada-Nya akan tetap diterima dan diperkenani-Nya kerana Allah Subhanahu Wataala yang tidak menganiya diri dan kehidupan orang selagi sesuatu perbuatan itu tetap menurut keredaan-Nya malah tetap akan menerima balasan yang baik.

Sebab-sebab mengapa perbuatan jahat seperti mengumpat dan seumpamanya dilarang kita melakukannya adalah semata-mata supaya setiap kita hamba Allah di muka bumi ini hidup aman tenteram dan agar terjuar daripada menjerumuskan diri dan orang lain ke dalam perbuatan dosa. Satu lagi yang perlu diawasi ialah kesan umpat kepada orang yang akan menerima dan memikul dosa yang sama dengan pengumpat baik di dunia mahupun di akhirat. Dosa

sedemikian akan terhapus hanya dengan berterus terang kepada orang yang diumpat dengan sejelas-jelasnya dengan terus memohon ampun dan maaf di atas keterlanjuran tersebut dan berikrar untuk tidak mengulangi lagi. Di sebalik itu pula bagi orang yang menerima umpatan haruslah bersedia memaafkan kesalahan si pengumpat jika dengan keinsafannya ia telah menyesali segalanya dengan bertaubat kepada Allah Subhanahu Wataala. Sesungguhnya kita perlu menerima hakikat diri sebagai manusia, tiada ada hamba Allah yang tiada berdosanya di muka bumi ini maknanya kita patut bertimbang terima dalam penyelesaian dosa dan kesilapan.

Semoga dari apa yang kita telah ketahui dan sedari dapat terus menjadi suatu iktibar dan panduan yang baik agar kita bersikap positif (baik) dalam segala hal.

AKTIVITI-AKTIVITI SEMPENA HARI KEPUTERAAN



TIMBALAN Pengarah Urusan dan Pengarah Hal Ehwal Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell, Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny menyaksikan Pameran Peraduan Fotografi dan Lukisan yang diadakan di Dewan Bandaran. - Gambar ihsan See Hwa Daily News.

Peraduan Fotografi dan Lukisan

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 28 Julai. - Awang Haji Hassan Bakar merupakan peserta terbaik di Peraduan Fotografi dan Lukisan sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 bagi Daerah Belait.

Di peraduan itu sebanyak 251 keping gambar dan lukisan dipertandingkan dan penghakimannya telah diadakan pada 22 Julai lalu dengan berpendapat bahawa penyertaan keseluruhannya baik dan bermutu tetapi masih banyak ruang perlu dipertingkatkan.

Menurut mereka dalam bidang lukisan sama ada di peringkat rendah, menengah ataupun dewasa, perlu lagi banyak pendedahan dan ikut serta dalam banyak peraduan sama ada di sekolah, daerah dan peringkat antarabangsa.

Selain itu tunjuk ajar dari yang berkaliber dan pengalaman harus diperolehi dengan harapan suatu masa nanti mereka memilih pelukis atau jurugambar sebagai profesion mereka. Perkara ini dinyatakan oleh Pengerusi peraduan, Awang Haji Hassan bin Abu Bakar di Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah peraduan tersebut yang diadakan di Dewan Bandaran di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu, Timbalan Pengarah

Urusan/Pengarah Hal Ehwal Korporat Syarikat Minyak Brunei Shell, Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Suny telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang peraduan sejour selepas merasmikannya.

Peraduan bahagian fotografi bertajuk Hutan Belukar dan Bunga-bunga Liar dijuarai oleh Haji Hassan Bakar sementara juara bagi tajuk Warga Tua, Awang Suffre bin Haji Muhammad dan Fadzli bin Haji Dollah menjuarai slaid tajuk Cuaca.

Manakala bahagian lukisan bagi orang dewasa bertajuk Hutan Rimba dijuarai oleh Mohd. Junaidi bin Haji Mahali dan Bunga-bunga dijuarai oleh Mohd. Ali bin Haji Ali Ibrahim, bahagian sekolah menengah atas dan bawah bertajuk Alam Semula Jadi dijuarai oleh Masri bin Haji Datang dan Judin bin Arin menjuarai bahagian poster bertajuk Tahun Melawat Brunei.

Bahagian sekolah rendah dijuarai oleh Md. Faiz bin Md. Azmi dari Sekolah Rendah Muhi. Alam bahagian tajuk Alam Semula Jadi dan tajuk Alam Benda (bebas) dijuarai oleh Mohd. Saifuddin bin Soffery dari Sekolah Rendah Kuala Belait.

Hargai kebersihan dan kecantikan alam sekitar

KUALA BELAIT, 28 Julai. - Usaha mencantikkan alam sekitar tidak akan tercapai sepenuhnya jika sebilangan masyarakat masih tidak tahu menghargai kebersihan dan kecantikan sekeliling malah ada pula yang masih tabiat pengotor dengan membuang sampah bukan di tempat yang dihaskan dan amalan tabiat pemugut.

Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abd. Salam berkata, pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan telah berulang kali memesan dan menasihatkan supaya bersama menjaga kebersihan sekeliling tetapi ternyata sebilangan masyarakat masih dengan perangai yang tidak baik malah merasa bangga dengan keberanian mereka mengotorkan kawasan sekeliling termasuk rumah kediaman mereka sendiri.

Berucap di Majlis Penyampaian Hadiah-hadiah Pertandingan Kebersihan dan Seni Bina Landskap bagi Daerah Belait sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 yang diadakan di Taman Rekreasi Jubli Perak di sini.

Seramai 140 peserta mengikuti pertandingan berkecemasan yang dibahagikan sembilan kategori. Pada tahun ini diadakan kategori khas bagi pemenang-pemenang yang telah memenangi tempat pertama hingga ketiga lima tahun kebelakangan dari tahun 1996 hingga tahun lalu supaya memberi peluang kepada peserta-peserta lain untuk memenangi pertandingan di kategori-kategori tertentu.

Johan di kategori khas tahun ini, Awang Jaafar bin Haji Mohd. Paun, beliau menerima satu set meja dan kerusi taman tajaan Perusahaan Triple Globe Landscaping di samping hadiah-hadiah lain, naib johan Haji Hussaini bin Haji Mohd. Tussop dan Affandy bin Haji Samad di tempat ketiga.

Johan kategori Perumahan Negara dan STKRJ, Awang Haji Abd. Nasser bin Haji Kiprawi; naib johan, Hasnah binti Haji Sabtu dan tempat ketiga, Jumat bin Tuah manakala kategori rumah awam, johan, Murni binti Abdullah; naib johan, Hajah Dura binti Haji Awang Damit dan tempat ketiga Haji Abd. Razak bin Tahir.

Johan kategori rumah kediaman kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell, Saudah binti Abdullah; naib johan, Hajah Suriati binti Haji Mohd Saji dan tempat ketiga, Yakob bin Haji Abu Hasrah sementara kategori sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan johan, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd Yusof; naib johan, Sekolah Rendah OKPB Bukit Sawat dan tempat ketiga, Sekolah Rendah Panaga.

Kategori sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan johan, Sekolah Menengah Perdana Wazir, naib

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

johan, Sekolah Menengah Mumong dan tempat ketiga Sekolah Menengah PAPHRSB Sungai Tali dan kategori bangunan balai-balai polis dan bomba, johan, Cawangan Lalu Lintas dan Peronda Daerah Belait; naib johan, Balai Polis Setia dan tempat ketiga, Pasukan Simpanan Polis A Kompeni Panaga.

Sementara kategori masjid dan surau johan, Masjid Muhi, Jamalul Alam Kuala Belait; naib johan, Masjid Pekan Setia dan tempat ketiga, Masjid Zainab, Lumut dan Dayang Hajah Yot binti Bakar menerima hadiah sumbangsih dan anak pokok pisang madu kerana tidak pernah jemu menyertai pertandingan itu sejak dari mula dulu hingga sekarang.

Tema pertandingan Menuju Ke Arah Pembinaan dan Kebersihan Alam Sekitar dengan matlamat memberi kesedaran kepada semua peringkat masyarakat mengenai alam sekitar yang bersih, selesa serta indah melalui senibina landskap.

Pertandingan bertujuan bagi berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam jurusan kerja seni bina landskap dan memupuk semangat pertandingan yang sihat dalam bidang tugas dan pengurusan terhadap alam sekitar serta meningkatkan dan menentengahkan daya kreatif masyarakat supaya lebih peka terhadap alam sekitar yang indah dan bersih.



SYED Rory Hairol bin Malai Hassan bersama kucing parsi kesayangannya, Cuddles menjuarai bahagian kucing terbaik dari yang baik di Pertandingan Kucing anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI). - Gambar ihsan Hajah Saemah HZ.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abd. Salam menyampaikan hadiah kepada johan kategori Perumahan Negara dan STKRJ, Awang Haji Nasser bin Haji Kiprawi di Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebersihan dan Seni Bina Landskap bagi Daerah Belait. - Gambar ihsan See Hwa Daily News.

Cuddles juara

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 29 Julai. - Kucing sering menjadi kewanjaan setiap keluarga. Sifatnya yang manja sering dijadikan teman terutamanya kanak-kanak malah kucing terutamanya yang baik boleh mendatangkan sumber pendapatan lumayan.

Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Kuala Belait telah menganjurkan Pertandingan Kucing sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 di Dewan Bandaran di sini.

Pengerusi pertandingan, Dayang Hajah Julia binti Chee melahirkan rasa bangga dan berbesar hati dengan jumlah peserta terdiri dari kalangan remaja yang ramai membawa kucing-kucing mereka yang mempunyai nama-nama yang unik untuk dipertandingkan dengan penuh kesabaran dan penelitan.

Kucing bernama Cuddles kepunyaan Syed Rory Hairol bin Malai Hassan dipilih sebagai kucing yang paling baik dari yang baik. Selain itu Cuddles juga menjuarai bahagian kucing terbesar dan bahagian kesihatan dan kebersihan serta juara bahagian kategori kucing parsi.

Saingannya Lileley @Lily, kucing kepunyaan Haji Saiful Rizal bin Haji Mahadi pemenang bahagian photogenik, bulu terbaik dan juara kategori kucing campuran.

Cuddles dan Lileley telah berjaya mengalahkan 38 ekor kucing yang lain di pertandingan tersebut yang dibahagikan kepada lima kategori, kebir, siam, parsi, tempatan atau biasa dan campuran. Pemenang pertama kategori kebir, kucing bernama Jimmy kepunyaan Haji Ismail, naib johan Simba kepunyaan

Noorul Qhadijah binti Haji Ibrahim dan Copy di tempat ketiga. Kategori kucing siam pemenang pertama Cornel kepunyaan Haji Nordin bin Haji Isa, kedua Manja kepunyaan Hajah Siti Zawani dan tempat ketiga Johnathan kepunyaan Nur Hanani Abdullah.

Kategori kucing parsi, naib johan Jame The Tomb Raider kepunyaan Zul Qurnain Haji Adnan dan tempat ketiga Mighty Cute 'Dancing Queen' kepunyaan Rosnani binti Haji Awang Besar dan kategori kucing tempatan atau biasa, pemenang pertama Orlen kepunyaan Hajah Maslima Haji Basir, tempat kedua Chomot kepunyaan Dk. Hjh. Noorafizah binti Pg. Hj. Zainal Abidin dan tempat ketiga Bongkey kepunyaan Hjh. Siti Zawani.

Kategori kucing campuran tempat kedua, Mimie kepunyaan Amy dan tempat ketiga Putih-Putih Melati kepunyaan Nur Salastree Sulaiman.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, Hajah Norsiah binti Haji Johari menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Kebanyakan dari pemelihara dan pencinta haiwan ini ditemui menyatakan kucing-kucing perlu diberi makanan yang berkhasiat dan seimbang agar tidak mudah dijangkiti penyakit.

Menurut mereka kucing-kucing dari baka luar negeri seelok-eloknya tidak dicampur dengan baka tempatan dan seandainya kucing dijaga dengan penuh kasih sayang akan menjadi teman yang paling setia walau hilang sekalipun ia akan mencari rumah yang disayangnya.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

KUASAI TEKNOLOGI TERKINI

MASYARAKAT dunia kini bersaing di bidang ekonomi bukan lagi di bidang persenjataan untuk lebih berpengaruh dan menyerlah di arena antarabangsa. Dalam strategi pemulihan ekonomi jangka panjang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang memperbaiki suasana pelaburan dan perniagaan, di samping memberi tumpuan pada langkah menggerakkan ekonomi dan membantu sektor swasta berkembang dengan lebih cepat.

Ekonomi yang mantap akan membolehkan

negara menyediakan pelbagai infrastruktur pembangunan dan kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat dan penduduk. Oleh itu pelbagai usaha telah dan akan terus dilaksanakan bagi mempelbagaikan sumber ekonomi agar tidak semata-mata bergantung kepada hasil minyak dan gas.

Senario yang dapat kita lihat pada masa ini ialah sumber utama ekonomi negara masih banyak bergantung kepada penghasilan minyak dan gas yang merupakan sumber alam yang terhad dan dikuatir pupus suatu hari nanti. Menyedari akan hakikat ini, kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan sektor swasta di negara ini dalam menggiatkan dan merangsang per-

tumbuhan industri-industri bukan minyak dan gas yang berdaya tahan dan boleh bersaing di dalam mahupun di luar negeri.

Dalam mempromosi pelaburan pula, antara yang diharapkan dapat menarik lebih banyak pelaburan ialah dengan menyediakan dan memajukan tapak perindustrian, promosi pelaburan, memajukan perusahaan melalui ekuiti serta penyelaras dan memudahkan penubuhan perusahaan.

Juga harus diberikan perhatian ialah ke arah meningkatkan 'nilai tambah' kepada penghasilan produk-produk yang sudah sedia ada. Di sini memerlukan kita untuk menguasai teknologi-teknologi terkini serta kepakaran-

kepakaran yang diperlukan dalam iklim perdagangan semasa dan akan datang.

Kesimpulannya, kejayaan kita mencapai ekonomi yang mapan dan mantap secara berterusan bukanlah hanya terletak di tangan kerajaan semata-mata. Di satu pihak kerajaan melalui agensi-agensi berkenaan bertindak menyediakan bantuan atau

pemudahcara, manakala sektor swasta, institusi-institusi pendidikan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan juga mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya.

Dayang Salma binti Hamidah,
Lot 2132, No. 3,
Jalan Perakong, Seria,
KB 1133.
No. k/p: 109216

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini dari tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Perindustrian - Tingkatkan Ekonomi Negara'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Utamakan Penyusutan Susu Ibu.' Tarikh tutup 1 September, 2001.
2. 'Peranan Guru Semakin Mencabar Di Era Globalisasi'. Tarikh tutup 8 September, 2001.
3. 'UBD Teras Lahirkan Cendekiawan Negara.' Tarikh tutup 15 September, 2001.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Perindustrian negara kian berkembang

DALAM zaman yang serba moden ini, bidang perindustrian merupakan aspek yang amat penting bagi sesebuah negara. Kebaikkan di dalam menceburi bidang perindustrian boleh memberikan pulangan yang agak lumayan bukan sahaja dari segi pembangunan yang moden malah tahap ekonomi negara menjadi kukuh dan stabil. Sebagai sebuah negara yang baru membangun, negara kita juga tidak ketinggalan dalam menceburi bidang perindustrian ini.

Pada masa ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang berusaha dalam mempelbagaikan industri-industri yang belum atau sedia ada bagi meningkatkan lagi tahap ekonomi negara. Langkah ini diambil bagi mengelak akan berlakunya kehabisan dalam industri petroleum negara kita.

Antara industri yang sedang diambil perhatian oleh kerajaan masa kini ialah industri pelancongan. Pada tahun ini, negara kita telah menganjurkan Tahun Melawat Brunei bagi menarik pelancong-pelancong dari luar negeri. Ini dapat kita saksikan terdapat pelancong-pelancong yang terdiri dari pelancong Eropah, Amerika Syarikat, Korea dan juga Jepun datang melawat ke tempat-tempat yang menarik di negara ini. Dapat kita lihat, negara kita juga mempunyai potensi yang besar di dalam memajukan industri pelancongan sekiranya perancangan yang rapi dibentuk.

Selain itu, negara kita sekarang sudah mula menyusun strategi untuk membina industri-industri yang besar dan canggih bagi memantapkan lagi ekonomi negara. Antara yang sudah dipraktikkan sekarang ialah kilang pembuatan simen yang berteknologi tinggi berdekatan Pelabuhan Muara. Ianya berfungsi bagi memenuhi keperluan tempatan dan juga eksport.

Dalam industri perikanan pula, kerajaan kita sudah membuka peluang kepada anak tempatan untuk cuba menceburi diri dalam bidang ini. Ini terbukti dengan terdapatnya pengusaha-pengusaha tempatan yang telah berjaya memperoleh keuntungan yang agak lumayan hasil daripada penternakan ikan tawar dan air masin. Industri ini nampaknya telah berkembang pesat kerana adanya sokongan daripada pihak kerajaan sama ada dari segi bantuan kemahiran dan kewangan. Walaupun ruang pasaran domestik yang amat terhad, ianya bukanlah satu masalah yang rumit

sebenarnya.

Kerajaan kita secara aktif telah menyertai pelbagai pertubuhan kerjasama ekonomi serantau dan antarabangsa seperti BIMP-EAGA, ASEAN, APEC dan WTO bagi membuka peluang-peluang perniagaan. Melalui ini kita boleh memperluas dan memperkembangkan hasil industri kita ke negara-negara ahli di masa akan datang.

Sebenarnya negara kita adalah berkemampuan dalam menceburi bidang perindustrian

ini. Cuma masalah yang kita hadapi pada masa sekarang ini ialah pembangunan sumber tenaga manusia bagi melahirkan tenaga manusia yang pakar dan terlatih yang boleh menguasai apa jua bidang. Jika ini dapat dibentuk, negara kita mungkin boleh menandingi mana-mana jua negara perindustrian di dunia ini.

Kesimpulannya, kejayaan dalam mencapai ekonomi yang kukuh dan mantap bukanlah terletak di tangan kerajaan sahaja. Pihak kerajaan sebenarnya berperanan menyediakan bantuan atau kerjasama. Selain itu, sektor

swasta, institusi-institusi pendidikan yang bukan kerajaan juga memainkan peranan yang agak penting. Pengaruh-pengaruh ini jika digabungkan dan bergerak dalam satu matlamat, ianya pasti dapat menajankan ekonomi yang aktif dan berdaya saing.

Awang Ahmad Raji bin Haji Musa,
No: 189 Kampong Penanjong,
Tutong TA 2741.
No. k/p: 277667.

Perindustrian - buka lebih banyak peluang pekerjaan

DI DALAM arus kemodenan ini negara kita iaitu sebuah negara yang kecil dan begitu juga dengan penduduknya yang kecil dan tidak ketinggalan bagi sama-sama bersaing dengan negara-negara yang sudah maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat untuk mengharungi zaman teknologi dan pembangunan negara.

Di negara kita, industri pembuatan barang tidaklah begitu besar dan membarangsangkan jika dibandingkan dengan negara lain seperti Jepun. Industri kita hanya kecil dan tidak begitu banyak anak tempatan yang berkecimpung dalam bidang industri.

Maka ke arah itu, kita haruslah memperluaskan lagi perindustrian dalam pelbagai bidang supaya boleh bersaing dengan negara-negara yang sudah maju. Dengan adanya industri kita sendiri, maka kita tidaklah perlu lagi mengimport sesuatu barang dari luar negara. Ini kerana apabila kita mengimport sesuatu barang dari luar negara ia boleh mengelakkan wang yang banyak serta mengambil masa yang lama untuk sampai ke negara kita.

Oleh yang demikian, kita sebagai rakyat negara perlu prihatin yang mana perusahaan dalam perindustrian boleh mem-

bawa pelbagai faedah untuk pembangunan dan kegunaan negara kita yang sudah merdeka. Dalam kepelbagaian faedah daripada perindustrian itu ialah salah satunya ia boleh menstabilkan dan membantu meningkatkan ekonomi negara dengan mengeksport hasil perindustrian ke luar negara. Dengan meningkatnya ekonomi negara juga maka taraf penduduk juga boleh meningkat seiring dengan negara-negara yang telah berjaya dalam bidang perindustrian.

Selain itu, perindustrian juga boleh memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk bekerja di

dalam bidang tersebut. Maka dengan itu juga ia boleh mengurangkan dari banyaknya pekerja asing yang bekerja di negara kita dan memang tidak dinafikan di dalam perindustrian memerlukan pekerja yang mahir dan sudah tentunya yang muhih itu dari luar negara. Akan tetapi kita perlulah mendidik dan memberi peluang kepada anak tempatan sendiri supaya mereka mahir dalam bidang perindustrian. Di samping itu juga, perindustrian boleh mengurangkan masalah pengangguran yang sedang kita hadapi.

Oleh yang demikian, sektor-sektor swasta hen-

daklah berani tampil ke hadapan untuk berkecimpung serta berusaha memperluaskan lagi perusahaan dalam perindustrian bagi sama-sama meningkatkan dan mengukuhkan ekonomi negara. Di samping itu, kita juga hendaklah berusaha meningkatkan kepelbagaian industri selain industri pengeluaran barang. Kita sebagai rakyat Negara Brunei juga harus prihatin dan tidak berserah semata-mata kepada hasil minyak dan gas untuk pembangunan dan ekonomi negara.

Awang Subaibul bin Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampong Lumapas 'B'
BJ 3524.
No. k/p: 296033.

Pembuatan kikir hasilkan pendapatan

JERUDONG, 17 Ogos. - Seni tradisi permainan kikir atau layang-layang akan hilang begitu sahaja sekiranya tiada usaha bersepadu yang membolehkan seni ini relevan dan dapat berfungsi dalam kehidupan masyarakat sekarang.

Beberapa tahun kebelakangan ini, disebabkan perkembangan teknologi tinggi yang begitu pesat, seni tradisi ini semakin tersisih dan cuma muncul pada musim-musim tertentu sahaja.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menyatakan perkara tersebut ketika berucap merasmikan Pesta Kikir Antarabangsa Brunei Kali Pertama berlangsung di Pantai Tungku di sini.

Di majlis itu, Yang Berhormat juga berharap agar pesta yang mengumpulkan peminat-peminat kikir itu bukan sahaja mengetengahkan aspek pertandingan dan persembahan, malah pihak penganjur akan dapat mencari ikhtiar bagi mewujudkan rangkaian kerjasama serantau dalam seni permainan kikir.

Menyentuh tradisi pembuatan dan permainan kikir, Yang Berhormat berkata, seni itu cuma pada tahap hobi dan kegunaannya pula cuma bermusim serta belum menonjol sebagai perusahan yang menghasilkan pendapatan.

Di beberapa buah negara anggota ASEAN termasuk di Jepun dan Korea, seni pembuatan kikir bukan lagi sebagai hobi sembilan, malah suatu perusahan besar-besaran yang menghasilkan pendapatan.

Ketika berucap, Yang Berhormat juga menyifatkan bahawa kehadiran peserta-peserta dari Malaysia dan Republik Indonesia telah dapat meningkatkan kedudukan pesta itu ke suatu tahap kerjasama serantau di bidang kebudayaan selain dapat mengeratkan kerjasama dan tali silaturahmi di kalangan pemain-pemain serta peminat-peminat kikir tempatan dengan rakan-rakan mereka dari luar negara.

Yang Berhormat percaya, dengan semangat bersatu padu, semua pihak, terutamanya sektor swasta yang berkemampuan menghulurkan tajaan maka pesta

Oleh Sahari Akim

seumpama itu akan dapat diungkuhkan ke peringkat ASEAN di mana permainan dan pembuatan kikir sudah berkembang sejak sekian lama dahulu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengalu-alukan Pesta Kikir tersebut ke arah memeriahkan lagi program-program budaya yang telah dirancang sempena Tahun Melawat Brunei 2001.

Pesta Kikir Antarabangsa tiga hari itu disertai oleh 14 peserta dari Malaysia, hampir 30 peserta dari Republik Indonesia dan lebih dari 60 peserta dari Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain menaikkan kikir sebagai tanda perasmian Pesta Kikir Antarabangsa Brunei Kali Pertama yang berlangsung di Pantai Tungku, Jerudong. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



BERANEKA jenis kikir dinaikkan sempena Pesta Kikir Antarabangsa yang disertai oleh negara-negara anggota ASEAN (kiri). Sementara gambar kanan, para peserta menaikkan kikir di waktu malam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Ribuan penonton saksikan persembahan menaikkan kikir



KIKIR besar yang dipersembahkan oleh sebuah negara ASEAN menarik perhatian orang ramai di pesta itu. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

JERUDONG, 18 Ogos. - Ribuan orang ramai membanjiri Pantai Tungku, Jerudong bagi menyaksikan persembahan menaikkan beraneka jenis kikir pada waktu malam selain persembahan kebudayaan sempena Pesta Kikir Antarabangsa Brunei Kali Pertama yang diadakan di Pantai Tungku.

Selain menikmati pengalaman menyaksikan beraneka jenis serta saiz kikir dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Indonesia yang julung kalinya dimainkan pada waktu malam yang disuluh menggunakan lampu limpah, orang ramai terutamanya kanak-kanak juga berkesempatan bermain kikir yang dibeli hasil dari kerja tangan penduduk tempatan, Malaysia dan Republik Indonesia sambil dihiburkan dengan persembahan bermukun dan karaoke.

PESTA sempena Tahun Melawat Brunei 2001 (TMB) yang diadakan selama tiga hari itu bermula pada 17 hingga 19 Ogos, 2001.

Perasmianya telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain pada 17 Ogos lepas.

Pengerusi jawatankuasa tertinggi pesta, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Pelancaran Pesta antara lain menerangkan, program itu adalah merupakan salah satu aktiviti dianjurkan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan dikelolakan oleh Persatuan Kikir Daerah Brunei dan Muara dengan kerjasama kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan bagi memeriahkan lagi sambutan TMB.

Menurutnya, antara objektif pesta tersebut ialah untuk menunjukkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah destinasi pelancongan yang menarik selain untuk menghidup dan memperkembangkan seni budaya dan tradisi rakyat di kalangan penduduk tempatan dan masyarakat antarabangsa.

Di samping itu, ia juga diharapkan akan dapat menjalin tali persahabatan dan silaturahmi antara para peserta dan peminat-peminat kikir

Oleh Sahari Akim

atau layang-layang tempatan dan luar negara.

Selain disertai oleh lebih dari 60 pemain tempatan, pesta juga menerima penyertaan dari 14 pemain dari Malaysia dan lebih 30 pemain dari Republik Indonesia yang mewakili persatuan layang-layang kedua buah negara tersebut.

Antara kategori yang dipertandingkan termasuklah Berpulut Kikir (tempatan), Kikir Tradisional - Kikir Kanak-kanak/Siar Manjar (tempatan dan antarabangsa), Kikir Cantik Rekreasi (tempatan dan antarabangsa), Kikir Biasa Tradisional (tempatan), Berpulut Gaya Bebas (tempatan dan antarabangsa), Rokaku (tempatan dan antarabangsa), Stunt Kite (tempatan dan antarabangsa) dan Train Kite (tempatan dan antarabangsa).

Sempena pesta itu, beberapa aktiviti lain juga telah diadakan seperti bengkel, persembahan kebudayaan dan juga gerai-gerai jualan.

KKC wujud iklim baru lebih positif

RIMBA, 6 Ogos. - Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim berkata, mengamalkan dan membudayakan falsafah KKC akan dapat mewujudkan suatu iklim baru yang lebih positif, ceria dan sihat dalam sesebuah organisasi.

Ini kerana jelasnya, hubungan di antara pihak pengurusan dan pegawai serta kakitangan bertambah rapat dan semua pekerja tanpa mengira jawatan sama-sama berperanan dan bertanggungjawab dalam mengembangkannya organisasi tempat mereka berkhidmat.

Dato Paduka berkata demikian di Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang 2001 Kementerian Pendidikan di Institut Perkhidmatan Awam, Kampong Rimba di sini.

Unsur-unsur bekerja, jelasnya, seperti dalam kaedah KKC bukanlah suatu yang asing kepada kita di negara ini, kerana dalam budaya kita sudah wujud amalan kerja bergotong-royong, sikap tidak camah mata, bekerja dengan titih dan lutan.

Dalam aspek lain katanya, seperti pendidikan memainkan peranan yang sama pentingnya ke arah memastikan peningkatan

Oleh
Haji Ahmad HS

kualiti dan produktiviti.

"Ini jelas kita perhatikan di negara-negara yang maju yang dapat melahirkan rakyat dan penduduk berpendidikan tinggi. Mereka dapat mengadakan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi yang boleh mencipta teknologi-teknologi terbaru dan canggih serta kaedah-kaedah pengurusan bekerja yang berkesan yang boleh menghasilkan hasil kerja yang baik dan bermutu tinggi berbanding dengan negara-negara yang rakyat dan penduduknya mempunyai pendidikan hanya di tahap yang rendah," tegasnya.

Menurutnya, kepentingan pendidikan juga ditekankan oleh United Nation Development Programme (UNDP) dalam laporan perkembangan manusia 2001 di mana pendidikan, jangka hayat dan pendapatan setiap orang merupakan tiga indikator utama dalam menentukan kedudukan.

Negara Brunei Darussalam, jelasnya, dalam laporan itu telah ditempatkan pada kedudukan ke-32 dalam kategori perkembangan manusia ter-

tinggi.

Seramai tiga buah kumpulan ikut serta dalam pertandingan dua hari iaitu Kumpulan Kerja Cemerlang 2 daripada Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam dengan tajuk Peratus Penyaluran Penuntut Ke Menengah 4 'N' Tinggi.

Acang 'A' daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dengan tajuk projek; Pendaftaran Peperiksaan 'PCE' Secara 'On-Line' dan tajuk projek; Maklumat Keputusan Peperiksaan Awam Dalam Disket (Kewangan) dibawakan oleh kumpulan Acang 'C' daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan.

Sementara kumpulan Istiqamah daripada Jabatan Perkembangan Kurikulum, mempersembahkan tajuk projek; Masalah Penggunaan Buku Panduan Berterusan Sekolah Rendah (PBSR).

Pertandingan KKC bertujuan antaranya untuk menjadikan konsep 'syura' melalui kaedah 'usrah' sebagai amalan di semua peringkat masyarakat dan menjadikan KKC sebagai budaya kerja dalam memantap dan memajukan agensi.

Pertandingan KKC Kementerian Pendidikan

RIMBA, 7 Ogos. - Projek menyelenggarakan peratus penyaluran penuntut ke menengah 4 'N' Tinggi memberi kemenangan kepada Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam untuk menjuarai Konvensyen Kualiti Kerja Cemerlang (KKC) bagi Kementerian Pendidikan tahun ini.

Projek berkenaan mengalahkan dua pasukan dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan yang masing-masing membawa projek 'Pendaftaran Peperiksaan PCE Secara 'On-Line' dan 'Maklumat Keputusan Awam Dalam Disket' di pertandingan akhir KKC di Institut Perkhidmatan Awam.

Pertandingan KKC antara lain dihasratkan bagi menjadikan konsep 'syura' melalui kaedah 'usrah' sebagai amalan di semua peringkat masyarakat dan negara selain bagi

Oleh Samle HJ

menjadikan KKC sebagai budaya kerja dalam memantap dan memajukan sesebuah agensi.

KKC juga bagi memaklumkan dan melaksanakan program-program KKC yang menjurus kepada Konvensyen KKC peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada penghujung bulan September nanti.

Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Dato Paduka Malai Haji Ali telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada kumpulan yang berjaya.

KKC 2001 bagi Kementerian Pendidikan telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim.



PENGARAH Pentadbiran dan Kewangan Kementerian Kesihatan, Awang Haji Mohd. Salleh dan Pengurus Besar RBC, Awang Nelson Chong bersalaman sejurus menandatangani perjanjian persefahaman kontrak bagi penyajian makanan kepada pesakit di wad Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Majlis itu disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan selaku Pengarah RBC, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad. - Gambar oleh Ramli Tengah.

RBC SAJIKAN MAKANAN BAGI PESAKIT RIPAS

Oleh Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Ogos. - Royal Brunei Catering (RBC) telah melangkah setapak ke hadapan apabila berjaya menandatangani satu perjanjian persefahaman kontrak selama lima tahun bagi penyajian makanan kepada pesakit di wad Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Neurologi di Kampong Kiarong dan Rimba, Gadong.

Penyajian yang bermula 1 September itu telah ditandatangani oleh antara wakil Kementerian Kesihatan yang diwakili oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangannya, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin dan RBC diwakili oleh Pengurus Besarnya, Awang Nelson Chong.

Majlis penandatanganan tersebut telah disaksikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan selaku Pengarah RBC, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan yang baru menamatkan perkhidmatannya yang berlangsung di Kelab Rekreasi Diraja Brunei.

Dengan termeterainya perjanjian tersebut setentunya akan meningkatkan mutu serta perkhidmatan yang terdapat di Rumah Sakit RIPAS dalam menuju wawasannya sebagai pusat rawatan yang terkini dan berkualiti.

Dianggarkan seramai 420 orang pesakit setiap hari akan menerima sajian sebanyak 4 kali sehari yang bermula dari minum pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam tanpa dikenakan bayaran kecuali jika pesakit tersebut memohon sajian tambahan.

Kesemua penyajian makanan tersebut akan dilakukan oleh pekerja dari RBC yang telah mengikuti latihan khas selama tiga bulan mengenai selok-belok penyajian makanan.

Dalam memastikan sajian makanan yang dihidangkan tersebut memenuhi kehendak syarat pemakanan, Kementerian Kesihatan telah menugaskan seorang Pakar Pemakanan untuk memastikan kawalan makanan tersebut terjamin.

Turut dilancarkan hari itu ialah pakaian bagi pekerja penyajian makanan yang membezakan antara suatu tugas dengan tugas yang lain dari corak pakaian yang dipakai.

32 kanak-kanak sertai Peraduan Membaca Ayat-Ayat Lazim

Oleh Samle HJ

TUNGKU, 11 Ogos. - Mohd. Hazwan, Norhafilah, Khairul Musawir dan Nordiana masing-masing menjuarai Peraduan Membaca Ayat-Ayat Lazim dan Doa Selepas Sembahyang anjuran bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara dan Jawatankuasa Takmir Masjid UBD.


Peraduan yang disertai oleh 32 orang kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 6 hingga sebelas tahun itu merupakan pemenang di peringkat zon masing-masing bagi Daerah Brunei dan Muara.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dato Paduka Seri

Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang di Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Peraduan berkenaan dihasratkan bagi memberi pendekatan kepada kanak-kanak dengan masjid dan mengisi masa lapang mereka, di samping bagi perhubungan silaturahim di antara pelajar dengan guru, ibu bapa dan jemaah masjid.

Ia juga diharap sebagai asas bagi merangsang lagi minat mereka kepada aktiviti-aktiviti keagamaan.



SYARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI

BARANG-BARANG UNTUK DIJUAL
(RUJ: NOTIS TAWARAN BSP BIL: SBS 6/01)

Bili	Jumlah	Huraian
1	277 Jts	Scrap tubing, L80, 15lb/ft, size: 5", length: 30 ft.
2	200 Jts	Scrap tubing, mixed grades, size: 2.7/8", length: 30 ft.
3	91 Jts	Assorted linepipe, c.s size: 4", length: 39 ft to 40 ft.
4	50 Jts	Scrap tubing, mixed grades, size: 2.3/8", length: 30 ft.
5	20 Jts	Linepipe, Sch80, size: 16", length: 39 ft to 40 ft.
6	1 Lot	Assorted scrap sucker rod, size: 1/2" to 1", length: 30 ft (Qty: 1,022 pcs approx).
7	1 Lot	Pipe fittings consisting of elbows, flanges, reducers, tees, various sizes.
8	15 Pc	TK Ball valve, flanged soft seated api, class 150, cs, size: 250mm.
9	1 Lot	Assorted pipe fittings consisting of flanges, unions, reducers and ball valves, size: 1/2" to 1.1/2" with 150# to 600# (Qty: 22 pcs).
10	1 Lot	Assorted spare parts for KHD Diesel Engine, Model/Type: F3L912 & F4L912 consisting of elements, ball bearings and various types.
11	1 Lot	Spare parts for Centrifugal/Rotary Pump, Model: RKHC-6, consisting of centre line shaft, bottom line shaft and assorted spare parts for Chloropac Hypochloride Generator Model: 418/HF, consisting of inner cell, flange splits, circuit breakers, pressure switches, operator controllers, ammeters, generating cell assemblies, various types.

12	1 Lot	Assorted Flanges consisting of Thermowell Flange class 900# and flange API WN sch40 & sch80 with various sizes (Qty: 95 pcs approx).
13	1 Lot	Assorted spare parts for Kawasaki/Coberra Gas Compressors, Model: RB8-B & RC9-BS, consisting of converters, point recorders, speed controls, logic cards, Ac voltmeter, Ac ammeters, relay cards, surge controls, vibration cards, vibration monitors, oscillator panel assembly and various parts.
14	1 Lot	Assorted spare parts for Ruston Turbine, Type: TB-5000, consisting of Swirls, viewing heads, joint rings, pressure switch, actuator fuel valves, complete fuel valves, burner complete, purge block assembly, bearing set and various parts.
15	1 Lot	Assorted machinery parts for Woodward Governor, Model/Type: 501, SYSII & III consisting of relay interface, Rtd module: RVDT Post module, LV power supply, CPU Op system module, sensor temperature and various parts.

Syarat-syarat tawaran:

- 1) Barang-barang yang tersebut di atas boleh dilihat pada waktu hari syarikat bekerja dari hari Isnin sampai Jumaat di kawasan Stor Jabatan Perkhidmatan Kenderaan dan Logistik, Seria, Negara Brunei Darussalam.
- 2) Urusan untuk melihat benda-benda tersebut atau untuk mendapat maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Disposal, Tel: 03-373918, Faks: 03-372774.
- 3) Barang-barang tersebut akan dijual di atas dasar sebagaimana keadaannya, di mana hanya sekarang dengan perbelanjaan sendiri penendar hendaklah menyediakan tenaga buruh, kenderaan dan peralatan pengangkat yang diperlukan oleh syarikat untuk mengambil barang-barang yang dibeli.

- 4) Tawaran berserta wang cagaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang ditutup rapi yang bertulis dan dialamatkan seperti berikut: Ruj: NOTIS TAWARAN BSP: SBS 6/01. Tarikh Tutup Hari Khamis 6 September, 2001 jam 8.00 pagi. Peti tawaran (FCP), Ibu Pejabat, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Panaga, Seria KB 3534, Negara Brunei Darussalam.
- 5) Tawaran boleh juga dihantar melalui faks kepada peti tawaran nombor faksimili: 673 3 373440 dengan menyatakan tawaran BSP Bil: 6/01. Tarikh tutup: 6 September, 2001. Wang cagaran hendaklah dihantar melalui mel cepat di dalam sampul surat dan dialamatkan kepada peti tawaran yang tersebut di atas.
- 6) Tarikh tutup untuk menerima tawaran-tawaran ialah sehingga jam 8.00 pagi pada hari khamis 6 September, 2001. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 7) Semua tawaran mestilah disertakan dengan wang cagaran sebanyak 10 peratus daripada jumlah yang ditawarkan dalam bentuk cek yang dibayar kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad. Wang cagaran akan dikembalikan kepada penawar yang tidak berjaya. Bagi penawar yang berhasrat untuk menarik balik tawarannya atau gagal menjelaskan baki pembayarannya dalam tempoh masa empat belas (14) hari tarikh surat penganugerahan, wang cagaran akan hilang. Tawaran-tawaran yang tidak disertakan dengan wang cagarannya yang dikehendaki tidak akan dilayan.
- 8) Pembayaran hendaklah dijelaskan dalam tempoh masa empat belas (14) hari waktu bekerja oleh penawar yang berjaya dari tarikh surat penganugerahan dan mestilah mengambil benda tersebut dengan perbelanjaan sendiri dalam tempoh masa dua puluh satu (21) hari waktu bekerja selepas tarikh pembayaran, jika tidak penawar akan dikenakan bayaran tempat penyimpanan pada kadar B\$50.00 sehari.
- 9) Sejalan dengan prosedur keselamatan Syarikat Minyak Shell Brunei, kakitangan penawar adalah dikehendaki memakai alat-alat pelindung keselamatan diri semasa membuat pemeriksaan dan pengambilan barang yang ditawarkan.
- 10) Dengan menghadapkan tawaran akan dianggap sebagai penerimaan oleh penawar terhadap semua syarat tawaran yang ditetapkan oleh syarikat. Keterangan lanjut mengenai syarat tawaran syarikat boleh diperolehi apabila dikehendaki daripada Pejabat SBS/15, Jabatan Perkhidmatan Sokongan Perniagaan (SBS), Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, Seria KB 3534, Negara Brunei Darussalam.



JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENDAFTARAN BAGI TAHUN 2002 BAGI KELAS PENDIDIKAN LANJUTAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan kepada orang ramai bahawa kelas-kelas Pendidikan Lanjutan, Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam dibuka untuk pendaftaran bagi tahun 2002.

Mata pelajaran-mata pelajaran yang ditawarkan adalah:

1. Kelas Ilmu Perdagangan menaip, Trengkas (Seel pertama dan simpan kira Aliran Inggeris).
2. Kelas Urusan Rumah Tangga iaitu Masakan, Potongan dan Jahitan, Gubahan Bunga dan Anyaman.
3. Bahasa Melayu bagi orang-orang asing.
4. Bahasa-Bahasa asing - Bahasa Jepun, Bahasa Cina, Bahasa Arab, Bahasa Tamil dan Bahasa Thailand.
5. Kelas Akademik Peningkat Menengah Bawah, Menengah Atas, 'O' dan 'A'.
6. City and Guilds 6165 (Teknikal).
7. Kelas Jahitan Songkok.
8. Kelas Muqaddam dan Al-Quran.

Tarikh menerima permohonan kursus-kursus ini akan bermula pada 1 September, 2001 hingga 29 September, 2001.

Hari Isnin hingga Sabtu (kecuali hari Jumaat dan Ahad): Jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi. Jam 10.30 pagi hingga 11.30 pagi. Jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Bagi pemohon-pemohon pelajaran akademik yang sedang menunggu keputusan akhir tahun 2001 adalah dilanjutkan dua (2) minggu setelah keputusan peperiksaan diumumkan.

Borang permohonan boleh didapati dari Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik beralamat Bahagian Pendidikan Lanjutan, Jabatan Pendidikan Teknik, Simpang 347, Jalan Pasar Baru Gadong BE 1310, Negara Brunei Darussalam atau melalui Penyelia-Penyelia Pendidikan Lanjutan. Borang yang tidak lengkap tidak akan dilayan.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN MENGENAI PROSEDUR PEMERIKSAAN BAGI MEL YANG MASUK KE AUSTRALIA

PENTADBIRAN Pos Australia telah memaklumkan kepada semua pentadbiran pos akan peraturan barunya yang dikuatkuasakan oleh piak kastam di negara itu bahawa semua barang-barang mel yang ditujukan ke Australia adalah tertakluk kepada pemeriksaan X-Ray dan ini akan mengakibatkan kelewatan dalam penyerahan.

Sehubungan dengan ini pelanggan yang menghantar mel ke Australia selain daripada diingatkan mengenai barang-barang yang ditegah, semua barang-barang yang dikirim ke negara itu akan dikenakan pemeriksaan X-Ray dan juga tindakan pengesanan anjing.

Sekiranya terdapat barang-barang yang ditegah atau yang melanggar peraturan masuk, barang-barang itu sama ada akan dirampas, diambil tindakan steril (sterilization) atau dikembalikan.

Sebagai panduan, barang-barang berikut boleh di pos ke Australia hanya selepas kebenaran masuk (import permit) telah diperolehi daripada Australia Quarantine and Inspection Service:

- * Semua jenis daging atau produk daging, termasuk yang segar, kering, beku, berasap (smoked), masin atau daging dalam tin;
- * Makanan berbungkus, termasuk makanan mi, yang mengandungi telur, produk tenusu atau daging;
- * Buah-buahan dan sayur-sayuran segar;
- * Susu dan produk tenusu, termasuk mentega, keju dan mayonnaise;

- * Salmon dan trout (segar atau kering);
- * Semua jenis kacang (segar atau kering);
- * Buah-buahan kering dan kacang berbungkus yang bukan untuk tujuan perniagaan;
- * Barang-barang yang dibungkus dalam bekas kotak buah-buahan atau sayur-sayuran.

Pelanggan yang ingin mendapatkan kebenaran masuk (import permit) atau ingin mendapatkan keterangan lanjut mengenai syarat-syarat pengimportan di Australia, bolehlah menghubungi Australian Quarantine and Inspection Service melalui: Internet: www.aaqis.gov.au E-Mail: mail.couriers@aqis.gov.au Telefaks: +612 6272 5888.



JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PENYERAHAN SURAT-SURAT KE KAWASAN YANG TERLIBAT DALAM KEBAKARAN DI KAMPONG SUNGAI PANGA MUKIM SUNGAI KEBUN

ADALAH dengan ini dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai khususnya penduduk-penduduk Kampong Sungai Panga di Mukim Sungai Kebun yang terlibat dalam kebakaran pada 11 Ogos, 2001.

Oleh yang demikian, Jabatan Perkhidmatan Pos khususnya penyerahan surat ke rumah-rumah di kawasan yang terlibat tidak dapat dilakukan. Sehubungan dengan ini, Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memohon kerjasama daripada penduduk-penduduk yang terlibat supaya akan dapat menghubungi Pejabat Pos Bandar Seri Begawan (Bahagian Penyerahan Surat), bagi mengambil persuratan mereka di pejabat pos berkenaan.

MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL - TAWARAN KURSUS BAGI SESI JANUARI 2002

TAWARAN KURSUS BAGI SESI JANUARI 2002 PENGAMBILAN KE-34

NO.	TAJUK KURSUS	CARA KURSUS	KERAMAIAH PENUNTUT
1	National Diploma in Automotive Engineering	Sepenuh masa	10
2	National Diploma in Vehicle Body Engineering		10
3	National Diploma in Construction		16
4	National Diploma in Science		4
5	Pre National Diploma in Construction		16
6	National Trade Certificate 3 in Furniture & Cabinet Making		16
7	National Trade Certificate 3 in Basic Cookery & Food Services		32
8	National Trade Certificate 3 in Accommodation		16
9	National Trade Certificate 2 in Furniture & Cabinet Making		2

Kursus-Kursus yang melanjutkan dari PND kepada ND dan dari NTC3 kepada NTC2

NO.	TAJUK KURSUS	CARA KURSUS	KERAMAIAH PENUNTUT
1	National Diploma in Science	Sepenuh masa	12
2	National Trade Certificate 2 in Furniture & Cabinet Making		14
3	National Trade Certificate 2 in Advanced Cookery & Services		15
4	National Trade Certificate 2 in Vehicle Body Repairs		11
5	National Trade Certificate 2 in Motor Vehicle Mechanic		12

PEMOHON-pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan bagi sesi Januari 2002. Tarikh tutup bagi mengembalikan borang permohonan adalah 3 September 2001.

NO.	TAJUK KURSUS	KELAYAKAN MASUK	CARA KURSUS	TEMPOH KURSUS	KERAMAIAH PENUNTUT
1	NTC2 in Furniture and Cabinet Making	Lulus NTC3 in Furniture and Cabinet Making	Sepenuh masa	1.5 Tahun	16
2	NTC3 in Motor Vehicle Mechanic	Lulus NTC3 in Motor Vehicle Mechanic	Sepenuh masa	1.5 Tahun	12
3	NTC2 in Vehicle Body Engineering	Lulus NTC3 Vehicle Body repair	Sepenuh masa	1.5 tahun	15
4	NTC2 in Furniture and Cabinet Making	Lulus tingkatan 3 atau Lulus PMB	Sepenuh masa	1.5 tahun	16
5	NTC3 in Basic Cookery, Basic Food and Beverage Services	Lulus tingkatan 3 atau Lulus PMB	Sepenuh masa	1.5 tahun	16
6	NTC3 in Furniture and Cabinet Making	Lulus tingkatan 3 atau Lulus PMB	Sepenuh masa	1.5 tahun	16
7	NTC3 in Accommodation	Lulus tingkatan 3 atau Lulus PMB	Sepenuh masa	1.5 tahun	16

NO.	TAJUK KURSUS	KELAYAKAN MASUK	CARA KURSUS	TEMPOH KURSUS	KERAMAIAH PENUNTUT
8	National Diploma in Automotive Engineering	Tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit di peringkat GCE 'O' Level ataupun 4 grade 2 di peringkat GCE 'N' Level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, Sains & Mata pelajaran yang bersesuaian).	Sepenuh masa	2.5 Tahun	12
9	National Diploma in Construction	Tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit di peringkat GCE 'O' Level ataupun 4 grade 2 di peringkat GCE 'N' Level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris & Fizik Atau Pass C&G Building Craft or Advance Craft Certificate Atau NTC2 Building Craft Dan Mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja di bidang yang bersesuaian).	Sepenuh masa	2.5 tahun	16
10	National Diploma in Vehicle Body Engineering	Tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit di peringkat GCE 'O' Level ataupun 4 grade 2 di peringkat GCE 'N' Level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, Sains & mata pelajaran yang bersesuaian) Atau Lulus Pre-National Diploma in Engineering.	Sepenuh masa	2.5 tahun	12
11	National Diploma in Science	Tamat Tingkatan 5 dengan mendapat 4 kredit di peringkat GCE 'O' Level ataupun 4 grade 2 di peringkat GCE 'N' Level (Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris, & Pure Sains Atau Lulus Pre-National Diploma in Science).			

PERHATIAN:

- Pemohon-pemohon yang sudah bekerja sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau swasta hendaklah menghantar borang permohonan melalui Ketua Jabatan/majikan masing-masing beserta dengan sokongan. Sebarang permohonan yang tidak melalui pihak tertentu tidak akan dilayan.
- Pemilihan adalah tertakluk kepada:
 - Mempunyai kelayakan masuk seperti di atas
 - Lulus ujian bertulis M.T.S.S.R
 - Lulus temuduga
- Borang permohonan dan keterangan lanjut bolehlah didapati dari:- Pendaftar, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Simpang 125, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam. No. Telefon: 02-343551 No. faks: 02-343207. Hanya pemohon-pemohon yang layak sahaja akan dipilih. Borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.



JAWATAN KOSONG DI WORLD INTELLECTUAL PROPERTY ORGANIZATION (WIPO)

No.	Jawatan	Tempat	Gaji Setahun	Tarikh Mansuh Permohonan
1	Deputy Director	WIPO Worldwide Academy and Division of Human Resources Development, Sector of Cooperation for Development	From US\$70,157	4 Oktober, 2001
2	Head	Standards and Documentation Service IT Services Division	From US\$70,157	15 Oktober, 2001
3	Senior Legal Officer	Trademark Law Section Industrial Property Law Division	From US\$59,255	8 Oktober, 2001
4	Senior Legal Officer	Patent Law Section Industrial Property Law Division	From US\$59,255	8 Oktober, 2001
5	Legal Officer	PCT Legal Affairs and Promotional Activities Section. PCT Legal Division. Office of the PCT	From US\$49,756	27 September, 2001

No.	Jawatan	Tempat	Gaji Setahun	Tarikh Mansuh Permohonan
6	Assistant Evaluation Officer	Internal Audit and Oversight Division	From US\$41,25	4 Oktober, 2001
7	Head	Media Relation and Public Affairs Section Office of the Special Counsel to the Director of General.	From US\$70,157	27 September, 2001

Syarat Asas:

- Mempunyai kelulusan, ijazah atau sijil di bidang berkenaan.
- Berkebolehan bercakap dalam bahasa Inggeris dan Perancis adalah satu kelebihan.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:

Jabatan Ekonomi Pelbagai Hala, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Jalan Subok, Bandar Seri Begawan BD 2710, Negara Brunei Darussalam.

No. telefon: 02-261177 sambungan 221/176/156/157, No. faks: 02-262480. E-mel: dme@brunet.bn

WANG-WANG CAGARAN YANG BELUM DITUNTUT



JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

ADALAH dimaklumkan kepada penyalpin-penyalpin wang cagaran bahawa masih terdapat wang cagaran bagi tawaran tahun 1995 belum lagi dituntut. Penyalpin-penyalpin dikahendaki menuntut kepada Bahagian Kewangan, Jabatan Kerja Raya, Tingkat Satu, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja. Semasa membuat tuntutan, penyalpin hendaklah membawa salinan asal resit berkenaan dalam tempoh 2 (dua) bulan dari pemberitahuan ini.

Mana-mana wang cagaran yang masih tidak dituntut selepas dari tempoh yang telah ditetapkan akan dijadikan milik ke hasil rampaian Kerajaan Brunei Darussalam.

Di bawah ini disenaraikan nama syarikat, no. resit, tarikh dan jumlah wang cagaran berkenaan yang tidak dituntut :-

Hj Md Daud Bin Taha. 948525 04/01/95 \$100.00; Hj Abd Wahab Hj Sulaiman. 948570 05/01/95 \$100.00; Pg Hj Rogayah PJN Pg Hj Abu Bakar. 948583 05/01/95 \$100.00; Hj Mansal Hj Hassan. 948586 05/01/95 \$100.00; ZHMD Engineering Services S/B. 948591 05/01/95 \$500.00; Awg Zainal H.M.Daud. 948593 05/01/95 \$5,000.00; Hj Abdullah Hj Metussin. 948685 09/01/95 \$500.00; Chamsudin bin Madana. 948717 10/01/95 \$100.00; Datin Hjh Rosnah Hj Hasbiullah. 948720 10/01/95 \$100.00; Hjh Sawasa Hj Tupok. 948739 11/01/95 \$100.00; Dvg Hjh Naidah Hj Kasim. 948760 11/01/95 \$100.00; Sykt Permiagaan Rosaiman S/B. 948767 12/01/95 \$3,000.00; Dvg Tan Lian Lian. 948770 12/01/95 \$100.00; Hj Mahadin Hj Mohiddin. 948784 12/01/95 \$100.00; Wan Lee Kemajuan Jati Sdn Bhd. 948789 12/01/95 \$5,000.00; Hj Lani Hj Jais. 948868 17/01/95 \$100.00; Hjh Piah Hj Metasat. 948951 21/01/95 \$300.00; Shriraj J. Singh. 948953 21/01/95 \$100.00; Chang & Rose Company. 948992 23/01/95 \$400.00; Hj Jaafar Hj Puit. 1638016 24/01/95 \$100.00; Awg Ang Kwang Joo. 1638054 25/01/95 \$100.00; TNC Landscaping Sdn Bhd. 1638088 26/01/95 \$400.00; Hjh Zabidah Hj Salam. 1638099 26/01/95 \$100.00; Hua See Huay. 1638137 30/01/95 \$600.00; Hj Abd Rahman Gaper. 1638141 30/01/95 \$100.00; Datin Hjh Asmah Hj Md Akip. 1638154 30/01/95 \$100.00; Hj Abd Rahman Hj Sh. Yahya. 1638160 30/01/95 \$100.00; Awg Daud Hj Abd Samad. 1638215 04/02/95 \$100.00; Md Yassin Hj Binti. 1638251 06/02/95 \$100.00; Hj Abd Wahab Bin Hashim. 1638315 08/02/95 \$100.00; Hj Abd Karim Hj Ali. 1638319 08/02/95 \$100.00; Bina Ria Sdn Bhd. 1638332 08/02/95 \$1,100.00; Awg Sabtu Hj Tupok. 1638450 13/02/95 \$100.00; Ocean Quarry & Const Sdn Bhd. 1638473 13/02/95 \$5,000.00; Sykt Permiagaan Rosaiman S/B. 1638532 15/02/95 \$1,500.00; Perfait Contractors Supplies. 1638582 16/02/95 \$400.00; Hj Md Rafee Hj Shahid. 1638587 16/02/95 \$100.00; Junaidi bin Timbang. 1638615 20/02/95 \$100.00; Haidah Bte Hamdan. 1638617 20/02/95 \$100.00; Kamal Ariffin Hj Abd Rahman. 1638649 21/02/95 \$100.00; Mohammad War Hj Yahya. 1638674 22/02/95 \$100.00; Lim Peng Kok. 1638752 27/02/95 \$800.00; Md Tarip Hj Metussin. 1638758 27/02/95 \$100.00; Hj Ramdan bin Majid. 1638795 28/02/95 \$100.00; Awg Aring Awg Bakar. 1638806 28/02/95 \$100.00; Mr. Tan Guan Siong. 1638815 01/03/95 \$1,000.00; Suhaimi Hj Md Hashim. 1638823 01/03/95 \$100.00; Dato Hj Ahmad Dato Mahr. 1638851 01/03/95 \$100.00; Dvg Lim Bee Yan. 1638893 03/03/95 \$100.00; Ong Hong Peng. 1638895 07/03/95 \$100.00; Pg Samsuddin Pg Hj Md Yusoff. 1639024 13/03/95 \$100.00; Heng Thai Enterprise. 1639143 15/03/95 \$400.00; Pemborong Hj Malik & Anak. 1639159 15/03/95 \$500.00; Kehasan (B) Sdn Bhd. 1639204 16/03/95 \$2,000.00; Ng Tet Chee. 1639206 16/03/95 \$100.00; Mekar Gen Enterprise. 1639221 16/03/95 \$100.00; Ng Yuk Len. 1639252 18/03/95 \$100.00; Cheong Huat Huat. 1639290 20/03/95 \$100.00; Kamila Const Sdn Bhd. 1639306 21/03/95 \$500.00; Hj Mohd Ali Pgh Hj Mokli. 1639312 21/03/95 \$100.00; Nur Afi Property (B) Sdn Bhd. 1639316 21/03/95 \$100.00; Awg Ali Matassin. 1639336 22/03/95 \$100.00; Sung Lee & Chu Const Co S/B. 1639351 23/03/95 \$300.00; Hj Rosli Hj Mustapa. 1639353 23/03/95 \$100.00; Sykt Permiagaan Rosaiman S/B. 1639376 23/03/95 \$5,000.00; Sykt Permiagaan Rosaiman S/B. 1639378 23/03/95 \$5,000.00; Hjh Aishah Hj Md Lazim. 1639404 25/03/95 \$100.00; Awg Azhar Hj Yahya. 1639410 25/03/95 \$100.00; Nur Afi Property (B) Sdn Bhd. 1639435 27/03/95 \$100.00; Heng Kok Seng. 1639445 27/03/95 \$100.00; Awg Hj Liman bin Tuah. 1639457 28/03/95 \$1,100.00; Awg Hj Mahmood Metussin. 1639469 28/03/95 \$100.00; Latif Hj Damir. 1639476 28/03/95 \$100.00; Amir Hamzah Hj Abd Karim. 1639483 29/03/95 \$100.00; Sykt Yana. 1639503 29/03/95 \$600.00; Awg Juhar bin Budin. 1639512 30/03/95 \$100.00; Hytec Engineering Co Sdn Bhd. 1639514 30/03/95 \$3,000.00; Awg Hidup bin Osman. 1639520 30/03/95 \$100.00; Hj Zainal Abidin Hj Md Ali. 1639528 30/03/95 \$100.00; Sheikh Hj Khalid Sheikh Muhammad. 1639540 30/03/95 \$100.00; Jamin Hj Simba. 1639542 30/03/95 \$100.00; Hj Laidin bin Tamit. 1639544 30/03/95 \$100.00; Hjh Rukiah Hj Abd Rahman. 1639546 30/03/95 \$100.00; Hj Hidayah Hj Duraman. 1639553 01/04/95 \$100.00; Hj Mohamed Hj Kasim. 1639555 01/04/95 \$100.00; Hytec Engineering Co Sdn Bhd. 1639600 03/04/95 \$5,000.00; Hj Md Yusoff bin Begawan Mudim D.P. Hj Bakar. 1639611 04/04/95 \$100.00; Wan Lee Kemajuan Jati Sdn Bhd. 1639617 04/04/95 \$5,000.00; Awg Manaf bin Ahd. 1639630 04/04/95 \$100.00; Yati Interior Furnishing Co. 1639636 04/04/95 \$1,800.00; Awg Rosli Bin Jaafar. 1639666 05/04/95 \$100.00; Awg Sahari bin Jaludin. 1639678 05/04/95 \$100.00; Dvg Melen Ebert. 1639682 05/04/95 \$100.00; Abd Latif bin Mail. 1639709 06/04/95 \$100.00; Abd Nasir bin Dagang. 1639743 10/04/95 \$100.00; Awg Azmi Hj Suhailie. 1639755 11/04/95 \$100.00; Kam Boon Long. 1639792 11/04/95 \$100.00; Kam Boon Heng. 1639794 11/04/95 \$100.00; Construction Technology. 1639797 11/04/95 \$5,000.00; Hytec Engineering Co Sdn Bhd. 1639814 12/04/95 \$2,000.00; Surati Const Sdn Bhd. 1639837 13/04/95 \$100.00; Sykt Hj Salleh Awg Damir & Anak. 1639847 13/04/95 \$500.00; Wing Yap Const Co. 1639867 13/04/95 \$100.00; Dvg Hjh Hasnah Dato Hukubalah Hj Abd Wahab. 1639875 15/04/95 \$100.00; Hj Ahmad & Abas Hj Bakar. 1639879 15/04/95 \$100.00; Dato Othman bin Damir. 1639881 15/04/95 \$100.00; Othman Hj Taib. 1639889 15/04/95 \$100.00; Dvg Zakiah Hj Taib. 1639891 15/04/95 \$100.00; Hj Roslan Metall. 1639978 17/04/95 \$100.00; Hj Md Hussin Hj Besar. 1640001 18/04/95 \$1,500.00; Han Jeng Kuang. 1640012 18/04/95 \$100.00; Hj Puteh bin Ahmad & Amat. 1640017 19/04/95 \$200.00; Hj Musa Hj Jaafar. 1640030 19/04/95 \$100.00; Tang Sun Lee Sdn Bhd. 1640034 19/04/95 \$500.00; Hj Amat Hj Salleh. 1640103 20/04/95 \$100.00; Sykt Perusahaan Mewah. 1640111 22/04/95 \$5,000.00; Hj Ahmad Hj Momin. 1640126 22/04/95 \$100.00; Awg Adnan Hj Md Yahya. 1640138 22/04/95 \$100.00; Pg Hjh Zainab Pg Taha. 1640143 22/04/95 \$100.00; Hjh Patnah Hj Yusof. 1640152 24/04/95 \$100.00; Soo Jee Meng. 1640163 24/04/95 \$100.00; Soo Jee Meng. 1640165 24/04/95 \$100.00; Hjh Habibah Hj Rahman. 1640167 24/04/95 \$100.00; Dvg Hjh Masni Hj Rahman. 1640169 24/04/95 \$100.00; Goh Lian Kiew. 1640206 25/04/95 \$100.00; Hj Osman Hj Lakim. 1640212 25/04/95 \$100.00; Chi Ho Trading & Const Co. 1640254 26/04/95 \$100.00; Goh King Chin. 1640271 27/04/95 \$1,000.00; Abd Rahman Hj Pungut. 1640287 27/04/95 \$100.00; Ho Yapp Mong. 1640291 27/04/95 \$100.00; Saerah Hj Radin. 1640301 27/04/95 \$100.00; Teoh Soon Thook. 1640316 27/04/95 \$100.00; Rakawi Hj Ranez. 1640342 29/04/95 \$100.00; Mohammad bin Mat Serudin. 1640380 01/05/95 \$100.00; Sykt Industri &

Manakala dari segi gubahan, jahitan dan anyaman pula katanya, dinilai dari segi pemilihan warna yang bersesuaian, reka bentuk, kehalusan, kerapian dan ketelitian buatan yang dihasilkan.

Seramai 25 orang hakim berpengalaman diundang bagi menilai kemahiran barang-barang yang dipertandingkan. Di majlis tersebut juga diadakan tunjuk cara membuat kuih tradisi 'Cha-Cha', penyaram dan sesagun dengan harapan dapat dimanfaatkan kepada generasi remaja khususnya bagi mewarisi kemahiran orang-orang tua di negara ini.



ISTERI Pegawai Daerah Belait, Dayang Siti Aisah binti Abdullah menyaksikan hasil kraf tangan yang dipamerkan di peraduan kraf tangan, seni gubahan dan masak-masakan wanita anjuran Persatuan PERTIWI, Kuala Belait (atas). - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

DAYANG Hasmah binti Haji Hamdi bukan hanya bergiat aktif dalam berpersatuan tetapi juga sentiasa mengikuti peraduan kraf tangan, seni gubahan dan masak-masakan yang dianjurkan oleh Persatuan PERTIWI mahupun yang diadakan di kampungnya (kanan). - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



ICT rangsang pembelajaran berkesan

LUMUT, 28 Julai. - Penggunaan Infrastruktur Teknologi Maklumat dan Perhubungan (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran tidak diragui dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru dan dapat merangsang pelajar ke arah pembelajaran yang berkesan.

Justeru itu, kata Pengarah Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan, Dr. Hisham bin Haji Md. Sum, bagi mengimbangi keperluan dan perkembangan terkini, guru wajar memperkembangkan usaha, memperdalam serta menggilap lagi pengetahuan yang tersedia dan terus mereka pengajaran agar lebih kemaskini, kreatif, inovatif melalui reka cipta aktiviti yang berpel-

Oleh Aliddin HM

bagai bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan tidak membosankan.

Berucap di Majlis Penyampaian hadiah Projek Geografi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait tahun 2001 di Sekolah Rendah Sungai Tali, yakin semua aktiviti yang dirancang bagi Projek Akademik Geografi itu berhasil mendedah, membina, menjana dan mengasuh serta memperkukuh sikap para pelajar kepada lebih berkeyakinan diri dan kreatif dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

"Tanpa semangat kental dan padu kerja ber-

pasukan untuk melaksanakan tugas seperti kuiz, kerja projek, bengkel, perkhemahan dan ekspedisi yang dirancang tidak mungkin terlaksana," tambah beliau.

Menurut beliau, kemenangan dan kejayaan yang diraih dalam projek itu akan terus menjadi cabaran dan pendorong kuat kepada guru dan pelajar bagi meningkatkan motivasi dan keyakinan diri untuk terus melaksanakan aktiviti yang lebih mencabar dan menghasilkan kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik-bilik darjah.

Projek Akademik Geografi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait dikendalikan bersama oleh Sekolah Rendah Lumut, Sekolah Rendah Sungai

Liang dan Sekolah Rendah Sungai Tali dan dibiayai sepenuhnya oleh Syarikat Minyak Brunei Shell dengan hasrat memupuk sikap minat pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran geografi.

Seramai 200 pelajar darjah 4, 5 dan 6 serta 40 orang guru rendah atas dari 13 buah sekolah menyertai projek berkenaan dengan melakukan pelbagai aktiviti projek antaranya Peraduan Kuiz Geografi bagi darjah 6, Bengkel Pengajaran Geografi bagi guru-guru yang dikendalikan bersama Fakulti Pendidikan Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkih, Universiti Brunei Darussalam, suai kenal di Taman Rekreasi Sungai Liang, perkhemahan dan pelbagai projek sekolah yang melibatkan pelajar-pelajar darjah 5 dan guru-guru.

Sekolah Rendah Muhammad Alam menjuarai dalam bahagian kuiz dan bahagian kerja-kerja projek - model, Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Mohd. Yusof menjuarai bahagian perkhemahan dan bahagian kerja-kerja projek - 'Scrap book', Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin johan bahagian 'orienteering' dan bahagian bahan-bahan atau model berbentuk pelajaran dan Sekolah Rendah Kuala Belait menjuarai kerja-kerja projek-Peta.

Projek ini bertujuan bagi memberikan peluang kepada para pelajar dan guru berinteraksi, bertukar idea dan fikiran di antara satu sama lain di samping memberikan pendedahan dan pengalaman baru kepada mereka melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan.



Aktiviti ketenteraan dalam cuti sekolah

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 7 Ogos. - Anak-anak tentera Angkatan Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei di musim cuti persekolahan didedahkan dengan pelbagai kerja ketenteraan dalam satu latihan Escape di dalam hutan.

Majlis perasmian latihan itu telah disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Indera Sugara Kolonel Haji Mohd. Yusof di Padang Kawat Bolkih Garrison di sini.

Latihan Escape ini adalah merupakan salah satu aktiviti di musim cuti persekolahan untuk mengisi masa lapang anak-anak mereka dengan kegiatan berfaedah, di samping mendekatkan diri mereka dengan keindahan flora dan fauna.

Lebih 40 orang anak tentera Angkatan Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei menyertai latihan selama empat hari itu yang diadakan di Sungai Macang di Daerah Temburong.

Sepanjang latihan itu, mereka diawasi oleh beberapa orang pegawai yang mengendalikan aktiviti-aktiviti harian, di samping memastikan keselamatan mereka dijaga dengan rapi.

Dalam latihan itu, mereka didedahkan dengan penggunaan senjata-senjata ringan, tipu helah dalam hutan, pentadbiran, pertolongan cemas, sukan di dalam hutan dan daya kepimpinan.

PENGARAH Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan, Dr. Hisham bin Haji Md. Sum (tengah) menyaksikan pameran selurus menyampaikan hadiah Projek Geografi Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait. - Gambar ihsan Hjh. Saemah HZ.



ROMBONGAN penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan bergambar kenangan bersama Penghulu Mukim Berakas 'B'. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Program Penggayaan tingkatkan minda penuntut

Oleh Abdullah Asgar

JALAN TUTONG, 2 Ogos. - Program Penggayaan bagi penuntut-penuntut terbaik sekolah-sekolah rendah Brunei dan Muara yang membabitkan darjah empat dan lima telah berjaya menambah kepin-taran minda para peserta walaupun ia merupakan satu 'Projek Pilot Unit Pendidikan Khas (UPK)' Kementerian Pendidikan.

Program yang mengambil masa lapan minggu itu memusatkan pendedahan pada penghasilan kreatif kanak-kanak dan mengadakan lawatan luar sebagai kegiatan luar darjah yang bertujuan memberikan pelajaran tambahan dan akademik yang lebih mencabar kepada mereka.

Menurut Dayang Hajah Zaiton binti Haji Damit dari UPK, program yang terus menampakkan perkembangan itu melibatkan 24 orang guru dari pelbagai jurusan dari 10 buah sekolah berasingan. Mereka diberi kepercayaan untuk membimbing dan mengajar kanak-kanak tersebut.

Tujuh belas orang pelajar darjah lima dan 20 orang pelajar darjah empat itu terpilih bagi mengikuti program yang diadakan setiap hari Khamis, di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassan Bolkih di sini.

Semasa menghadiri program itu sebanyak 10 mata pelajaran akan diajar termasuk public speaking, Dikir Dabaie dan menghafal Al-Quran.

Program tersebut telah diadakan hampir tiga tahun, masa yang diberikan lapan minggu itu tidak mencukupi disebabkan minat yang terus bertambah di kalangan pelajar-pelajar yang mengikutinya.

Menurut beliau, dalam program yang akan datang tempoh pengajian bagi program itu mungkin dipanjangkan demi menghasilkan perkembangan yang sangat positif.



ROMBONGAN penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan mendengar penerangan Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apong mengenai sebahagian koleksi peribadi beliau. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Lawatan sambil belajar penuntut MPUSBS

Oleh Aliddin HM

BERAKAS, 2 Ogos. - Serombongan 25 orang penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan, melawat sambil belajar ke rumah Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh Pengiran Haji Ghani bin Pengiran Tengah itu telah dialu-alukan oleh Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Ismail bin Apong yang kemudian telah memberikan penerangan mengenai Mukim Berakas 'B' yang mempunyai 12 buah kampung dan diawasi oleh sembilan orang ketua kampung.

Menurut beliau, dalam tahun ini, Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B' membuat perancangan bagi mengadakan lawatan ke sekolah rendah dan agama serta ke rumah-rumah ketua kampung di Daerah Brunei dan Muara bagi meninjau perkembangan di kampung-kampung berkenaan.

Para penuntut maktab itu juga berkesempatan menyaksikan koleksi peribadi Awang Haji Ismail yang meliputi peralatan sukan, seperti kemeja 'T', topi, lencana dan pas.

Awang Haji Ismail mula berminat mengumpulkan barang-barang koleksinya itu pada tahun 1970.

“DIANA, tempat kakak bekerja sekarang ni ada jawatan kosong. Lagipun bos kakak suruh carikan. Jadi kakak fikir Diana yang paling layak memegang jawatan tu.”

Bukan sekali itu sahaja Suhana menyuarakan, setiap kali ada jawatan kosong di pejabatnya. Suhana betul-betul mengharapkan pengertian dari rakan serumahnya yang telah dianggapnya sebagai seorang adik.

Lagipun ia kasihan melihat diri Diana. Makannya kadang-kadang tak menentu. Ia pun tahu akan perangai Diana. Kalau kerjanya belum selesai, Diana lupa akan waktu makan. Diana cuma akan memakan keropok macam budak-budak. Minum air ataupun oren campur. Sepanjang itulah ia berhadapan dengan komputer. Otaknya terus berfikir. Suhana selalu menggeleng kepala melihat sikap Diana.

Diana memang rajin berusaha. Ia tidak pernah merungut walaupun keletihan. Ia seorang yang penyabar. Suhana memang mengaguminya. Tetapi yang kurang menyenangkan dan membimbangkan hati Suhana, Diana sanggup berpuasa demi menyelesaikan kerjanya.

“Diana mahu menjadi seorang wartawan yang baik. Itulah Diana tak nak tangguhkan kerja Diana, kak. Bos Diana pun taklah complen Diana. Macam seorang kawan Diana. Bos selalu complen kerja dia. Bos kata dia cuai betul! Itulah yang tak sedap telinga mendengar.”

Suatu hari Diana berterus terang. Iapun menghargai akan keperhatian Suhana. Ia tahu Suhana risau akan makan dan minunya tak menentu.

“Akak bukan nak halang cita-cita Diana. Tapi kerja tu biarlah berpututan. Kerja, kerja juga tapi kesihatan diri lebih penting. Kalau Diana tak pentingkan kesihatan diri, gejala penyakit akan timbul. Kalau sakit tentulah kerja kita terbantut.”

Suhana mengingatkan apa yang Diana terlupa. Kepala Diana tiba-tiba terangguk-angguk. Menyatakan segala kata-kata Suhana itu betul.

“Macam doktor pula kakak ya...”

Diana berseloroh.

“Kalau tak doktor pangkat rendah ini mengingatkan, mana mungkin wartawan kita ini sedar. Dia akan terus merasakan dirinya sihat tanpa sakit...”

Suhana mencubit pipi montok Diana dengan kasih sayang.

Diana semakin nampak manja.

“Ha, Diana dah dapat idea!”

Diana bangkit dari duduk dan terus menghadap komputernya kembali. Ia mulai mengetuk. Suhana mengeleng-geleng kepala lagi. Apa yang telah di dengari oleh Diana sebentar tadi sudah pun keluar ke telinga kiri. Tetapi Suhana tidak akan berputus asa mengingati dan menasihati Diana. Lagipun orang tua Diana mengamanatkannya untuk menjaga Diana macam adik sendiri.

Suhana masih ingat pesanan orang tua Diana kepadanya. Waktu itu Suhana bermalam beberapa hari ketika cuti. Keluarga Diana memang orang berada. Tetapi Diana tidak pun mengambil kesempatan di atas kekayaan orang tuanya. Diana lebih suka berdikari. Ia mempunyai wawasan dan berkeyakinan. Suhana cukup mengagumi Diana.

“Mak cik tak nak halang apa yang Diana suka buat. Dari kecil ia nampak tegas dan keras hati. Makcik tahu Diana tahu menilai baik dan buruk apa yang dilakukannya.”

Ibu Diana tetap memerhatikan anaknya yang masih berenang di kolam. Ia bangga mempunyai anak seperti Diana. Kasih dan sayangnya diibaratkan bunga di taman yang setiap hari disirami air. Sentiasa dibaja agar nampak subur dan dapat mencantikan lagi pandangan.

“Mak cik memang bertuah kerana mempunyai anak macam Diana. Diana memang kuat berusaha.”

Suhana turut memuji akan kebaikan Diana.

“Mak cik harap Suhana sudi-sudilah menegur anak Mak cik. Maklumlah ia belum matang lagi.”

Ibu Diana nampak mengharap.

“Saya dah anggap Diana macam adik saya sendiri, mak cik.” Suhana seakan memberi jaminan pada



RINTIHAN IBU TUNGGAL

CERPEN

DIANA memang rajin berusaha. Ia tidak pernah merungut walaupun keletihan. Ia seorang yang penyabar. Suhana memang mengaguminya. Tetapi yang kurang menyenangkan dan membimbangkan hati Suhana, Diana sanggup berpuasa demi menyelesaikan kerjanya.

orang tua itu. Bibir tua itu mula menguntum. Dan seketika itu ia meminta diri sebentar. Ia mencapai tuala, lalu mendapatkan anaknya yang sudah naik ke tebing kolam.

Di kejauhan, Suhana melihat akan kemesraan dua beranak itu. Mereka memang sehati sejiwa.

“Mak, walau apa pun keadaannya emak tidak sepatutnya menyerahkan adik kepada orang lain, mak!” Suhana mulai bertekak dengan ibunya.

“Emak terpaksa, Suhana...” Ibunya seakan mengharapkan pengertian Suhana. Ia meng-

OLEH ENNY ENG. S

harap agar Suhana menerima kenyataan itu.

“Emak tidak berpendirian langsung! Emak tidak bertanggungjawab!” Itulah bantahan Suhana yang kurang senang dengan keputusan yang telah diambil oleh ibunya lewat dua puluh satu tahun lalu.

“Suhana, kau jangan sangka emak sekejap itu. Emak pun sayangkan adikmu. Tetapi kita miskin, segala-galanya. Adikmu sering sakit-sakit. Dan kita tidak mampu apa-apa. Mujur-

lah majikan ayah kau mengambil adikmu sebagai anak, dengan kekayaan mereka, adikmu mungkin dapat diselamatkan.” Air mata seorang ibu mengalir mengenangkan kisah silam.

“Kerana kemiskinan kita, emak sanggup menjual anak!” Suhana tetap membantah keras lantaran kisah silam itu.

Tiba-tiba pipi Suhana terasa sakit. Lantaran kelancangan mulutnya bersuara, ibunya menepelengnya. Tanpa ia mengetahui derita hati seorang ibu.

Lihat muka 13

PUISI

KESIMPULAN KATA-KATA

Sikap tuduh-menuduh sesama keluarga diri dan hipotesis tuduhan mengikat setedap mulut jangan membuat kesimpulan sesedap hati jangan tunduk pada daun yang masih hijau kematangan bukan diukur pada umur tapi pada pemikiran yang terarah dan bisa mendodol daun-daun yang masih hijau dikut, dimekka bersama bukan mengajak pada daun buruk dan kering yang akan hancur dan pumah.

DIDIKAN MULIA

Ajarikan anak-anak kita dengan didikan mulia berbuat ihsan dan jujur susah dirasa cuma dengan niat suci pada luhur untuk menjadikan mereka anak salih berbuat kasih sama rata tidak berbeza sesama mereka kelak nanti mereka tahu mengata yang kita berbeza kasih dan sayang mereka hanya dian tak mahu nanti dikatakan iri hati dan kita hanya dapat membantu mana yang patut soal derhaka tidak timbul kerana anak-anak tahu menilai jasa mereka salam berjabat sudah diberi namun kesedaran belum menghampiri kita pohon didikan mulia itu berpanjangan.

SUNGAJ

Terdapat dua persimpangan kanan, kiri dan pertengahan pemikiran menentukan pengalaman dimanfaatkan pendidikan digunakan inilah perkara untuk memilih jalan persimpangan itu.

Tersalah pilih susah jadinya sesal tidak berguna kerana kata-kata sekejap boleh merosak persaudaraan ketulusan kita sekumpulan tak ada yang mengotakannya persimpangan itu sudah membawa perbe-lahan pintar bercakap tapi tak dikotakan tak guna jadi orang pertama jika dimamah oleh saudara-saudara yang mahu menang demi kepentingan diri dan menjatuhkan saudara yang lain dan akhirnya biar sungai ini mengalir mengikut arus dan alirannya sendiri.

Nonim HT.

BUAT INSAN YANG KUIGATI

As. . . Terlalu singkat masa yang berlaku bagi semuanya hanya khayalan aku kini kembali sendirian. . .

As. . . Terlalu banyak pahit manis bersamamu pelbagai fitnah dan angkara ditaburkan kita tangkis segalanya dengan kesabaran dengan fikiran yang waras. . .

As. . . Terlalu indah bertemu dengannya sehingga hati terkunci dan melarang untuk aku menghiris hatinya walau hanya sejentik manapun. . .
As. . . Adakah ini hanya satu permainan

ataupun satu lakonan di mata teman-teman dan kau menang manakala aku sebaliknya. . .

As. . . Kita seolah telah mendapat restu hanya untuk menjaga dengan sebaiknya agar apa yang diimpikan akan tercapai tapi rupanya aku sahaja yang mengharapkannya tepuk sebelah tangan takkan berbunyi. . .

As. . . Rupanya tanpa kata nista semuanya boleh hancur jua ini semua hanya dengan keputeraan dan keegoan sesama kita. . .

As. . . Aku mengaku yang aku jua ego pada kelalainku mendampingi kamu hanya ingin disayangi tapi bukan untuk menyayangi. . .

As. . . Aku ego dengan kesilapanku kerana rela menjadi pelayarmu melayarkan bahtera seperti yang kau impikan tapi rupanya kau hanya membiarkanku tinbul dan tenggelam di lautan bergelora bila kusedari rupanya kita tak selayar. . .

As. . . Biarpun semua telah berlaku biarpun persahabatan yang kau pinta biarpun untuk kedamaian tapi hati terluka ini akan menghukumku andainya kuterima. . . Biar ianya sembuh dulu kerana bila sudah tenang akan cerialah hati untuk membina sebuah pertalian itupun kalau kau masih memerlukan. . .

As. . . Untuk segalanya ini. . . Ingatlah persahabatan dulu kupinta adalah untuk selamanya bukan seketika. Tapi bagiku untuk bercinta. . . tidak lagi. . . yang patah tak akan kutunggu tumbuh kembali biarlah kumenicari benih yang sempurna.

Adytiajaya

PERMATA

Permata..... pancaran cahaya sinaran menyinari kehidupan kekudusan ini.

Cahayanya, kesucian dan kemurnian terpancar menerangi kegelapan hidup ini.

Pancaran cahayanya, permata menyinari kehidupan yang sebenar.

Sinaran cahayanya, kehidupan amat bererti hadirnya permata ini.

Hilangnya, permata kehidupan bersinar kembali kekudusan.

Iza.

Dari muka 12

Hey, jauhnya lamunan akak ni... ha, tentulah ingatkan boyfriend." Diana mula mengusik.

"Ha, dah mulalah itu. Kakak mana ada boyfriend..."

Suhana nampak ter-sipu.

"Alah, tak ada boy konon. Tu, ha...apa..." Diana semacam memaksa Suhana mengaku.

"Yang, ni... itu bukan boy akak, kawan biasa saja." Suhana memandangkan gambar yang dimaksudkan oleh Diana.

"Dari pandangan yang amat mendalam akak Diana merasa akak akan jatuh cinta padanya..."

Diana tergelak habis.

"Diana..."

Suhana mulai geram. Apa lagi mereka macam budak-budak. Main kejar-kejar. Baling-baling bantal. Rumah sewa seketika berselerakan. Dah puas kejar-kejar dan baling-baling bantal, mereka mula mengemas. Nampak seronok dengan kelakar dibuat.

Keesokan harinya mereka ke pejabat masing-masing. Tengah hari pula Suhana telefon untuk mengajak makan bersama. Tetapi Diana sering menolak. Katanya sibuk dan macam-macam. Suhana tahu Diana memang begitu. Terkadang Suhana akan ke pejabat Diana. Menghantar nasi ayam, kuih dan minuman. Suhana memastikan Diana makan. Diana terpaksa akur takut Suhana jauh hati. Lepas itu Suhana kembali ke pejabatnya dengan senang hati.

"Kau tak penatkah asyik keluar mencari bahan, lepas tu kena memeras otak menyusun ayat yang sesuai. Kalau akak dah pusing kepala agaknya." Suhana mula korek kejayaan Diana sebagai seorang wartawan.

"Menjadi wartawan ni seronok bagi Diana, kak. Penat dan semua ini bukan penghalang

dan tak melemahkan semangat Diana. Diana bangga kerana memilih wartawan sebagai karier. Setiap kali Diana melangkah, Diana dapat mempelajari dan menghayati apa-apa yang telah Diana lihat. Misalnya, isteri kehilangan suami. Anak-anak kehilangan ibu bapa. Bila mendengar akan rintihan mereka, Diana rasakan kita saling memer-lukan."

Kepala Suhana terangguk-angguk. Tiba-tiba ia teringatkan ibunya. Sejak peristiwa bertekak dan tangan ibunya hinggap ke pipinya, Suhana bagai putus hubungan. Ia bagai masih menaruh dendam! Hatinya cukup sakit bila terkenangkan keputusan ibunya menyerahkan adiknya kepada orang lain. Walaupun dua puluh satu tahun dulu ia masih kecil, tetapi kasih sayangnya terhadap seorang adik cukup bererti. Tangisanannya tidak dihiraukan oleh ibunya. Maka sesudah dewasa, Suhana tetap menyalahkan ibunya. Ia sanggup bertekak dengan ibunya demi sebuah perasaan.

"Terima kasih atas tamparan ini, mak." Itulah kata-kata terakhir yang terucap ketika Suhana melangkah pergi. Ibunya tidak dapat menahan kedegilan Suhana.

"Kak, beberapa tahun ni akak tak pernah ambil cuti balik kampung. Akak tak rindukah dengan orang tua?" Tiba-tiba Diana mengubah



topik bicara. Suhana jadi tersentak. "Tak ada siapa-siapa yang nak akak rindukan, Diana..." Suhana berupaya merahsiakan keperitan hatinya.

"Kak, besok akak jangan cari-cari Diana. Diana nak mengembara."

"Mengembara?" Suhana nampak terkejut.

"Dalam negara kita sajalah. Bukan jauh..."

"Kau ni asik buat akak suspenslah..." rungut Suhana, nampak lega.

Keesokan harinya Diana ke destinasi. Setibanya di sebuah kampung, di kedai runcit ia bertemu dengan seorang tua. Perempuan tua itu menawarkan pengalaman hidupnya untuk ditulis oleh Diana, setelah Diana memberitahu ia sebagai wartawan.

RINTIHAN IBU TUNGGAL. Baris demi baris rintihan ibu tunggal itu dihayati oleh Suhana. Tanpa dibantah

air matanya tumpah.

"Apa pasal pula akak menangis tanpa sebab ni? Ooh, pasal rintihan ibu tunggal itu... Memang kasihan ibu tu, kan. Anak dia tak memberi kesempatan untuk dia terangkan sebab dan penyebab kenapa dia serahkan anaknya pada orang lain." Diana memberi pendapatnya. Tiba-tiba esakan Suhana jelas kedengaran. Diana sedikit terkejut.

"Terima kasih, Diana... Kerana tugasmu sebagai wartawan, ia telah membuktikan kebenaran emak selama ini. Mak, maafkan Suhana, mak..."

"Jadi, ibu tunggal tu emak akak..." Tiba-tiba daun pintu diketuk orang. Setelah terkuak....

"Emakayah..."

"Diana mari cepat kita pergi ke rumah ibu tunggal yang kau tulis dalam akhbar hari ni." Diana dan Suhana berpandangan. Tanpa membantah Diana menurut, Suhana juga. Ia pun ingin memohon maaf dari ibunya.

Sesampai sahaja, ibu Diana memeluk ibu tua itu. Lalu menceritakan segala-segalanya. Rupanya mereka pernah mencari ibu tua itu setelah Diana sihat dari pembedahan. Dan ibu tua itu pula mula berpindah kerana tak tahan hati dengan perpisahan itu. Tiba-tiba Suhana melutut di hadapan ibunya memohon maaf.

"Mak..." Diana terus memeluk ibu tunggal yang sebenarnya adalah ibu kandungannya.

SESAMPAI sahaja, ibu Diana memeluk ibu tua itu. Lalu menceritakan segala-segalanya. Rupanya mereka pernah mencari ibu tua itu setelah Diana sihat dari pembedahan. Dan ibu tua itu pula mula berpindah kerana tak tahan hati dengan perpisahan itu. Tiba-tiba Suhana melutut di hadapan ibunya memohon maaf.



سنتیاس برسام بیستیت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تیلبییشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIRAK RTB berbak
memukar mana-mana
jua rancangan

RABU 29 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 'Pahang F.C. lwn Song Lam Nghe An'
5.15	JUARA
5.45	BERITA
6.00	ANIMATION: STATIC SHOCK!
6.28	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	SIHAT CERGAS - Ulangan
7.38	AZAN ISYAK
7.48	SIHAT CERGAS - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.20	TEKAD
9.05	DRAMA CO-PRODUCTION: TITIK CAHAYA
9.45	RENTAK - 'Masyarakat Melayu Kedayan - Daerah Temburong'
10.00	NEWS AT 10
10.30	RENTAK - Sambungan
10.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'D.P.M.M F.C lwn Bec-Tero Sasana'
12.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 30 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: Blinky Bill

4.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001 - 'Selangor F.C lwn Happy Valley A.A'
5.45	BERITA
6.00	JYM AND JAM
6.28	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	SURAH YAASSIIN
7.25	GEMA ISLAM
7.38	AZAN ISYAK
7.45	GEMA ISLAM - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA - 'Takana Juo Kampung'
11.00	WAYANG PILIHAN - 'Fallen'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 31 OGOS

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	FUN TIME
11.30	BERITA
11.40	JEJAK RASUL SIRI 5 - Ulangan
12.15	DISCOVER ISLAM: DR. ZAKIR NAIK
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN ANTARABANGSA DINA-MIK - Siaran Langsung
2.30	TAYANG GAMBAR - 'The Challengers'
3.00	AZAN ASAR
3.30	TAYANG GAMBAR - Sambungan
4.40	ANIMATION HOUR: VOLTRON DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA
5.45	BERITA
5.55	AT TAHZIB
6.05	UNEARTHED
6.28	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	WANITA
7.37	AZAN ISYAK
7.43	WANITA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA RTB: MENITI BENANG SUTERA

9.30	TECHNOLOGY WORLD
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDRAMA - 'Bukan Kerana Kereta'
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 1 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR: FANTAGHIRO MIKE, LU & OG
11.00	JAWS AND CLAWS
11.30	BERITA
11.40	DRAMA CO PRODUCTION: 'Sekali Air Bah' - Ulangan
12.10	FILLER
12.22	AZAN ZUHUR
12.35	DOKUMENTARI: IDENTITI - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'The Long Road Home'
2.40	TINJAUAN - Ulangan
3.10	PETER BENCHLEY'S AMAZON
3.29	AZAN ASAR
3.40	PETER BENCHLEY'S AMAZON - Sambungan
4.00	RESCUE INTERNATIONAL - 'Facing The Fire'
4.45	ANIMATION HOUR: GROUNDLING MARSH/ POWERPUFF GIRLS
5.45	BERITA
6.00	DRAMA RTB: OPIS - Ulangan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.45	LENTERA

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	GOOD MEDICINE
7.37	AZAN ISYAK
7.43	GOOD MEDICINE - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	VARIASENI
9.40	FILLER
10.00	NEWS AT 10
10.30	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVATATIONAL CUP 2001
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 2 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI -

10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.10	LET'S READ - Siri Baru
11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'Little Marines'
12.22	AZAN ZUHUR
12.28	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.30	ENGLISH PREMIER LEAGUE - PREVIEW
2.00	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002
2.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001
3.28	AZAN ASAR
4.05	PERTANDINGAN BAHAS SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB PERINGKAT NEGARA 2001 - Bahasa Inggeris - Separuh Akhir Pertama
4.45	FILLER
5.00	SUKAN SEA KE 21- BOLA SEPAK - 'Malaysia lwn Negara Brunei Darussalam'
5.45	BERITA
5.55	SUKAN SEA KE 21 - Sambungan
6.27	AZAN MAGHRIB
6.33	SUKAN SEA KE 21 - Sambungan

MALAM

7.00	SEJUTA MAKNA SIRI 3
7.36	AZAN ISYAK
7.42	SEJUTA MAKNA - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Nusrah'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	STINGERS - 'Ratch Chers'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 3 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION: C.O.P.S./SUPER MARIO
5.00	WORLD IV FILLER

5.15	SUKAN GLOBAL
5.45	BERITA
6.00	OUR PLANET
6.26	AZAN MAGHRIB
6.37	OUR PLANET - Sambungan
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL
7.36	AZAN ISYAK
7.45	ASBABUN NUZUL - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: - MANIS BERPESAN
9.30	TELESKOP
10.00	NEWS AT 10
10.30	TEKAD - Ulangan
10.45	VISIT BRUNEI LEAGUE CHAMPIONS INVITATIONAL CUP 2001
11.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 4 SEPTEMBER

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	AL-QURAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	AL-QURAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: WISHKID/YOCKIES
5.00	THE END OF EDEN
5.45	BERITA
5.55	THE END OF EDEN - Sambungan
6.00	DRAMA CO PRODUCTION: Ugang Galah Limau Manis - Ulangan
6.26	AZAN MAGHRIB
6.35	DRAMA CO PRODUCTION - Sambungan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	MY BEST FRIEND IS AN ALIEN - 'The Haunting Of Blim Blomkins'
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN: SELAGI DAYA
7.35	AZAN ISYAK
7.48	DOKUMENTARI TEMPATAN - Sambungan
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	SIARAN LANGSUNG BOLA SEPAK - 'Brunei Darussalam lwn Vietnam'
10.00	NEWS AT 10
10.30	BOLA SEPAK - Sambungan
11.00	ROSWELL - 'Heat Wave'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyerahkan derma yang berupa barang-barang keperluan seperti makanan dan minuman kepada seorang penduduk Kampong Sungai Panga. - Gambar oleh Pg. Refee PDPHM.

Mangsa kebakaran terima sumbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Ogos. - Penduduk Kampong Sungai Panga yang mendapat musibah kebakaran pada 11 Ogos yang lalu, menerima sumbangan derma dari Unit Hal Ehwal Masyarakat yang berlangsung di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampong Sungai Kebun di sini.

Penyampaian derma yang berupa barang-barang keperluan seperti makanan dan minuman telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka

Oleh Abu Bakar HAR

(Dr.) Haji Awang Hussain.

Seramai 198 orang penduduk terdiri daripada 37 keluarga telah kehilangan tempat berteduh apabila 13 buah rumah milik mereka ranap dijilat api, di samping merosakkan empat buah rumah yang lain.

Mangsa-mangsa yang terlibat dalam tragedi tersebut buat ketika ini menumpang tinggal bersama dengan keluarga yang terdekat.

Lebih 230 sertai Peraduan Kanak-kanak Sihat Daerah Belait

KUALA BELAIT, 27 Julai. - Seramai lebih 230 kanak-kanak damit Daerah Belait menyertai Peraduan Kanak-kanak Sihat tahun ini sebagai salah satu aktiviti tahunan Pertubuhan Perkumpulan Wanita (WI) Daerah Belait bagi menyemarakkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Bandaran di sini.

Peraduan itu yang dibahagikan kepada empat kategori, kanak-kanak damit berumur empat hingga lapan bulan; lapan hingga 12 bulan; 12 hingga 18 bulan; dan 18 hingga 24 bulan, mula dikelolakan dalam tahun 80-an.

Isteri Penolong Pegawai Daerah Belait, Dayang Hajah Kasma binti Haji Mohiddin menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Dalam kategori kanak-kanak berumur empat hingga lapan bulan, johan, Abdul Marteen Fariz Smerman Kelly; naib johan, Dk. Nur Qayyina Pg. Haji Kamaluddin dan tempat ketiga, Ak. Muhd. Khairul Idzlan Pg. Rostan.

Kategori kanak-kanak berumur lapan hingga 12 bulan, johan, Muhammad Amir Akhtar bin Malik; naib johan, Nurasyura binti Muhd. Ehsan dan tempat ketiga, Muhammad Faiz bin Muhammad Kasul Arifin. Manakala kategori 12 hingga 18 bulan, johan, Muhammad Hafizul Zini; naib johan, Nur Mira Asqina Abd. Muqaddim Tan dan tempat ketiga, Muhammad Hairulnizam bin Asnol

Fadilah.

Kategori 18 hingga 24 bulan dijuarai oleh Jariah binti Sahari; naib johan, Mohd. Amirul Yusrey bin Mohd. Norshandy dan tempat ketiga, Muhammad Dinie Wafiuddin bin Wayudi. Dayang Julaina binti Mohd. Ariffin dan Dayang Aminah binti Omar yang melahirkan anak mereka 15 Julainya juga menerima hadiah.

Pengerusi peraduan, Dayang Hajah Halimah binti Abd. Latif menerangkan, Pertubuhan WI tetap meneruskan peraduan berkenaan selagi mendapat sambutan orang ramai terutama ibu-ibu yang ingin mengetahui tahap penjagaan anak-anak mereka berkesan dan menepati sasaran kesihatan.

Beliau berharap melalui projek berkenaan, hasrat dan usaha kerajaan bagi mem-

Oleh
Dk. Hjh Saidah
PHOA

bentuk bangsa Brunei yang sihat, cergas dan dinamik di masa hadapan akan memberi inspirasi dan dorongan orang ramai supaya peka tentang penjagaan kesihatan kanak-kanak.

"Dengan mengambil berat tentang kesihatan kanak-kanak, kita juga berperanan dalam memberi sumbangan ke arah melahirkan generasi yang sihat, selamat dan berwawasan," jelas beliau.

Peraduan itu bertujuan menonjolkan sikap positif di kalangan ibu-ibu di dalam penjagaan kesihatan anak-anak mereka. Antaranya digalakkan menggunakan segala kemudahan kesihatan dan perubatan yang disediakan oleh kerajaan melalui

Klinik-klinik Kesihatan Kanak-kanak dan ibu-ibu Mengandung dan menambah minat para ibu dalam penjagaan kanak-kanak menurut cara yang betul termasuk pemberian penyusuan susu ibu.

Menyentuh mengenai penyusuan susu ibu, Dayang Hajah Halimah berkata, Pertubuhan WI sentiasa mengikuti perkembangan dan memberikan kerjasama kepada pihak-pihak berkenaan dalam menjaga kesihatan kanak-kanak dengan menggalakkan ibu-ibu mengamalkan pemberian susu ibu kepada kanak-kanak damit dari sejak lahir hingga berumur dua tahun.

"Susu ibu adalah yang terbaik untuk anak damit. Oleh yang demikian peraduan ini memberi keutamaan kepada kanak-kanak yang membesar dan sihat melalui susu ibu," tambah beliau.



DAYANG Hajah Kasma binti Haji Mohiddin, Isteri Penolong Pegawai Daerah Belait menyampaikan hadiah kepada johan Peraduan Kanak-kanak Sihat dalam kategori kanak-kanak berumur lapan hingga 12 bulan, Muhammad Amir Akhtar bin Malik. - Gambar ihsan See Hua Daily News.

PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.

1. Jabatan manakah yang menerima kunjungan serombongan pelajar darjah enam dari Sekolah Rendah Labu Estate, Daerah Temburong yang mengadakan aktiviti selepas menghadapi peperiksaan (PCE) pada 3 Oktober, 2000?

- a). Jabatan Penerangan
- b). Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka
- c). Jabatan Telekom

2. Bilakah tarikh mesyuarat pertama pusat pengajian dan penyebaran Al-Quran MABIMS di Pusat Da'wah Islamiyah yang telah dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama?

- a). 18 Oktober, 2000
- b). 20 Oktober, 2000
- c). 24 Oktober, 2000

3. Apakah tajuk Suara Dari Mimbar keluaran PELITA BRUNEI pada 8 Oktober, 2000?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

Alai Pintar

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihidkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 8 Ogos, 2001.
1. B 2. P. Penerima Teladan Bangsa 3. B.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN PELITA BRUNEI 8 OGOS, 2001.

AZIZAH BINTI HAJI EDRIS,
NO. 135L, KAMPONG PERAMU,
BANDAR SERI BEGAWAN B 1125,
UMUR : 14 TAHUN
MAKTAB SAINS PADUKA
SERI BEGAWAN SULTAN.

MOHD NAZIRUL HAZWAN BIN JUNEJ,
NO. 210 JALAN KOTA BATU,
KAMPONG PINTU MALIM,
BD 1317,
UMUR : 8 TAHUN
SEKOLAH RENDAH MABOHAL.

MAIZAN BINTI METASSIM,
NO. 28, JALAN 3, SIMPANG 159,
KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN,
BC2915,
UMUR : 6 TAHUN
SEKOLAH TUNAS JAYA PGGMB, MADANG.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 489

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 489,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

ASMDB berjaya tawan Gunung Kinabalu

GADONG, 11 Ogos. - Rombongan ekspedisi berbasikal 'Satria Mencapai Awan' Anggota Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) dari Negara Brunei Darussalam menuju ke Kota Kinabalu, Sabah mencapai matlamat yang dihasratkan.

Kejayaan yang dicipta selama 11 hari itu dengan mendaki Gunung Kinabalu dengan ketinggian 13 ribu kaki dari paras laut berjaya ditawan oleh 36 orang anggota ASMDB dengan membawa lima buah basikal bersama yang diketuai oleh Pegawai Pemerintah ASMDB, Lef-tenan Kolonel Haji Awang Mohd. Said bin Haji Saidin.

Pegawai Pemerintah ASMDB ketika ditemu bual oleh pihak PELITA BRUNEI berkata, kejayaan yang dicapai oleh anggota ASMDB dengan menawan Gunung Kinabalu adalah merupakan kejayaan yang sangat besar dan bermakna, kerana jelasnya, kejayaan sedemikian jarang diperolehi oleh semua orang tanpa semangat yang kuat dan keyakinan.

Awang Haji Mohd. Said menjelaskan, laluan yang dijalani dan pengalaman yang dirasakan, di mana rombongan ekspedisi sejumlah 75 orang bertolak daripada Kem Rimba Gadong, ASMDB menuju ke pangkalan Angkatan

Oleh Haji Ahmad HS

Tentera Laut Diraja Brunei dengan feri menuju ke Pekan Bangar.

Daripada Pekan Bangar, rombongan menggunakan basikal bertolak meneruskan perjalanan ke Terusan, dan menuju ke Lawas, di sana mereka telah menghadapi cuaca kurang baik iaitu hujan turun dengan lebatnya dan disertai ribut petir, alhamdulillah, basikal-basikal yang digunakan oleh ahli ekspedisi adalah tahan pukul yang tidak terganggu dengan cuaca tersebut.

"Kami sampai ke Merapok iaitu sempadan Sarawak dan Sabah. Kemudian keesokan harinya, iaitu kira-kira lapan pagi kami bertolak dari Lawas menuju ke sempadan Sindumin jauhnya kira-kira 20 kilometer dan melalui jalan Sipitang dan berehat serta bermalam di Beaufort," jelasnya.

"Dalam perjalanan ke Papar, rombongan ekspedisi telah diiringi oleh Pasukan Polis Laluan Malaysia, dan sebelah petang kami sampai ke Kota Kinabalu dan bermalam di sana. Sepanjang perjalanan yang dilalui kebanyakan rombongan ekspedisi mengalami beberapa kekejangan otot," jelasnya.

Katanya, pada 6 Ogos, mereka telah berada di kaki Gunung Kinabalu untuk bersedia mendaki gunung yang memakan masa kira-kira dua hari mengikut ketinggian yang telah ditetapkan ketika mendaki.

Dari seramai 50 orang ekspedisi tersebut, hanya 36 orang berjaya mencapai puncak Gunung Kinabalu dengan membawa lima buah basikal bersama. Ini adalah disebabkan jelasnya, kebanyakan rombongan mengalami kekejangan otot

dan keletihan, terpaksa berehat di Raban-tata di ketinggian 11 ribu kaki dan alhamdulillah tiga perempat jumlah rombongan berjaya menawan puncak gunung berkenaan.

Beliau menjelaskan salah sebuah basikal yang telah berjaya dibawa naik ke puncak gunung tersebut ialah jenis Aggressor 1.0 berwarna kuning, hitam dan putih yang akan disumbangkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-55 tahun.

Menurutnya, matlamat besar ekspedisi itu ialah bagi meningkatkan prestasi keyakinan dan jati diri kepada ahli-ahli ASMDB dan juga merupakan satu peluang bagi mendapat pengalaman kepada mereka yang belum pernah berbasikal jauh dan mendaki Gunung Kinabalu.

"Kerana kalau kita lihat dari segi cabaran yang ditempuhi adalah satu perkara yang bukan mudah selain menghadapi ujian ini dengan cara semangat yang waja dan penuh keyakinan. Jika mereka tidak mempunyai semangat demikian mereka tidak boleh sampai ke puncak gunung dengan hanya menggunakan basikal. Cara ini juga memberi semangat dan pengalaman kepada mereka yang kurang aktif dalam sukan," tegasnya.

Majlis menyambut ketibaan rombongan ekspedisi telah diadakan di Kem ASMDB di Rimba oleh ahli-ahli serta keluarga dan ibu bapa ASMDB. Sejurus ketibaan rombongan, sebanyak tiga kali Allahu Akbar dilaungkan dan majlis seterusnya diikuti dengan doa selamat.

Di majlis itu, Pegawai ASMDB telah menerima sumbangan berupa cek bernilai \$2,000 dan makanan pizza yang disumbangkan oleh Pizza Hut.



ROMBONGAN ekspedisi berbasikal Anggota Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB) berjaya mendaki Gunung Kinabalu dengan ketinggian 13,000 kaki dari paras laut. Ekspedisi itu diketuai oleh Pegawai Pemerintah ASMDB, Lef-tenan Kolonel Haji Awang Mohd. Said bin Haji Saidin. - Gambar ihsan ASMDB.

PESTA KARANGAN MENDAPAT SAMBUTAN

BANGAR, 5 Ogos. - Pesta Karangan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-55 Tahun bagi Daerah Temburong mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para penduduk di daerah ini.

Sejak awal lagi ribuan orang ramai sudah datang bagi menyaksikan dan untuk ikut serta dalam acara-acara yang akan dipertandingkan.

Pesta sehari suntuk itu diadakan di Taman Rekreasi Batang Duri yang melibatkan acara-acara sukan ria yang memuatkan acara bagi kanak-kanak, orang dewasa, mukim dan kampung, jabatan-jabatan kerajaan, terbuka kepada orang ramai dan acara bagi ahli jawatankuasa.

Pesta Karangan itu sudah lama tidak diadakan dan digantikan dengan pesta perayaan dan hanya pada tahun ini ianya mula diadakan.

Lebih 40 acara telah disusun yang meliputi pertandingan sukan, permainan, hiburan dan dibukakan kepada orang-orang kenamaan, pelancong, para penghulu serta ketua kampung dan ketua rumah

Oleh Aliddin HM

panjang, kanak-kanak dan orang ramai.

Perlumbaan mountain bike dan maraton yang diadakan adalah merupakan acara utama, dan ianya mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para peminatnya sama ada tua atau pun remaja di daerah ini.

Acara yang tidak kurang mendapat sambutan-nya dari kalangan warga tua ialah acara pertandingan bermukim adalah merupakan acara hiburan yang dipertandingkan dalam Pesta Karangan ini.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam kedua-dua acara ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin yang juga melancarkan pesta tersebut.

Pesta Karangan ini dihasratkan untuk memelihara lagi suasana sambutan Hari Keputeraan. Selain itu menjadikan Taman Rekreasi Batang Duri sebagai tempat daya tarikan kepada para pelancong ke daerah ini.



KELAB KEMBARA yang diketuai oleh Awang Mustapa bin Kahar berjaya berbasikal ke Kota Kinabalu, Sabah dengan hanya mengambil masa dua hari iaitu sejauh 336 kilometer. Gambar atas, para ahli kelab itu meraikan kejayaan mereka. - Gambar ihsan Kelab Kembara.

KEMBARA berjaya berbasikal ke Kota Kinabalu

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Buat pertama kalinya, 10 orang ahli Kelab Kembara Mountain Bike berjaya berbasikal ke Kota Kinabalu, Sabah dengan hanya mengambil masa dua hari walaupun perjalanan sejauh 336 kilometer.

Kejayaan itu merupakan yang pertama dibuat oleh sebarang kelab basikal atau penunggang peribadi di negara ini memandangkan perjalanan yang terlalu jauh serta terpaksa melintasi hampir 30 anak bukit dan bukit curam.

Kelab Kembara yang diketuai oleh Awang Mustapa bin Kahar dan sembilan yang lain memulakan perjalanan mereka di Kompleks Kiulap, Gadong pada hari Ahad, 5 Ogos menuju Limbang, Temburong dan Lawas sebelum mereka bermalam di sana.

Keesokkan harinya, 7.45 pagi, mereka bertolak ke Kota Kinabalu dengan melintasi Merapok, Sindumin, Sipitang, Beaufort dan Papar sebelum sampai ke Bandar Raya, Kota Kinabalu kira-kira 6.15 petang di hari yang sama.

Kembara berada di Bandar Raya Kota Kinabalu selama tiga hari bagi meraikan kejayaan sebelum pulang dengan kapal laut menuju Labuan pada 9 Ogos lalu.

Walaupun kejayaan mereka itu bukanlah bertujuan membuat sebarang penciptaan bagi negara namun ia merupakan kesungguhan dan keyakinan yang orang Brunei boleh buat jika orang lain boleh buat.

Kata-kata semangat itu diluahkan oleh ketua rombongan ketika wakil PELITA BRUNEI

Oleh Abdullah Asgar

menemu bual beliau ketika balik dari Kota Kinabalu.

Menurutnya, perancangan di masa depan Kelab Kembara akan cuba berbasikal ke Bandar Raya Kuching, Sarawak. Ini tertakluk kepada adanya penaja sebelum cuba berbasikal mengelilingi Pulau Borneo dengan masa yang ditentukan suatu hari nanti.

"Kami juga setiap bulan mungkin akan berbasikal ke Lawas, Miri dan Temburong sebagai latihan pendedahan bagi mengekalkan ketahanan fizikal," kata beliau mengakhiri temu bual.

